

BUKU ABSTRAK



PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Setelah 63 tahun merdeka, sistem pendidikan Malaysia masih berhadapan pelbagai cabaran untuk mema generasi yang seimbang dan harmonis terutamanya aspek kerohanian dan emosi. Tidak dinafikan, pendidikan sedia ada berjaya melahirkan individu-individu yang cemerlang dalam akademik seterusnya professional dalam pelbagai bidang. Namun, tidak sedikit daripada mereka mengalami kekosongan rohani dan gejala jiwa sehingga menyukarkan mereka untuk mengurus diri dan kehidupan yang akhirnya mewujudkan krisis ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk menginsankan pendidikan di Malaysia dengan mengembalikan asas kemanusiaan yang digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Asas kemanusiaan ini juga perlu didasari dengan prinsip agama dan nilai-nilai murni sejagat untuk mema semula manusia yang holistik dan rasional.

Majlis Dekan Pendidikan Malaysia merupakan salah satu badan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan kerjasama serta perkongsian idea dan kepakaran yang berkaitan dengan penawaran program pendidikan di Universiti Awam (UA). Ia menganjurkan seminar di peringkat kebangsaan setiap tahun sebagai wadah perkongsian hasil penyelidikan dan pertukaran idea ke arah memperkasakan program pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2020, majlis ini bekerjasama dengan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia menganjurkan MEDC2020



TEMA: Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia

SUB TEMA

1. Pendidikan Holistik di Malaysia
2. Pendidikan Berasaskan Nilai
3. Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0
4. Pendidikan dalam Konteks Norma Baharu

KANDUNGAN

PENGENALAN	2
ABSTRAK KERTAS KERJA MEDC2020	10
MEDC00001.....	11
MEDC00002.....	12
MEDC00003.....	13
MEDC00006.....	14
MEDC00008.....	15
MEDC00009.....	16
MEDC00011.....	17
MEDC00012.....	18
MEDC00014.....	19
MEDC00015.....	20
MEDC00016.....	21
MEDC00017.....	22
MEDC00018.....	23
MEDC00019.....	24
MEDC00020.....	25
MEDC00021.....	26
MEDC00023.....	27
MEDC00024.....	28
MEDC00026.....	29
MEDC00028.....	30
MEDC00029.....	31
MEDC0003.....	32
MEDC00031.....	33
MEDC00032.....	34
MEDC00033.....	35
MEDC00034.....	36
MEDC00035.....	37
MEDC00036.....	38
MEDC00037.....	39
MEDC00038.....	40
MEDC00039.....	41
MEDC00040.....	42
MEDC00041.....	43

MEDC00042.....	44
MEDC00043.....	45
MEDC00045.....	46
MEDC00046.....	47
MEDC00051.....	48
MEDC00052.....	49
MEDC00053.....	50
MEDC00054.....	51
MEDC00055.....	52
MEDC00056.....	53
MEDC00057.....	54
MEDC00058.....	55
MEDC00059.....	56
MEDC00060.....	57
MEDC00061.....	58
MEDC00063.....	59
MEDC00064.....	60
MEDC00065.....	61
MEDC00066.....	62
MEDC00067.....	63
MEDC00068.....	64
MEDC00071.....	65
MEDC00072.....	66
MEDC00073.....	67
MEDC00074.....	68
MEDC00075.....	69
MEDC00076.....	70
MEDC00077.....	71
MEDC00079.....	72
MEDC00080.....	73
MEDC00081.....	74
MEDC00082.....	75
MEDC00083.....	76
MEDC00084.....	77
MEDC00085.....	78
MEDC00086.....	79
MEDC00087.....	80

MEDC00088.....	81
MEDC00090.....	82
MEDC00091.....	83
MEDC00092.....	84
MEDC00094.....	85
MEDC00095.....	86
MEDC00099.....	87
MEDC00100.....	88
MEDC00101.....	89
MEDC00102.....	90
MEDC00103.....	91
MEDC00104.....	92
MEDC00105.....	93
MEDC00106.....	94
MEDC00107.....	95
MEDC00108.....	96
MEDC00109.....	97
MEDC00110.....	98
MEDC00111.....	99
MEDC00114.....	100
MEDC00115.....	101
MEDC00116.....	102
MEDC00118.....	103
MEDC00119.....	104
MEDC00122.....	105
MEDC00124.....	106
MEDC00127.....	107
MEDC00128.....	108
MEDC00130.....	109
MEDC00132.....	110
MEDC00133.....	111
MEDC00134.....	112
MEDC00135.....	113
MEDC00136.....	114
MEDC00137.....	115
MEDC00139.....	116
MEDC00142.....	117

MEDC00143.....	118
MEDC00144.....	119
MEDC00145.....	120
MEDC00146.....	121
MEDC00148.....	122
MEDC00149.....	123
MEDC00150.....	124
MEDC00151.....	125
MEDC00153.....	126
MEDC00154.....	127
MEDC00155.....	128
MEDC00159.....	129
MEDC00161.....	130
MEDC00163.....	131
MEDC00169.....	132
MEDC00170.....	133
MEDC00173.....	134
MEDC00178.....	135
MEDC00200.....	136
MEDC00201.....	137
MEDC00206.....	138
MEDC00207.....	139
MEDC00210.....	140
MEDC00212.....	141
MEDC00215.....	142
MEDC00216.....	143
MEDC00217.....	144
MEDC00218.....	145
MEDC00222.....	146
MEDC00223.....	147
MEDC00224.....	148
MEDC00225.....	149
MEDC00226.....	150
MEDC00227.....	151
MEDC00228.....	152
MEDC00229.....	153
MEDC00300.....	154

MEDC00301.....	155
ABSTRAK PERTANDINGAN INNOMEDC2020	156
IMEDC10001.....	157
IMEDC10002.....	158
IMEDC10003.....	159
IMEDC10004.....	160
IMEDC10005.....	161
IMEDC10006.....	162
IMEDC10007.....	163
IMEDC10008.....	164
IMEDC10009.....	165
IMEDC10010.....	166
IMEDC10011.....	167
IMEDC10012.....	168
IMEDC10013.....	169
IMEDC10014.....	170
IMEDC10015.....	171
IMEDC10016.....	172
IMEDC10017.....	173
IMEDC10018.....	174
IMEDC10019.....	175
IMEDC10020.....	176
IMEDC10021.....	177
IMEDC10022.....	178
IMEDC10023.....	179
IMEDC10024.....	180
IMEDC10025.....	181
IMEDC10026.....	182
IMEDC10027.....	183
IMEDC10028.....	184
IMEDC10029.....	185
IMEDC10030.....	186
IMEDC10032.....	187
IMEDC10033.....	188
IMEDC10034.....	189
IMEDC10035.....	190
IMEDC10036.....	191

IMEDC10037.....	192
IMEDC10038.....	193
IMEDC10039.....	194
IMEDC10040.....	195
IMEDC10042.....	196
IMEDC10043.....	197
IMEDC10044.....	198
IMEDC10045.....	199
IMEDC10046.....	200
IMEDC10047.....	201
IMEDC10048.....	202
IMEDC10049.....	203
IMEDC10050.....	204
IMEDC10052.....	205
IMEDC10053.....	206
IMEDC10056.....	207
IMEDC10057.....	208
IMEDC10058.....	209
IMEDC10059.....	210
IMEDC10060.....	211
IMEDC10061.....	212
IMEDC10062.....	213
IMEDC10063.....	214
IMEDC10064.....	215
IMEDC10065.....	216
IMEDC10067.....	217
IMEDC10068.....	218
IMEDC10069.....	219
IMEDC10070.....	220
IMEDC10071.....	221
IMEDC10073.....	222
IMEDC10074.....	223
IMEDC10075.....	224
IMEDC10076.....	225
IMEDC10077.....	226
IMEDC10078.....	227
IMEDC10079.....	228

IMEDC10080.....	229
IMEDC10081.....	230
IMEDC10082.....	231
IMEDC10083.....	232

ABSTRAK KERTAS KERJA MEDC2020

Tentang MEDC 2020

Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia

- Menginsankan pendidikan di bawah Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam konteks integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.
- Membawa perspektif baharu dalam proses menginsankan pendidikan di negara ini.



PENGARUH MOTIVASI PELAJAR DALAM PROGRAM LATIHAN KEBOLEHPASARAN DI ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Mohd Hazwan Mohd Puad¹, Nor Suhaila Mad Nawe²

^{1,2}*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

¹hazwan@upm.edu.my, ²suhailaaa94@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Dalam menghadapi cabaran dunia seperti ketidaktentuan ekonomi global, ancaman wabak pandemik COVID-19, penyelarasan norma baharu, dan perubahan sistem kesihatan awam, isu pengangguran graduan pengajian tinggi terus mendapat perhatian semua pihak. Kebolehpasaran graduan menjadi subjek utama percaturan bagi membantu mengatasi masalah pengangguran dalam negara yang terkesan akibat cabaran tersebut. Program latihan kebolehpasaran graduan merupakan antara usaha berterusan bagi melahirkan tenaga kerja negara yang berpengetahuan dan berkemahiran serta kompeten menghadapi cabaran di era Revolusi Industri 4.0.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor pembentukan motivasi pelajar yang terlibat dalam program latihan kebolehpasaran dan mengkaji kesan daripada pembentukan motivasi.

Metodologi – Kajian kualitatif ini melibatkan seramai dua orang pelajar dari program kebolehpasaran graduan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dipilih sebagai informan kajian. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Pengkaji adalah instrumen dalam kajian ini.

Dapatan – Dapatan kajian menemukan bahawa terdapat beberapa faktor pembentukan motivasi pelajar yang terlibat dalam program latihan kebolehpasaran iaitu faktor diri sendiri, minat, keluarga, jaminan kerja, persekitaran, penganjur program, sikap, dan pengaruh media.

Kepentingan – pengenalanpastian faktor dan hasil pembentukan motivasi memberi informasi yang signifikan kepada pihak penganjur untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran kebolehpasaran, kepuasan dan minat. Pihak universiti dicadangkan memperkenalkan pelbagai program latihan kebolehpasaran graduan untuk meningkatkan kemahiran dan daya saing pelajar dalam menghadapi ketidaktentuan cabaran dunia pekerjaan pada hari ini.

Kata Kunci: motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, program latihan kebolehpasaran.

NILAI RASA INSANIAH DALAM PENINGKATAN KERJAYA KEGURUAN BAHASA MELAYU

Shamsudin Othman¹, Azhar Md Sabil

¹*Universiti Putra Malaysia*

s_shamsudin@upm.edu.my

ABSTRAK

Guru Bahasa Melayu kini sedang berhadapan dengan situasi yang sangat mencabar dalam usaha memartabkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Para guru Bahasa Melayu dilihat terpaksa berhadapan dengan era globalisasi yang mendesak keperluan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu. Justeru penulisan ini akan memperlihatkan bagaimana Model Rasa Insaniah (MRI, Shamsudin Othman: 2012) dapat menjadi pemangkin kepada daya tahan guru Bahasa Melayu ketika berhadapan dengan cabaran yang menekan itu. MRI yang menjadi asas teori dalam tulisan ini diharap dapat mengaitkan hubungan ciri-ciri insan khususnya terhadap peribadi (karakterisme) seorang dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik juga model insan dalam konteks pendidikan dan budaya ilmu. Penulisan bersifat aplikasi konsep ini akan menjelaskan sejauh mana MRI yang terdiri daripada tiga prinsip utama, iaitu (1) Pengabdian kepada Allah SWT, (2) Mengutamakan Adab dan (3) Ketinggian Kehalusan Makna dapat dijadikan sandaran bagi mengupas nilai dan sahsiah kerjaya keguruan. Sejajar dengan itu, berdasarkan penulisan ini akan memperlihatkan tuntutan asa takwa seorang insan kepada Penciptanya seperti yang termaktub dalam prinsip pertama MRI, iaitu prinsip Pengabdian kepada Allah SWT. Hal ini sejajar dengan hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a bahawa baginda Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa "takwa (takutkan Allah SWT) dan akhlak yang mulia". Penulisan ini turut menyentuh hal-hal yang bersangkutan dengan permasalahan yang berkaitan isu-isu semasa guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: model rasa insaniah, pengabdian kepada Allah, pendidikan dan isu bahasa Melayu.

**ANJAKAN DIGITALISASI PEDAGOGI BAKAL GURU BAHASA MELAYU:
PERTIMBANGAN TERHADAP ASPEK KEMANUSIAAN DAN TUNTUTAN AKADEMIK**

Marzni Mohamed Mokhtar¹, Marni Jamil
marzni@upm.edu.my

ABSTRAK

Suku tahun 2020 menyaksikan kemelut pandemik, Covid19 telah menjadi pencetus ke arah perubahan gaya hidup masyarakat sejagat termasuklah Malaysia sama ada merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi bagi Fasa Keempat hingga 12 Mei 2020. Perubahan secara drastik ini menyaksikan warga dunia pendidikan perlu mencari pelbagai penyelesaian alternatif bagi menangani isu pengajaran dan pembelajaran akibat kemaraan virus ini yang hingga kini masih belum ditemui vaksin terbaik untuk mencegahnya. Anjakan digitalisasi pedagogi bakal guru Bahasa Melayu memperlihatkan kebergantungan mereka secara langsung terhadap penggunaan peranti, aplikasi mahupun perisian teknologi bagi membolehkan proses penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dalam talian. Malah, bakal-bakal guru ini dilihat giat berusaha secara kreatif dalam memvariasikan proses pengajaran dan pembelajaran secara digital sebagai memenuhi tuntutan akademik sebagai pelajar tahun akhir yang menjalani Latihan Mengajar dan Industri (LMI). Persoalannya, adakah kita juga turut memikirkan aspek kemanusiaan bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam tempoh PKP ini? Pelbagai dilema, persoalan mahupun keresahan dalam kalangan pengamal dan pengguna ilmu dapat dirasai dalam tempoh PKP ini berlangsung. Makalah ini akan membahaskan isu kemanusiaan dan tuntutan akademik yang perlu dilunaskan oleh bakal guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pedagogi secara dalam talian.

Kata kunci: akademik, bakal guru, digitalisasi pedagogi, kemanusiaan.

**SIJIL 'STAR RATING' (SSR) PENARAFAN KUALITI SOLEKAN PELAJAR TERAPI
KECANTIKAN DAN SPA KOLEJ KOMUNITI MUAR, JOHOR**

Erwinhirma Sahir, Ruslin Amir & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin
P91451@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pengenalan *Sijil 'Star Rating'* penarafan kualiti dalam projek solekan secara langsung dapat meningkatkan tahap kualiti solekan pelajar pada pandangan bakal pelanggan dan majikan. Kumpulan sasaran kajian ini adalah 10 pelajar semester 2, Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Muar, Johor. Fokus kajian ini adalah untuk memberi nilai tambah kepada penilaian projek solekan pelajar bukan hanya setakat memberi markah dan gred berpandukan rubrik pentaksiran rasmi seperti yang biasa dilakukan. Pengenalan *Sijil 'Star Rating'* berdasarkan markah di dalam rubrik pentaksiran adalah satu usaha untuk meningkatkan taraf kualiti hasil solekan pelajar di mana tiga tahap kualiti solekan yang terbaik akan diberikan *Sijil 'Star Rating'* iaitu Sijil 5 tang, Sijil 4 tang dan Sijil 3 tang. *Sijil 'Star Rating'* ini akan memberi nilai tambah kepada kualiti diri pelajar sebagai jurusolek amatir semasa berada di alam pekerjaan mahupun ketika ingin mendapatkan tempat menjalani latihan praktikum. Tinjauan awal mendapati permasalahan kualiti hasil projek solekan pelajar yang rendah dan tidak menepati sasaran pensyarah mula dikesan pada semester yang lepas. Dijangka kajian ini dapat meningkatkan kualiti hasil projek solekan pelajar dan meningkatkan kesungguhan pelajar menghasilkan solekan yang terbaik. Kajian ini turut menyumbang kepada pendidikan holistik di mana kecemerlangan pelajar yang menguasai kemahiran ini akan menjadi aset sepanjang hayat buat diri mereka.

Kata kunci: Kajian Tindakan, penarafan kualiti solekan, pelajar Terapi Kecantikan dan Spa, *Sijil 'Star Rating'* (SSR)

**PENINGKATAN PENGUASAAN TATABAHASA MELALUI PENDEKATAN
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ
KOMUNITI LEDANG BAGI KURSUS MPU 1212: BAHASA KEBANGSAAN**

Saritha Chellamuthu¹, Wan Muna Ruzanna Bt Wan Mohammad²

¹*Sekolah Kebangsaan Convent Muar, Malaysia*

² *Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia*
sairitha@yahoo.com , munaruzanna@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan PBP dapat meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa bagi kursus MPU 1212 Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Ledang.

Tujuan- Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) dapat meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa bagi kursus MPU 1212 Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Ledang.

Methodologi - Kajian ini pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) ini dilaksanakan kepada 6 orang pelajar yang mengambil kursus MPU 1212: Bahasa Kebangsaan di Kolej Komuniti Ledang, Johor. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang tidak kredit Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Instrumen ujian pra, ujian pasca, dan intervensi PBP digunakan sepanjang pengajaran dan pembelajaran (PdPc) serta pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Dapatan - Hasil dapatan terbukti bahawa terdapat kesan yang signifikan terhadap tahap penguasaan tatabahasa pelajar dengan penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) semasa PdP berlangsung. Dengan penguasaan tatabahasa dan penggunaan bahasa yang betul dan tepat, didapati pelajar juga telah menunjukkan perubahan dalam komunikasi, kerja berkumpulan, serta tidak lagi segan untuk membentangkan hasil kerja di hadapan pelajar yang lain.

Kepentingan - Implikasi kajian mendapati PBP merupakan satu cara yang terbaik untuk mencapai matlamat, iaitu dapat meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa dalam kursus Bahasa Kebangsaan

Kata Kunci: Kolej Komuniti Ledang, MPU 1212 Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu, Pembelajaran Berasaskan Projek, Tatabahasa.

**PENGUNAAN KAEDAH VIDEO MODELLING UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN
BERINTERAKSI SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER KIMPALAN DI
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR (ILPKL)**

Gayathri Sunarun & Azlina Abdul Aziz

*General Studies Department, Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur(ILPKL)
gayathrisunarun@gmail.com*

ABSTRAK

Pengenalan – Kajian ini adalah berdasarkan penggunaan kaedah video modelling untuk meningkatkan kemahiran berinteraksi sosial dikalangan pelajar latihan industri

Objektif – Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kaedah penggunaan video modelling ini apabila pelajar mula berinteraksi dengan orang. Sampel nagi kajian ini terdiri daripada 25 pelajar lelaki semester 2 dari Bahagian Kimpalan di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL)

Methodologi – Terdapat 2 jenis borang soal selidik jenis berstruktur dan tidak berstruktur yang disediakan yang diberikan kepada pelajar tersebut. Borang soal selidik yang berstruktur memerlukan pelajar untuk memberi respon samada mereka setuju atau tidak setuju. Ujian pre-test dan post-test telah dijalankan untuk mengukur kesan sebelum dan selepas penggunaan kaedah tersebut. Kedua-dua ujian tersebut telah disediakan oleh penulis sendiri dengan mengikut silibus dari institute.

Dapatan – Kajian ini telah menunjukkan yang kaedah penggunaan video modelling dalam pengajaran Bahasa Inggeris ini dapat mendorong kelancaran komunikasi dikalangan pelajar.

Kepentingan – Pada akhir kajian ini, pengajaran kemahiran sosial kepada pelajar telah berkesan dengan penggunaan video modelling, malah ia juga telah meningkatkan lagi pemikiran kritikal, penggunaan tatabahasa dan memperbaiki kemahiran pelajar dalam Technical English. Disamping itu, pelajar juga memperoleh pengalaman darisegi memperbaiki kemahiran berkomunikasi, meningkatkan ilmu dalam perbualan

Kata kunci: Kemahiran Interaksi Sosial, Kemahiran Sosial, Pemikiran Kritikal dan Video Modelling.

HUBUNGAN PEMBANGUNAN PENERAPAN NILAI DALAM PENDIDIKAN ABAD KE 21 KE ARAH PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID SEKOLAH KURANG MURID (SKM) DI DAERAH RANAU SABAH

**Dg Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli, Roslee Talip, Soon Singh A/L Bikar Singh, Lee Bih
Ni, Tan Choon Keong, Mad Noor B. Mad Japuni**

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota
Kinabalu, Sabah, Malaysia
dndz@ums.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan - Penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan murid mempunyai banyak halangan dan cabaran kerana para guru perlu memastikan murid yang dilahirkan bukan sekadar mengamalkan tetapi turut menghayati nilai-nilai murni bagi membentuk sahsiah yang utuh.

Objektif – Kertas kajian ini akan memcangkan hubungan antara pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 dengan pembentukan sahsiah murid Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Ranau, Sabah.

Methodologi - Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan bereka bentuk bukan eksperimen. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 50 orang guru SKM yang dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Instrumen soal selidik pula digunakan bagi mengukur variabel-variabel kajian. Data mentah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dengan menggunakan analisis statistik inferensi yang melibatkan ujian Korelasi Pearson.

Dapatan - Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 dengan pembentukan sahsiah murid ($r=0.74$, $P<0.05$).

Kepentingan - Hasil kajian ini memberi input baharu tentang pembentukan sahsiah murid berdasarkan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 yang diharap dapat memberikan manfaat kepada bidang pendidikan negara dalam usaha melahirkan murid seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kata Kunci: Penerapan Nilai, Pembentukan Sahsia Murid, Sekolah Kurang Murid (SKM).

**PROFIL JATI DIRI HOLISTIK DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT MALAYSIA.**

**Rorlinda Yusof, Fazilah Idris, Salleh Amat, Tengku Elmi Azlina Tengku Muda,
Syafri Men Syafri**

Universiti Kebangsaan Malaysia.

rorlinda@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kemencapaian pelajar pintar dan berbakat (PB) dapat dilihat menerusi pembangunan sendiri yang holistik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil jati diri holistik pelajar pintar dan berbakat serta hubungannya dengan pencapaian akademik. Reka bentuk kajian ini melibatkan kaedah tinjauan. Seramai 300 orang pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dari program pendidikan pintar dan berbakat di Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia telah memberi respon kepada instrumen Kajian Jati diri Holistik Pintar (JDHP) yang mengandungi 212 item bagi mengukur lapan komponen jati diri; Jati diri intelek (pengetahuan sendiri), Emosi, Kerohanian, Sosial, Kepimpinan, Kewarganegaraan, dan Adversiti. Instrumen ini menggunakan pengukuran skala likert dan nilai kebolehpercayaan instrumen adalah 0.991. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 15.0. Secara keseluruhan kajian mendapati skor tahap jati diri pelajar Pintar dan berbakat berada pada tahap yang tinggi (min = 4.09, SP = 0.449). Hasil kajian juga menunjukkan hubungan yang lemah di antara jati diri keseluruhan dengan pencapaian akademik dalam kalangan sampel yang dikaji. Bagaimanapun terdapat hubungan signifikan yang kuat di antara pencapaian akademik dengan jati diri kewarganegaraan dan adversiti. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan penyediaan nilai-nilai jati diri holistik merentas kurikulum khususnya proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan aktiviti ko kurikulum pelajar pintar dan berbakat

Kata Kunci: Jati diri, pelajar pintar dan berbakat, pembangunan holistik

PERANAN PENASIHAT INDUSTRI DALAM PEMBANGUNAN KURIKULUM PENDIDIKAN TINGGI

Nurul Aini Mohd. Ahyan, Nor Farahwahidah Abdul Rahman
Universiti Teknologi Malaysia
nurul.aini@utm.my

ABSTRAK

Pada era globalisasi ini, pemantapan sistem pendidikan negara merupakan antara tonggak utama untuk memajukan negara masing-masing dalam membentuk sebuah negara yang dinamik di taraf global. Usaha pemantapan sistem pendidikan di Malaysia adalah selaras dengan kemajuan peredaran zaman masa kini. Bertitik tolak daripada inisiatif tersebut, kurikulum sesuatu pembelajaran itu hendaklah sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa supaya pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari itu seiring dengan kehendak semasa. Umum menganggap bahawa, semakin cepat dan ramai graduan yang bekerja, semakin popular, hebat dan relevan ia ditawarkan kepada para belia di luar sana. Sekiranya graduan kekal menganggur dalam masa yang lama, dan dalam kuantiti yang ramai pula, adakah kesalahan utama, jatuh pada program itu sendiri? Adakah program yang ditawarkan sudah tidak relevan dan tidak mendapat tempat di hati para majikan di luar sana? Justeru, dengan merujuk kepada ruang lingkup pengajian tinggi, artikel ini akan memcangkan keberhasilan seseorang graduan dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang secara klise-nya diukur berdasarkan faktor kebolehpasaran mereka. Melalui kupasan ini diharap agar keberhasilan pelajar dalam mencapai objektif pendidikan program adalah sesuatu yang menjadi keutamaan dalam memastikan sesuatu program kekal lestari dan sentiasa menjadi pilihan utama.

**TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN MAHASISWA
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA**

**Zainudin Hassan, Muhammad Akmal Hakim Hazman, Mohd Zolkifli Abd Hamid,
Sanitah Mohd, Jamilah Ahmad**
p-zainudin@utm.my

ABSTRAK

Universiti seharusnya memainkan peranan dalam memastikan mahasiswa menguasai kemahiran insaniah agar graduan yang bakal dilahirkan berkualiti tinggi, berkecekapan dan menepati kriteria yang ditetapkan oleh pasaran pekerjaan. Namun terdapat rungutan daripada majikan yang mengatakan graduan tidak menguasai kemahiran insaniah ketika menuntut di Universiti. Oleh yang demikian satu kajian telah dijalankan bagi melihat kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa IPTS. Objektif kajian ini ialah mengkaji tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa IPTS. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 240 orang mahasiswa telah menjawab borang soal selidik yang disediakan. Hasil analisis mendapati mahasiswa IPTS menguasai kemahiran insaniah yang telah ditetapkan oleh kementerian. Kajian ini membuktikan mahasiswa IPTS memperolehi elemen kemahiran insaniah melalui Aktiviti Formal Pengajaran dan Pembelajaran dan Aktiviti Kokurikulum. Kajian ini penting dalam membantu universiti melahirkan graduan yang berkualiti, berkecekapan dan kompeten yang mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan dan membantu meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara.

Kata kunci: Kemahiran Insaniah, Kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika dan moral, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat.

PEMBELAJARAN DALAM TALIAN PADA ERA COVID-19: PENGALAMAN PELAJAR KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN FPBU

Lubna Abd Rahman, Zalika Adam, Wan Azura Wan Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
lubna@usim.edu.my, zalika@usim.edu.my, wanazura@usim.edu.my,
rosilawati@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Masyarakat seluruh dunia menyaksikan satu perubahan drastik dalam cara hidup mereka sejak berlakunya penularan wabak COVID-19. Perubahan ini meliputi semua aspek kehidupan termasuklah sosial, ekonomi dan politik. Masyarakat terpaksa mengharungi norma kehidupan baharu bagi mengekang penularan pandemik ini. Bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun institusi pengajian tinggi turut terkesan dengan perubahan tersebut. Di Malaysia, para pendidik dan pelajar mula beralih daripada pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dan bilik kuliah kepada norma baharu PdP dalam talian (online). Pelbagai platform digunakan untuk merealisasi sistem PdP seperti penggunaan Google Classroom, Telegram, Zoom, Microsoft dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut mewajibkan pembelajaran atas talian selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Tinggi agar kaedah pembelajaran tersebut dilaksanakan secara berterusan sehingga Disember 2020. Bukanlah mudah untuk berubah kepada normal baharu kerana perubahan ini berlaku secara drastik.

Objektif – Kajian ini cuba melihat perubahan ini dari kaca mata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran atas talian.

Methodologi – Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dan hanya memilih sebahagian pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan (MP) sebagai sampel kajian.

Dapatan – Kajian awal mendapati kursus ini bukanlah mudah untuk dipelajari melalui dalam talian kerana memerlukan penerangan secara terus daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga kurang selesa mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah untuk bertanya apa jua permasalahan yang dihadapi semasa melakukan tugas.

Kepentingan – Kajian ini diharapkan dapat diambil perhatian oleh pihak berwajib untuk memastikan kaedah PdP sentiasa dalam keadaan yang selesa kepada pelajar dan memberi manfaat yang optimal dalam pembelajaran mereka.

Kata Kunci: COVID-19, kursus Metodologi Penyelidikan, pembelajaran atas talian.

NILAI DALAM KISAH PARA NABI SEBAGAI TERAS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT AL-NADWI

Mohd Shahrizal Nasir, Kamarul Shukri Mat Teh
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin
shahrizal_nasir@yahoo.com.my, kamarul@unisza.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Pendidikan merupakan antara agenda penting dalam usaha dakwah Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi). Usaha al-Nadwi mengupas isu-isu berkaitan pendidikan dapat dilihat menerusi penghasilan karya yang difokuskan untuk kanak-kanak. Pendidikan yang ditekankan oleh al-Nadwi adalah pendidikan yang berteraskan Islam selaras dengan komitmen beliau sebagai seorang pemikir Islam. Lebih menarik untuk diperhatikan ialah apabila al-Nadwi sebagai seorang pemikir hebat turut menjadikan karya kreatif sebagai wadah untuk mendidik golongan kanak-kanak. Ini dibuktikan dengan penghasilan karyanya berjudul “Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak” (*Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*) yang diterbitkan pada tahun 1946.

Objektif – Kertas kerja ini akan merungkai beberapa nilai diketengahkan oleh al-Nadwi dalam karyanya untuk kanak-kanak yang menjadikan kisah para nabi sebagai konteks pengkisahan. Pelabelan “Untuk Kanak-Kanak” pada judul karyanya menyerlahkan kesesuaian kandungan karya dengan golongan kanak-kanak.

Metodologi – Kaedah analisis teks atau disebut juga analisis kandungan akan digunakan dengan meneliti karya al-Nadwi berjudul “Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak”.

Dapatan – Hasil penelitian mendapati bahawa semua nilai yang terkandung dalam kisah para nabi seperti sabar mendepani cabaran, berani atas kebenaran, serta dedikasi menggalas tanggungjawab merupakan nilai-nilai murni yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan bermula dari usia kanak-kanak lagi. Nilai-nilai yang baik inilah akan dapat menyerlahkan keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepertimana yang dituntut oleh Islam.

Kepentingan – Dapatan kajian dalam kertas kerja ini dilihat dapat memberi panduan kepada pihak ibu bapa dan guru untuk menjadikan kisah para nabi yang berasaskan sumber berautoriti sebagai bahan bacaan awal terpenting untuk golongan kanak-kanak.

Kata Kunci: Nilai dalam karya sastera, kisah para nabi, pendidikan awal kanak-kanak, Sastera Islam, Sastera Kanak-Kanak Islami.

KEBERKESANAN PENGGUNAAN LAGU BERASASKAN TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN KATA DI KALANGAN PELAJAR TAHUN DUA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Tracy Joann, Stanlee, Soon Singh, A/L Bikar Singh

Faculty of Psychology and Education,
Universiti Malaysia Sabah

tracy_joann@yahoo.com, soonbs@ums.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Tahap penguasaan Bahasa Inggeris masih boleh dipertikaikan walaupun negara Malaysia mempunyai 11 ke 13 tahun pembelajaran bahasa Inggeris secara formal di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Akibatnya, mereka gagal dan perlu mengambil semula ujian Malaysian University English Test (MUET) kerana pelajar perlu memenuhi syarat tertentu bahasa Inggeris di universiti. Tahap penguasaan yang rendah dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar menjadi perhatian dan topik percangan di kalangan pendidik, kerajaan dan masyarakat.

Objektif - Dengan perkembangan teknologi dalam Revolusi Industri 4.0, para pengkaji ingin melihat keberkesanan penggunaan lagu berdasarkan teknologi untuk meningkatkan kecekapan perbendaharaan kata di kalangan pelajar – pelajar yang mengambil subjek Bahasa Inggeris.

Methodologi - Seramai 65 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian menggunakan kaedah Quasi – Eksperimental yang berjalan selama tujuh minggu. 35 orang ditempatkan pada kumpulan Eksperimen dan menggunakan lagu berasaskan teknologi sebagai intervensi, manakala 30 orang dalam kumpulan kawalan dan hanya menggunakan kaedah pembelajaran tradisional.

Dapatan - Data diambil daripada 65 pelajar melalui ujian pra dan pasca yang menggunakan soalan perbendaharaan kata. Selepas ujian sampel berpasangan T – Test dijalankan, hasil kajian menunjukkan markah min adalah tinggi pada kumpulan eksperimental berbanding markah min pada kumpulan kawalan.

Kepentingan - Secara kesimpulannya, kajian ini dapat membantu memberi idea kepada tenaga pengajar untuk menyampaikan pembelajaran dengan lebih efektif, di mana mereka dapat kemahiran baru dalam menggunakan teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian ini secara tidak langsung telah memperlihatkan prosedur yang lebih efektif dalam meningkatkan Kemahiran Abad ke – 21, seiring dengan Revolusi Industri 4.0.

Kata Kunci: Lagu Berdasarkan Teknologi, Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris, Revolusi Industri 4.0, Kemahiran Abad ke – 21, Teknologi.

KELEBIHAN PENDEKATAN NARATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS ASAS PSIKOLOGI DAN PERKEMBANGAN MORAL

Maizura Yasin, Nurzihani Saharuddin, Nur Surayyah Madhubala Abdullah.

Universiti Putra Malaysia

y_maizura@upm.edu.my

ABSTRAK

Kelebihan Pendekatan Naratif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Asas Psikologi Dan Perkembangan Moral Pendidikan merupakan satu proses memanusiakan manusia ke arah melahirkan generasi yang bertamadun. Perkembangan pesat dunia pendidikan era digital pada hari ini telah mewujudkan variasi pendekatan pengajaran yang diolah mengikut kesesuaian kursus bagi meraikan kepelbagaian kecerdasan yang dimiliki oleh pelajar. Sejajar dengan itu, pelbagai inovasi pengajaran telah dibangunkan di institusi pendidikan seperti sekolah mahupun institusi pengajian tinggi, bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini memcangkan tentang kelebihan pelaksanaan pendekatan naratif dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Asas Psikologi dan Sosiologi Perkembangan Moral. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes (satu kes satu tempat) bagi memahami fenomena ini dari sudut eksposisi pelajar. Persampelan bertujuan menggunakan kriteria pemilihan peserta kajian digunakan dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini, meliputi sesi temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen berdasarkan jurnal sendiri yang dihasilkan oleh pelajar. Seramai 40 orang peserta kajian yang melibatkan 38 pelajar Melayu, dan masing-masing seorang pelajar Cina dan India. Mereka terdiri daripada 10 lelaki dan 30 perempuan dan merupakan pelajar semester empat bagi program Bachelo Bimbingan dan Kaunseling (minor Pendidikan Moral). Data yang diperolehi dari pelbagai sumber dianalisis secara manual bagi mendapatkan tema-tema berkaitan. Dapatan kajian ini memaparkan lima tema berkaitan kelebihan menggunakan pendekatan naratif dalam sesi pembelajaran terhadap pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendekatan naratif digital. Implikasi kajian ini dapat mempelbagaikan pendekatan pengajaran yang dapat memberikan kesedaran dan menanam nilai - nilai murni dalam diri pelajar.

PENDIDIKAN ABAD KE 21 DALAM PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA (ESL) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI SABAH, MALAYSIA

Tracy Joann, Stanlee, Suyansah Swanto

Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah

tracy_joann@yahoo.com, suyansah@ums.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Peningkatan persaingan persekitaran global memerlukan sistem pendidikan di Malaysia melalui transformasi dari semua aspek, termasuk penggunaan teknologi dalam pendidikan. Transformasi dalam pendidikan ke arah abad ke-21 tidak hanya diperlukan di sekolah rendah dan menengah, tetapi juga ke institusi pengajian tinggi. Transformasi dalam pendidikan meninggalkan kesan besar pada kebanyakan bidang pendidikan; termasuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL) yang sedang mengalami proses transformasi juga.

Objektif - Kajian literatur ini merangkumi kelebihan menggunakan teknologi di bilik darjah ESL, cabaran semasa yang dihadapi Pendidik ESL ketika mengajar ESL di institusi pengajian tinggi Sabah dan peranan Pendidik Bahasa Inggeris dalam menggunakan pendekatan teknologi dalam pengajaran.

Methodologi – Kajian literatur ini akan dilakukan dengan cara mengkaji kajian – kajian literatur yang dibuat oleh pengkaji lalu.

Dapatan - Dapatan kajian literatur ini mendapati bahawa terdapat kesan baik dalam menggunakan teknologi di bilik darjah ESL, namun terdapat beberapa cabaran yang pendidik ESL hadapi ketika mengajar ESL di institusi pengajian tinggi Sabah.

Kepentingan - Para pendidik tersebut akan berfungsi sebagai fasilitator dan pemberi panduan kepada pelajar dalam menghadapi pembelajaran abad ke – 21 dalam era Revolusi Industri 4.0.

Kata Kunci: Inggeris Sebagai Bahasa Kedua ESL, Revolusi Industri 4.0, Skill Abad Ke-21, Teknologi.

PERLAKSANAAN TEMUDUGA DALAM TALIAN BAGI CALON IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP) UTM

Asha Hasnimy Mohd Hashim, Halijah Ibrahim, Nurlita Hassan, Norhila Mohd Zait
Universiti Teknologi Mara
asha@utm.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan kepada norma baru dalam kehidupan harian. Ini termasuklah dalam pemilihan calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Perlaksanaan temuduga secara bersemuka bagi calon pelajar adalah menjadi prosedur utama yang dipraktikkan oleh Sekolah Pendidikan sejak awal penubuhannya lagi (dahulu dikenali sebagai Fakulti Pendidikan, UTM) dalam pengambilan pelajar baru. Namun disebabkan oleh pandemik COVID-19, Standard Operasi Prosedur (SOP) yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi dalam mengekang penularan virus COVID-19. Sehubungan itu cabaran utama yang perlu dilakukan adalah merancang dan melaksanakan temuduga yang praktikal dalam situasi yang dinamik dan selamat. Kertas kerja ini akan melaporkan perancangan dan pelaksanaan temuduga dalam talian bagi calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan bagi ambilan semester 1 sesi 2020/2021. Ia meliputi perancangan sebelum, semasa dan selepas temuduga dijalankan. Ia juga akan memcangkan cabaran dan refleksi secara menyeluruh mengenai pelaksanaan temuduga dalam talian dalam proses pemilihan calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.

PERSEPSI PELAJAR MUALLAF TERHADAP AMALAN PENGAJARAN GURU: SATU TINJAUAN AWAL

Asmawati Suhid, Muhsin Ahmad, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Norleha Che Abah
Universiti Putra Malaysia
asmawati@upm.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan merupakan alat penting dalam melaksanakan misi dan agenda pembangunan manusia secara holistik. Oleh itu, Islam sangat menekankan pendidikan seperti yang dinyatakan dalam surah yang pertama dalam Al-Quran, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Setiap manusia berhak memperoleh pendidikan untuk menjamin masa depan mereka. Lebih-lebih lagi, untuk menjalani kehidupan yang benar dan tidak bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat, khususnya peraturan Islam. Berdasarkan konsep Pendidikan Untuk Semua, para muallaf juga harus diberi pendidikan yang sewajarnya agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini. Golongan muallaf (baru memeluk Islam) di Malaysia adalah golongan yang diberi perhatian oleh Islam. Baru-baru ini, terdapat peningkatan bilangan individu yang memeluk dan menerima Islam. Bagi memastikan pelajar muallaf memahami dan mempraktikkan dengan betul apa yang telah mereka pelajari, maka guru hendaklah menggunakan kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar muallaf terhadap amalan pengajaran guru mereka di dalam kelas. Seramai 124 pelajar muallaf dari dua pusat pengajian di salah sebuah negeri di Malaysia terlibat dalam kajian ini yang menggunakan kaedah kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data berdasarkan objektif kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa rata-rata pelajar berpandangan positif terhadap pengajaran guru mereka. Kajian ini juga memcangkan beberapa masalah yang dihadapi oleh para pelajar muallaf dalam pembelajaran mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada agensi yang berkaitan dan juga berfungsi sebagai panduan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru.

PROFIL DAN ATRIBUT KEMAHIRAN GENERIK HIJAU DALAM INDUSTRI BERTEKNOLOGI HIJAU

**Mohd Zolkifli Abd Hamid, Zainudin Hassan, Nur Husna Abd Wahid, Nornazira
Suhairom, Ahmad Nabil Md. Nasir**
Universiti Teknologi Malaysia
mohdzol@utm.my

ABSTRAK

Malaysia terus melangkah ke hadapan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) menerusi pelaksanaan dasar dan strategi berteraskan tiga dimensi utama iaitu pemerikasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kejuruteraan semula sosial. Tonggak kepada pembangunan ke arah ekonomi hijau ini ialah sumber manusia yang kompetens dan berkemahiran generik hijau. Kajian secara kaedah bergabung (mixed-methods) ini dijalankan bagi meneliti profil dan atribut kemahiran generik hijau yang perlu ada pada bakal pekerja dalam industri berteknologi hijau. Seramai 85 responden pegawai sumber manusia, latihan dan perekrutan daripada 48 buah industri di pantai barat Senanjung Malaysia terlibat dalam kajian ini. Protokol temu bual terbuka semi berstruktur dan soal selidik dijadikan instrumen penyelidikan dan data kualitatif di analisis secara tematik manakala data kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 24. Sebanyak 10 profil kemahiran generik hijau perlu ada pada sumber manusia yang bekerja dalam industri berteknologi hijau dengan setiap satunya mempunyai atributnya tersendiri. Kemahiran komunikasi hijau menjadi kemahiran paling utama yang perlu dikuasai oleh golongan pekerja kolar hijau. Bagi memastikan negara terus mengecapi pembangunan lestari, kajian tentang penghasilan sumber manusia berkemahiran generik hijau perlu dipertingkatkan. Ini memerlukan komitmen para pemain penyedia perkhidmatan pengajian tinggi dan juga sekutunya dalam industri, sama ada yang berorientasikan pembuatan mahupun perkhidmatan.

Kata kunci: Kemahiran Generik Hijau, Komunikasi Hijau, Industri Berteknologi Hijau, Pembangunan Lestari, Sumber Manusia.

MENGINSANKAN PENDIDIKAN ISLAM MENGIKUT KONSEP DAN PENGERTIAN "BARAKAH" DI SISI ULAMAK.

أنسنة التربية الإسلامية في ضوء مفهوم "البركة" ودلالاتها عند العلماء

Zulkipli Md Isa, Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Bt. Muhammad Saad, Sulaiman Ismail, Lubna Abd Rahman, Muhammad Marwan Ismail, Wahida Bt. Mansor

Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

zulkipli@usim.edu.my, moharani@usim.edu.my, nurhasma@usim.edu.my,
sulaiman.i@usim.edu.my, lubna@usim.edu.my, marwanismail@usim.edu.my,
wahida@usim.edu.my

ملخص البحث

مدار هذا البحث على مفهوم كلمة "البركة" الواردة في قوله تعالى: { لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ } (Al-Quran 7:96) في دراسة لغوية وتربوية، تسعى إلى تجلية مفهوم "البركة" عند العلماء ورصد دلالاتها اللغوية والتربوية لأجل تحقيق مبدأ أنسنة التربية الإسلامية في ضوء الآية الكريمة. وقد تصدر مفهوم هذه الكلمة في الآونة الأخيرة حديث الناس من الأوساط الأكاديمية والإدارية بجامعة العلوم الإسلامية الماليزية، في تأويل دلالاتها وتفسير معانيها باعتبارها منطلقاً مبدئياً تنبني عليه رؤية الجامعة لتحقيق تطلعات ٢٠٣٥م. ومن المؤمل أن تصبح الجامعة وقتئذ حراً جامعياً قادراً على تخريج المربين التربويين والأجيال الربانيين تنسجم شيمهم ومقتضيات مفهوم "البركة". بيد أن إيجاد مفهوم الكلمة في أدق وجوهها لا يقتصر على تأويلات عامة تستهدف أغراضاً معينة دون أسس ومعايير واضحة، وإنما الأمر يقتضي استشراف ما تناوله العلماء - قديماً وحديثاً - خاصة اللغويين عند تسليطهم الأضواء على دلالات الكلمة في أصح صورها ومقتضياتها التطبيقية والتربوية. وذلك لتفادي تقديم دلالات يرضاها بعض فئة من الناس على حساب ثوابت مفهومها من الآية، ما قد يفضي إلى وقوع الناس في اللبس من دلالاتها، ومن ثم الحيلولة دون تحقيق الأهداف المطلوبة. وبناء على ذلك، يصبو هذا البحث إلى وضع القراء أمام صورة واضحة لدلالات كلمة "البركة" كما وردت في الآية الكريمة نحو تحقيق مبدأ أنسنة التربية الإسلامية في ماليزيا عامة وفي جامعة العلوم الإسلامية الماليزية خاصة. وهذا بحث مكتبي وصفي، يستند إلى المنهج الوصفي لتتبع ما تناوله العلماء ووصفه، وتحليل معطياته، مع اتخاذه الأسلوب المقارن للموازنة والترجيح لتحقيق الدقة والصواب من دلالات الكلمة. ولعل ثمرة البحث سيمهد الطريق أمام الناس للظفر بأدق دلالة للكلمة واستيعاب مقتضياتها التطبيقية للعمل بها وفقاً لمراد الآية ومن ثم تحقيق قيم الإنسان في التربية الإسلامية في ماليزيا.

الكلمات المفتاحية: البركة، أنسنة، التربية، دلالات ، دراسة لغوية

THE EFFECTS OF SCAFFOLDING IN FACILITATING LEARNERS' UNDERSTANDING OF THE L2 GRAMMATICAL CONCEPT OF TENSE-ASPECT MARKINGS AMONG L1 LEARNERS.

Fariha Diyana Awang Ali, Nurul Munirah Azamri
Universiti Sains Islam Malaysia
fariha0915@gmail.com

ABSTRAK

This study takes Sociocultural Theory as the basis to explore the role of scaffolding in understanding the English grammatical concept of tense aspect markings in the L2 classroom. Scaffolding is the assistance given to the learners by the instructor or peer who is more expert (Bruner, 1976). Building on Vygotsky (1962) zone of proximal development (ZPD), scaffolding typically targets the gap between current performance and level learners may reach without assistance (Wood, Bruner, & Ross, 2006). This study explored one of the forms of scaffolding which is metacognitive scaffolding by Hannafin et al. (1999). It was proposed that metacognitive scaffolding facilitates Malay L1 students' understanding of English grammatical concept of tense aspect markings with reference to present perfect, present continuous and past continuous. This study presented and analysed data from 30 L1 Malay students of a private institution in Hulu Kelang. This study employed a quantitative data collection approach. The participants underwent four sessions of data collection procedures; Pre-test, Briefing Session, Scaffolding treatment, Post-test. The data for the quantitative analysis will be analysed by using Paired Sample T-Test. Findings revealed the increment of mean in post-test as compared to mean in pre-test. This result may be explained by the fact that the two dominant mechanisms of metacognitive scaffolding do have positive influence on students' understanding of English tense aspect markings.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN SAINS DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

Y.K., Ang & M.F., Lee

*Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mflee@uthm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Sains merupakan satu mata pelajaran yang mengkaji secara sistematik berkenaan alam semula jadi dan juga bagaimana alam semula jadi ini memberi kesan kepada kita dan persekitaran.

Objektif – Oleh itu, kajian kes ini dijalankan untuk mengkaji faktor dominan yang mempengaruhi penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan yang wujud dalam faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains murid dari segi jantina dan tahap pencapaian. Faktor yang dikaji merangkumi pandangan murid terhadap Sains, sikap murid, keyakinan diri murid, teknik belajar, gaya pengajaran, sikap guru, pengetahuan komputer guru, dan personaliti guru.

Methodologi – Reka bentuk kajian secara tinjauan rentas keratan (Cross-sectional Survey) telah digunakan dalam kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada 150 orang murid darjah empat, darjah lima dan darjah enam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Pontian. Statistik deskriptif, Ujian-T dan Ujian ANOVA telah digunakan untuk menganalisis data kajian.

Dapatan – Faktor-faktor dominan mengikut urutan menurun yang mempengaruhi tahap penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah ialah kategori sikap guru, personaliti, sikap murid, gaya pengajaran, keyakinan diri, pengetahuan komputer, pandangan terhadap Sains, dan teknik belajar. Oleh itu, kategori sikap guru ($m=3.90$, $SD=0.61$) merupakan faktor yang paling penting dalam meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran Sains sekolah rendah. Ujian-T menunjukkan nilai p bagi setiap kategori kurang daripada 0.05. Maka tiada perbezaan nilai signifikan setiap kategori faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan Sains dari segi jantina. Kaedah ANOVA satu hala menunjukkan terdapat perbezaan nilai signifikan bagi kategori pandangan terhadap Sains, sikap murid, keyakinan diri, teknik belajar, gaya pengajaran, sikap guru, dan personaliti dari segi tahap pencapaian.

Kepentingan – Melalui hasil kajian ini, guru dapat merancang aktiviti pembelajaran supaya murid mempunyai minat dan motivasi untuk belajar dan mendapat manfaat yang optima daripada proses pembelajaran.

Kata Kunci: faktor murid, faktor guru, mata pelajaran Sains, sekolah rendah kebangsaan.

PERSEPSI BAKAL GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENDIDIKAN KHAS DI MALAYSIA

Nurul Hidayah Liew Abdullah* & Siti Fatimah Mohd Jamil, Marina Ibrahim Mukhtar

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

hidayahl@uthm.edu.my, sitijamil92.mpputhm@gmail.com*

ABSTRAK

Persediaan dan tahap pengetahuan bakal guru pendidikan khas terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) adalah penting untuk memastikan penyaluran ilmu kepada golongan MPBK dapat dilaksanakan secara maksimum kerana cara mendidik dan mengajar MPBK berbeza dengan murid tipikal. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas di IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor terhadap pengetahuan mengenai pendidikan khas di Malaysia. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif deskriptif secara tinjauan di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Sampel kajian ini terdiri daripada 42 orang pelajar tahun tiga yang mengambil bidang Pendidikan Khas di IPGM Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai untuk mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa tahap persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia masing-masing berada pada tahap yang sederhana iaitu masing-masing dengan nilai min 3.32 dan 3.61. Secara keseluruhannya, bakal guru pendidikan khas perlu mempunyai pengetahuan mengenai sistem pendidikan dan kategori MBPK di Malaysia untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dilaksanakan kepada murid MPBK. Impaknya, institusi pendidikan yang berkenaan perlu mencari inisiatif supaya bakal guru pendidikan khas dapat dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi sebelum berkhidmat.

Kata kunci: *Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, persepsi, pendidikan khas*

KOMPETENSI K-PEKERJA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN GRADUAN BAGI MENGHADAPI CABARAN REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT

Mohd Zulfadli Rozali, Noor Arif Massetor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mzulfadli@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran graduan Kolej Vokasional yang rendah berbanding institusi TVET seperti Politeknik dan Kolej Komuniti menjadi isu dalam kajian ini. Ditambah lagi dengan gelombang Revolusi Industri Keempat yang bakal memberi cabaran kepada graduan KV untuk mencari peluang pekerjaan dalam sektor industri yang semakin berkembang ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) Kolej Vokasional dalam bidang teknologi kimpalan mengenai kompetensi Kpekerja bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat (IR 4.0). Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang mengandungi beberapa bahagian iaitu demografi, kompetensi teknikal, kompetensi sosial dan kemanusiaan, kompetensi pembelajaran dan metodologi yang terdapat skala Likert 5 bagi setiap item. Responden yang seramai 52 orang dipilih sebagai sampel kajian adalah pelajar daripada Kolej Vokasional Batu Pahat dan Kolej Vokasional Kluang. Hasil dapatan kajian secara keseluruhan mendapati bahawa pelajar diploma teknologi kimpalan mempunyai pengetahuan individu yang baik dalam kompetensi teknikal berbanding kemahiran individu di tahap kurang baik dalam kompetensi teknikal. Seterusnya, responden secara keseluruhan mempunyai kerja berpasukan yang baik dalam kompetensi sosial dan kemanusiaan berbanding kemahiran komunikasi di tahap kurang baik. Selain itu, keseluruhan hasil dapatan menunjukkan pelajar diploma teknologi kimpalan mempunyai kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat berada di tahap yang baik dalam kompetensi pembelajaran dan metodologi. Dapatan analisis juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif yang kuat antara kompetensi pembelajaran dan metodologi dengan kompetensi kemanusiaan dan sosial.

PERBANDINGAN KESEDARAN PELAJAR TERHADAP AMALAN KESELAMATAN DI UTHM DAN KKTM

Muhammad Nurfirdaus Mokhairi, Chee Sern Lai, Ming Foong Lee, Fazlinda Ab Halim

Faculti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

firdaus.mokhairi@gmail.com, lcsern@uthm.edu.my, mflee@uthm.edu.my,

fazlin@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Kebanyakan kes kemalangan yang terjadi di Insitusi Pengajian Tinggi berlaku di makmal atau bengkel. Sehubungan itu, keselamatan merupakan satu aspek yang amat penting dalam bengkel yang melibatkan kerja kemahiran dan fizikal. Sebagai contoh, bengkel Teknologi Kimpalan merupakan bengkel yang berisiko tinggi sekiranya pelajar tidak memberi perhatian sepenuhnya terhadap aspek keselamatan semasa proses pembelajaran. Salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan berlaku adalah kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan yang rendah.

Objektif – Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan dari aspek diri, peralatan dan persekitaran dalam kalangan pelajar yang mengikuti program Teknologi Kimpalan di UTHM dan KKTM. Selain itu, kajian ini juga membandingkan tahap kesedaran antara pelajar UTHM dan KKTM terhadap amalan keselamatan.

Methodologi – Reka bentuk bagi kajian ini adalah berbentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 40 pelajar UTHM dan KKTM. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk pemilihan responden. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi 20 item soalan. Kesahan instrumen ditentukan melalui teknik pengesahan pakar. Item instrumen dimurnikan berdasarkan cadangan daripada pakar. Kebolehpercayaan instrumen dikenalpasti dengan menentukan Cronbach's alpha. Dari aspek analisis data pula, kedua-dua statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan iaitu min, sisihan piawai dan t-test.

Dapatan – Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan di bengkel kimpalan adalah pada tahap yang tinggi dari semua aspek yang dikaji. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek keselamatan diri, keselamatan peralatan dan keselamatan persekitaran antara pelajar UTHM dan KKTM. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua institusi (UTHM dan KKTM) telah menekankan aspek keselamatan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bengkel Teknologi Kimpalan.

Kepentingan – Secara spesifiknya, hasil kajian ini amat penting bagi pensyarah UTHM dan KKTM kerana ia memberi gambaran kasar tentang kesedaran pelajar tentang amalan keselamatan di bengkel. Amalan keselamatan yang baik di bengkel Teknologi Kimpalaan boleh dijadikan sebagai panduan kepada bengkel yang lain. Tambahan pula, perancangan dan strategi boleh diaturkan oleh institusi untuk mempertingkatkan kesedaran pelajar dan seterusnya mengurangkan kes kemalangan di bengkel.

Kata Kunci: keselamatan bengkel, kesedaran, keselamatan diri, keselamatan peralatan, keselamatan persekitaran

PENILAIAN PENGAJARAN TAMPALAN GIGI BELAKANG MENGGUNAKAN RESIN KOMPOSIT OLEH PELAJAR SISWAZAH DI FAKULTI PERGIGIAN DI MALAYSIA

Muhammad Syafiq Alauddin¹, Azlan Jaafar², Norazlina Mohammad¹, Faizah Abdul Fatah¹, Aimi Amalina Ahmad¹

¹Department of Conservative Dentistry and Prosthodontics, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

²Department of Periodontology and Community Oral Health, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Correspondence email: syafiq.alauddin@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Terdapat permintaan untuk memulihkan gigi posterior dengan resin komposit kerana peningkatan permintaan terhadap pemulihan gigi mengikut warna semula jadi dan peningkatan kebimbangan mengenai keselamatan penggunaan amalgam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengajaran komposit posterior di sekolah pergigian masih berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan perkembangan bahan dan teknik pergigian kontemporari.

Objektif – Untuk menilai pengajaran semasa pemulihan gigi belakang menggunakan resin komposit di kalangan pensyarah pergigian restoratif di Malaysia.

Methodologi – Soal selidik dalam talian yang mencari maklumat mengenai pengajaran pemulihan pada gigi belakang menggunakan resin komposit telah dibuat dan telah diedarkan ke 13 sekolah pergigian di Malaysia.

Dapatan – Kaedah pengajaran pemulihan gigi belakang yang paling popular di kalangan responden adalah kuliah (95.5%), tutorial (71.4%) dan PBL (71.4%) sementara penilaian berterusan (81%) dan ujian kecekapan praktikal (81%) adalah kaedah penilaian yang paling popular. Untuk latihan praklinikal, 95% responden memilih untuk menggunakan bahan komposit ke atas model dan gigi yang diekstrak (52.4%). Protokol standard untuk pemulihan gigi belakang menggunakan komposit adalah pengisian tambahan (83%), bevel (91%), menggunakan jalur logam dengan baji kayu (90.9%), dengan sistem total etching (95.5%), menggunakan kedua-dua kuarza-halogen dan cahaya diod (LED) (45.5%) dan menggunakan penyejukan air (82.6%) dan disc pemulihan (86.4%).

Kepentingan – Lulusan sekolah pergigian Malaysia mendapat pengajaran preklinikal, teori dan klinikal mengenai komposit posterior walaupun terdapat variasi kaedah, teknik dan penilaian penyampaian.

Kata Kunci: Pendidikan pergigian, pergigian konservatif, pergigian operasi, resin komposit

TINJAUAN KE ATAS HUBUNGAN DI ANTARA MOTIVASI DENGAN TRANSFORMASI BUDAYA KEHIDUPAN DALAM KALANGAN PELAJAR BAHARU DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

**Khairul Anuar Abdul Rahman, Muhammad Syarif Arshad, Mohd Bekri Rahim, Faizal
Amin Nur Yunus, Suhaizal Hashim, Nizamuddin Razali**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

anuarr@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pelajar-pelajar tahun pertama di universiti yang baru menyambung pengajian cenderung untuk mempunyai masalah dalam menjalani kehidupan baharu mereka. Hal ini mempunyai perkaitan dengan tahap motivasi pelajar dengan perubahan dalam gaya kehidupan seharian mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan pelajar di peringkat universiti. Seramai 194 orang pelajar tahun pertama yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional, FPTV, UTHM dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan yang melibatkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Instrumen soal selidik telah diedar dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Science School (SPSS) versi 24 secara deskriptif yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, dan min bagi mengenal pasti tahap faktor diri dan ibu bapa dan masyarakat yang mendorong motivasi serta faktor sosial dan masyarakat yang mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar. Data deskriptif yang diperoleh menunjukkan nilai min bagi pembolehubah motivasi sebanyak 4.05 iaitu pada tahap tinggi dan pembolehubah transformasi budaya kehidupan sebanyak 3.74 yang juga pada tahap tinggi. Seterusnya, dapatan ini digunakan bagi menjalankan analisis statistik inferensi bagi tujuan mengenal pasti hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan pelajar. Pengkaji telah menggunakan ujian Spearman's Rank Correlation bagi tujuan ini. Berdasarkan ujian, nilai korelasi adalah sebanyak 0.55 bermakna kedua-dua pembolehubah mempunyai korelasi positif yang kuat. Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar tahun pertama mempunyai hubungan yang kuat dengan transformasi budaya kehidupan mereka di peringkat universiti.

PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN BERASASKAN PERMAINAN DIGITAL BAGI KURSUS TEKNOLOGI ELEKTRIK 1

Tee Tze Kiong, Khaireen Edlin Roslen, Fahmi Rizal, Risfendra, Yee Mei Heong, Mimi Mohaffyza Mohamad, Mohamed Nor Azhari Azman, Nurulwahida Hj. Azid @ Aziz

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

tktee@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran berasaskan permainan digital secara meluas merujuk kepada penggunaan permainan digital untuk menyokong sesi PdPc. Idea asas disebalik pembelajaran berasaskan permainan digital di dalam bilik darjah adalah, berbanding dengan tugas-tugas seperti hafalan, kuiz dan soal jawab, malah permainan digital membantu pelajar mempelajari subjek dalam konteks, sebagai sebahagian daripada sistem interaktif. Pembangunan modul Pengajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Kursus Teknologi Elektrik 1 didasari oleh Model Meyer. Dua set borang penilaian untuk pakar iaitu 29 item dan pengguna sebanyak 20 item telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas kesesuaian format, kandungan dan kebolehgunaan modul yang dibangunkan. Analisis ke atas lima orang responden pakar menunjukkan maklum balas positif dan mereka bersetuju dengan aspek format, kandungan dan kebolehgunaan keseluruhan modul. Analisis ke atas 10 orang responden pengguna pula menunjukkan majoriti memberikan maklum balas positif ke atas aspek format dan kandungan modul. Format, kandungan dan kebolehgunaan modul yang dibangunkan adalah bersesuaian. Cadangan kajian lanjutan adalah untuk menguji keberkesanan modul pengajaran berasaskan permainan digital bagi kursus Teknologi Elektrik 1 terhadap beberapa aspek seperti sikap, minat dan pencapaian pelajar.

MANIFESTASI SULAM DALAM PROJEK IMANSIPASI UMMI KE ARAH PEMBANGUNAN KELESTARIAN USIM

**Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nur Adzam Mohd Rasdi, Nur Syala
Abdul Latip**
Universiti Sains Islam Malaysia
noornajihan@usim.edu.my

ABSTRAK

Graduan universiti merupakan generasi terawal yang dilahirkan oleh sistem pendidikan negara yang akan bertemu dengan masyarakat. Dalam usaha mencapai matlamat pembangunan lestari pada 2030, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah merangka strategi awal untuk mengenal pasti isu kritikal dalam mencapai agenda pembangunan mapan. Ini selaras dengan pelaksanaan agenda pembangunan lestari di mana USIM mengambil tanggungjawab untuk memberi fokus kepada SDG4 iaitu pendidikan berkualiti. Kajian ini menfokuskan projek Emansipasi UMMI sebagai model dalam menyumbang ke arah pembangunan kelestarian USIM. USIM melalui Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) mengambil inisiatif menawarkan kursus pertama seumpamanya iaitu Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah seawal tahun 2008. Kursus ini direkabentuk bagi memenuhi keperluan kelompangan guru agama berpengetahuan dan berkemahiran dalam pengajaran Quran kepada komuniti OKU Penglihatan. Ia merupakan nilai tambah bagi graduan FPQS dan membezakan mereka daripada graduan pengajian Islam di universiti lain. Justeru, selain ilmu kuliah yang diterapkan mengikut bidang dan kebitaraan universiti, pembelajaran berasaskan khidmat komuniti dan berteraskan elemen kasih sayang, kegembiraan and saling menghormati mampu memacu ke arah mencapai hasrat KPM menjadikan universiti untuk komuniti.

AUTHENTIC ASSESSMENT IN STUDIO-BASED LEARNING (SBL) USING E-PORTFOLIO

Siti Nur Dini Mahazan, Syamsul Nor Azlan Mohamad & Nabihan Najat Mohd Noh

Universiti Teknologi Mara

nurdinimhzn@gmail.com

ABSTRACT

This article takes an in-depth look at the rationale behind the integration of using e-Portfolio as an authentic assessment in studio-based learning in higher education institutions (HEIs) which could impact the performance of the studio learners in a professional development. In the studio-based learning (SBL) field, students possessed the abilities, skills, or qualities that are graded or recognized in studio classroom settings. However, the evidence of those strengths usually disappears into databases and stacks of papers or is accumulated in portfolios that are unwieldy to navigate. The studio-based learning usually involves architecture, art and design based in which learners complete their tasks by creating, visualising and analysing the tasks given which heavily relies on the learners original creativity. Therefore, this study recommends implementing e-Portfolio as a platform that studio learners can view their assessment regarding the evaluation of their work, performance and progress. To carry out the goal of this article, about thirty (30) experts in education, instructional technology and employees that are involved in studio-based learning (SBL) are interviewed. The result of the study carried out showed that the participants show a positive attitude towards the use of e-Portfolio as an authentic assessment for learning in the studio-based field.

Keywords: authentic assessment, e-Portfolio, professional development, studio-based learning (SBL).

KECERDASAN EMOSI DALAM PROSES KREATIVITI: MENERAPKAN NILAI DALAM DRAMA KOMSAS

Nurul Fasheha Razali¹, Harrinni Md Noor² & Farhana Wan Yunus³

Faculty of Education and University Technology Mara (UITM)

¹fasha_az88@yahoo.com

ABSTRAK

Pengenalan- Kecerdasan emosi (EI) adalah keupayaan individu untuk menggunakan emosi dengan berkesan dalam kehidupan seharian dalam membentuk tingkah laku dan pemikiran. Kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Nasional Malaysia (NHMS,2015) menunjukkan bahawa 600,000 kanak-kanak berumur 5 hingga 16 tahun di Malaysia didiagnosis dengan masalah kesihatan mental. Gejala penyakit jiwa yang tidak dirawat lebih awal boleh menyebabkan penyakit mental yang kronik, termasuk kemungkinan berlakunya jenayah dan gangguan kepada orang lain. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini mendorong para pendidik untuk memasukkan nilai-nilai ini ke dalam proses pengajaran untuk mema generasi masa depan yang lebih baik. Ini sejajar dengan Kemahiran Belajar Abad ke-21 di mana Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi, Berfikir Kritis dan Kreativiti, bersama dengan nilai dan etika akan menjadi tumpuan dalam pendidikan.

Objektif – Kajian ini mengkaji tahap kesesuaian dalam memasukan kecerdasan emosi ke dalam sistem pendidikan melalui aktiviti drama dalam Komponen Sastera yang dikenali sebagai KOMSAS (Komponen Sastera) untuk pelajar sekolah menengah.

Methodologi – Satu kajian tinjauan dilakukan dalam kalangan lapan pakar reka bentuk dan pengembangan modul berdasarkan model kreativiti Wallis dan model kecerdasan emosi Goleman. Modul ini menerapkan kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial dan pengurusan hubungan yang akan diterapkan melalui proses persiapan, inkubasi, penerangan dan pengesahan.

Dapatan – Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk merancang dan mengembangkan modul pengajaran yang menggabungkan proses kreativiti (CP) dan EI ke dalam drama KOMSAS.

Kepentingan – Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji merangka modul pembelajaran yang berpandukan model kecerdasan emosi dan proses kreativiti bagi kegunaan guru dan pelajar dalam pembelajaran drama KOMSAS.

Kata Kunci: Kecerdasan Emosi, KOMSAS, Modul dan Pembelajaran, Proses Kreativiti.

PLANNING IN ENHANCING HIGHER ORDER THINKING AMONG SCIENCE'S STUDENT: FUTURE OF GREEN TECHNOLOGY

Nurul Syahinaz Ab Razak, Nurzatulshima Kamarudin
Universiti Putra Malaysia
ienaz_341@yahoo.com

ABSTRACT

The initiatives of green technology module through curriculum is an anticipated outcome of the continuous integrating Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) in the educational curriculum in schools. This is one of the efforts of the Ministry of Education to encourage students interest and involvement in STEM. The approach of STEM education should include elements of problem solving, critical thinking, creative thinking and scientific thinking that can enhance higher order thinking skills (HOTS) among students. This concept paper discusses about the implementation of green technology in the learning process that is able to enhance thinking skills among students. According to the literature, there are problems that arise due to the lack of understanding to implement green technology that would eventually impact STEM education. There are various factors and challenges to be considered in its implementation. In this study, the researchers will find practical strategies, approaches and models that can be used to enhance higher order thinking skills among students where the students will hand on several green projects.

**PENDEKATAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH
TERHADAP KEBERKESANAN PENYAMPAIAN DAN PENERIMAAN MAKLUMAT MURID
DALAM KONTEKS NORMA BAHARU**

Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat
Universiti Malaya
imarfarrina@um.edu.my

ABSTRAK

Pasca COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada pelbagai sektor di negara kita dengan sektor pendidikan juga tidak terkecuali. Banyak prosedur operasi standard (SOP) baharu telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan operasi pengajaran dan pembelajaran di

sekolah berjalan dengan lancar dengan mengutamakan amalan penjarakan sosial, penggunaan pensanitasi tangan, penutup hidung dan mulut serta budaya kerap membasuh tangan dengan sabun. Bagi memastikan aspek-aspek ini dapat dipatuhi oleh setiap dari kalangan murid, kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah komunikasi yang terbaik bagi memastikan keberkesanan penyampaian dan penerimaan sesuatu maklumat itu. Seramai 150 orang guru dari 3 buah sekolah rendah terlibat dalam kajian soal selidik ini. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan dan objektif kajian dengan menggunakan SPSS (Statistical Package For Social Sciences). Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan pentadbiran pendidikan di negara ini dapat dilaksanakan dengan jaya walaupun ketika situasi pandemik.

**REKABENTUK PROFIL PROGRAM SCHOOL-ENTERPRISE YANG BERKESAN:
PANDUAN BUAT KOLEJ VOKASIONAL DI MALAYSIA**

Norfariza Mohd Radzi, Muhammad Faizal A. Ghani
Universiti Malaya
norfariza@um.edu.my

ABSTRAK

Program School-enterprise adalah merupakan sebuah program keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kolej Vokasional di Malaysia sebagai salah satu kandungan kurikulum yang melibatkan kemahiran praktikal. Bagi memenuhi aspirasi pendidikan yang sentiasa berkembang, program ini memerlukan kepada sebuah pembentukan profil bagi meningkatkan keberkesanannya terhadap para pelajar yang berada di Kolej Vokasional. Justeru, kajian ini bertujuan untuk merekabentuk profil program School-enterprise yang berkesan yang mampu menjadi panduan kepada pentadbir, pensyarah dan para pelajar khususnya di Kolej Vokasional di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi yang melibatkan lima belas pakar dalam bidang pendidikan Keusahawanan. Ianya diadakan dalam dua pusingan bagi mendapatkan persetujuan semua pakar terhadap elemen penting serta kandungan terhadap profil ini. Dapatan kajian berjaya menyenaraikan empat dimensi utama di dalam profil ini iaitu persediaan program, penyampaian modul program, latihan program serta implementasi program. Bagi dimensi persediaan program, elemen yang diperlukan didalam pelaksanaan program ini adalah kefahaman program, kesediaan pelajar, kesediaan guru, kesediaan organisasi sekolah serta penyediaan modul. Bagi dimensi penyampaian modul program, elemen yang perlu diambil kira adalah penyampaian pengetahuan serta penyampaian kemahiran modul. Bagi dimensi yang ketiga iaitu latihan program, adalah penting bagi pelaksana mengambil kira elemen latihan praktikal serta refleksi/maklum balas latihan program. Bagi dimensi terakhir iaitu implementasi program, elemen yang diperlukan adalah aplikasi pengetahuan dan kemahiran, penilaian pencapaian serta elemen ganjaran. Sebagai impilkasi, profil ini diharap mampu meningkatkan keberkesanan program School-enterprise sedia ada agar lebih berdaya saing serta lebih relevan dengan kehendak terkini dalam pemaan pelajar yang berpengetahuan serta berkemahiran.

HUBUNGAN MOTIVASI KERJA INTRINSIK DAN EKSTRINSIK GURU DENGAN KEEFISIENAN KERJA GURU SEKOLAH MENENGAH DI SABAH

Arzizul Antin¹, Dg Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli², Muhammad Suhaimi Taat³
*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota
 Kinabalu, Sabah, Malaysia*
 zzul1446@gmail.com¹, dndz@ums.edu.my², suhaimi@ums.edu.my³

ABSTRAK

Pengenalan - Keefisienan dan motivasi kerja guru memiliki kesan yang signifikan terhadap keberhasilan sistem pendidikan negara. Keefisienan kerja guru yang semakin teruji dengan pelbagai tugas memerlukan para guru memiliki tahap motivasi kerja yang baik agar dapat menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya.

Objektif – Kertas kajian ini akan memcangkan hubungan motivasi kerja dengan keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah.

Methodologi - Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kuantitatif dan menggunakan reka bentuk bukan eksperimen. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 375 orang sampel kajian yang dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengukur variabel kajian. Ujian Korelasi Pearson menerusi Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) pula digunakan untuk menganalisis data mentah daripada responden.

Dapatan - Terdapat hubungan positif yang signifikan antara motivasi kerja intrinsik dengan keefisienan kerja guru ($r=0.530$, $P<0.05$) dan terdapat juga hubungan positif yang signifikan antara motivasi kerja intrinsik dengan keefisienan kerja guru ($r=0.465$, $P<0.05$).

Kepentingan - Kajian ini memberikan input baharu berkaitan dengan aspek yang mempengaruhi keefisienan kerja guru iaitu motivasi kerja intrinsik dan motivasi kerja ekstrinsik yang diharap dapat memberikan input berguna bagi memperkasa profesion keguruan dan sistem pendidikan negara.

Kata kunci: Keefisienan Kerja Guru, Motivasi Kerja Intrinsik, Motivasi Kerja Ekstrinsik.

**MATLAMAT PENULISAN KITAB TURATH NAHU ARAB DALAM USAHA
MENGINSANKAN PENDIDIKAN**

**Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Muhammad Marwan Ismail,
Zulkipli Md. Isa, Haji Sulaiman Haji Ismail**
Universiti Sains Islam Malaysia
moharani@usim.edu.my

ABSTRAK

Dalam Islam, pendidikan menduduki martabat yang tinggi dalam kehidupan insan. Ini dapat dilihat menerusi wahyu pertama al-Qur'an yang menitikberatkan aspek pembacaan. Justeru usaha menginsankan pendidikan merupakan suatu kemestian. Bahkan ia telah lama disedari oleh ulamak terdahulu antara lainnya ulamak bahasa Arab. Kertas kerja ini bertujuan meninjau matlamat penulisan kitab-kitab turath nahu Arab dalam usaha menginsankan pendidikan khususnya dalam bidang Bahasa Arab. Beberapa kitab turath Nahu dipilih sebagai sampel. Penulisan ini berdasarkan kajian kepustakaan. Didapati bahawa kitab-kitab turath Nahu menitikberatkan aspek penginsanan pendidikan khususnya dari aspek objektif penulisannya. Diharapkan agar pendidik dalam bidang bahasa Arab akan terus menurut jejak langkah ulamak terdahulu yang mementingkan aspek keinsanan dalam proses pendidikan.

PEDAGOGI RESPONSIF BUDAYA MENERUSI CERITA RAKYAT UNTUK KEMAHIRAN LITERASI AWAL KANAK-KANAK: RESTROSPEKTIF GURU

Mohd Nazri Abdul Rahman¹, Aishah Abdul Malek¹, Muhammad Asyraf Mansor²

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya¹

Pusat Kelestarian dan Komuniti Universiti Malaya (UMCares)²

mohdnazri_ar@um.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Pedagogi responsif budaya merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan sumber rujukan budaya setempat dalam menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan tingkah laku pelajar. Cerita rakyat pula merupakan salah satu bentuk menyampaikan mesej pengajaran tentang sesuatu idea, konsep atau sejarah bagi membantu kefahaman kanak-kanak terhadap sesuatu fakta. Malaysia mempunyai kepelbagaian bahasa dan budaya yang menjadikan cabaran besar kepada guru untuk menyampaikan maklumat serta fakta kepada kanak-kanak pelbagai bangsa khususnya yang baru memasuki alam persekolahan dan tidak menguasai bahasa pengantara yang digunakan di dalam kelas.

Objektif : Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk awal literasi kanak-kanak.

Methodologi : Kajian ini dilaksanakan ke atas sekumpulan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun di tabika yang terletak di Tangkak, Johor. Pengumpulan data menggunakan kaedah temubual dan '*fokus group discussion*' sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan.

Dapatan : Kajian menunjukkan pedagogi responsif budaya dapat dijalankan dengan adanya kreativiti guru dalam penyampaian cerita rakyat merupakan faktor utama yang mempengaruhi penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak berkepelbagaian budaya. Dapatan kajian ini mencadangkan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat perlu dilaksanakan secara kreatif oleh guru melalui penggunaan boneka, bahan maujud atau drama dalam kalangan kanak-kanak berkepelbagaian budaya bagi meningkatkan penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak.

Kepentingan: Implikasi kajian menunjukkan bahawa pedagogi responsif budaya memberi nilai tambah kepada pembentukan nilai, jati diri dan perwatakan diri kanak-kanak.

Kata Kunci : Cerita Rakyat, kemahiran literasi, kepelbagaian budaya, pedagogi responsif budaya.

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PERSEKOLAHAN BERASASKAN PENJARAKAN FIZIKAL PANDEMIK COVID-19

Aminuddin Awang, Mohd Nazri Abdul Rahman, Harry Tan Huat Hock, Muhammad Ridzuan Idris, Norazan Md. Nor, Mohamed Shahren Abdullah, Azizan Puteh, Ng Weng Tutt

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia

mohdnazri_ar@um.edu.my

ABSTRAK

Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan langsung kepada sektor pendidikan yang mengalami perubahan yang besar sama ada dari aspek operasi, kemudahan prasarana mahupun proses pengajaran dan pembelajaran. Pandemik COVID-19 yang merupakan penyakit yang mudah merebak terutamanya kepada manusia. Kajian ini adalah bertujuan untuk mereka bentuk garis panduan persekolahan Berasaskan penjarakan Fizikal Pandemic Covid-19. Kutipan data dijalankan melalui kaedah NGT dan Fuzzy Delphi Metod. Seramai 40 orang pakar dalam bidang pendidikan, perubatan dan keselamatan terlibat dalam pembangunan dan penilaian garis panduan Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik Covid-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk persekolahan berasaskan penjarakan fizikal meliputi model persekolahan, Kemudahan Fizikal Kelas dan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan warga sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini juga memberi input baru tatacara pembukaan sekolah pada masa pandemic Covid-19. Implikasinya menerusi garis panduan ini, pengurusan dan pelaksanaan pembukaan sekolah dalam dilaksanakan dengan selamat dan berkesan sepanjang tempoh Pandemik Covid-19.

**KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) MEMPERKUKUH KEFAHAMAN
PELAJAR DALAM SUBJEK MATEMATIK SEKALIGUS MENINGKATKAN PERSEDIAAN
PELAJAR MENUJU ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Sakeenah Mohd Reza, Mohd Izwan Mahmud

Universiti Kebangsaan Malaysia
sakeenahreza@gmail.com

ABSTRAK

Matematik merupakan antara salah satu subjek utama yang dipelajari oleh setiap murid yang mana ianya mempunyai banyak signifikan dalam pelbagai aspek untuk kelangsungan hidup. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan pelbagai bentuk inisiatif yang dapat menyumbang kepada input penyampaian subjek ini sama ada dalam bentuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mahupun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Antaranya ialah pengaplikasian soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang mana pelaksanaannya telah terbukti mampu meningkatkan tahap pemikiran dan inovasi murid dalam penguasaan subjek Matematik ke tahap yang lebih baik di samping ianya selari dengan Pelan Pembangunan Negara menuju ke arah Era Revolusi Industri 4.0. Melalui pelaksanaannya, ianya mampu memberikan nilai kefahaman yang tinggi terhadap murid di peringkat sekolah rendah mahupun menengah dalam menguasai sesuatu subjek seperti Matematik. Tiga objektif kajian tindakan ini ialah yang pertama untuk mengenal pasti sejauh mana kefahaman murid terhadap soalan- soalan Matematik yang berbentuk penyelesaian masalah, mengenal pasti kefahaman murid bagi soalan- soalan berbentuk KBAT dan seterusnya menentukan ketepatan jawapan murid bagi latihan penyelesaian masalah berbentuk KBAT. Kesemua obektif kajian tindakan ini telah dicapai di mana keputusan ujian pasca menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara percangan soalan berbentuk KBAT semasa sesi pembelajaran dan percangan soalan- soalan penyelesaian masalah dengan kefahaman dan kebolehpayaan murid dalam menyelesaikan soalan “soalan tersebut dengan tepat. Kesimpulannya, penerapan konsep soalan KBAT memberikan kesan yang positif terhadap pengukuhan kefahaman murid bagi soalan- soalan berbentuk penyelesaian masalah sekaligus meningkatkan persediaan pelajar menuju Era Revolusi Industri 4.0.

DEMAND FOR ADULT LEARNING AS PROFESSIONAL DEVELOPMENT AMONG PHYSICS TEACHERS

Nor Farahwahidah Abdul Rahman, Nurul Aini Mohd Ahyan, Fatin Aliah Phang, Nina Diana Nawi, Noorzana Khamis, Muhammad Abd Hadi Bunyamin

Universiti Teknologi Malaysia

nfwahidah@utm.my

ABSTRAK

Pursuing postgraduate studies among adults' learners may vary for many reasons but mostly personal activity. Adult learning is not a new concept because it's mostly discussed around continuing education. Teachers who engage with adult learning at university lean to their needs more than just subject matters. A specialization in postgraduate degrees, like physics education, begins to receive criticism when most public universities focus on generic programs. Now, Physics education program is offered in a conventional manner which is using face to face mode. Questions raised by faculty members were directed toward low enrolment implying the program as not marketable. A market survey was carried out to 84 respondents which are teachers, alumni and administrators in response to this concern. The survey focuses on potential students inclination for continuing study, program evaluation from alumni and employability feedback from employers. The purpose of this market survey is to gather information about potential students and know their preference for continuing study. Findings showed that 56.9% respondents are interested to pursue degree in Physics education. This inclination appeared due to online distance learning as the learning opportunity. The evaluations from alumni towards the programs structures and outcomes are positives with the highest agreement on the duration for completion of the degree. While, for the employee, such a goal for obtaining the highest degree does have its place for professional development. Regardless of the criticism, the market survey helps to prove program significant and provide recommendation to gain more students in the future.

**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE) DI KOLEJ
VOKASIONAL MALAYSIA**

**Sanitah Bte Mohd Yusof, Nurul Akmal Ainie Bt Abdul Razak, Rohaya Bte Talib, Noor
Azean Bt Atan, Zainudin Hassan Dan Loman Mohd Tahir**

Universiti Teknologi Malaysia

p-sanitah@utm.my

ABSTRAK

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) memfokuskan transformasi Technical Vocational Education and Training (TVET) melalui langkah menaiktaraf Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik kepada Kolej Vokasional (KV). Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) merupakan konsep utama yang menjadi asas pelaksanaan kurikulum pengajian tinggi negara dengan menumpukan kepada pelajar, pembelajaran dan pencapaian objektif. Kajian ini akan mengenalpasti tahap pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah berdasarkan empat aspek dalam OBE iaitu matlamat, reka bentuk, pelaksanaan dan dokumentasi dalam kalangan pensyarah yang mengajar program Diploma di Kolej Vokasional selain mengkaji hubungan antara kelulusan akademik dan pengalaman mengajar OBE terhadap pelaksanaan OBE. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk mixed method menggunakan pendekatan tinjauan. Soal selidik secara atas talian diedarkan kepada 161 orang pensyarah vokasional bidang hospitaliti dan pelancongan di Kolej Vokasional seluruh Malaysia dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23 melalui kaedah analisis statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan OBE berada pada tahap sederhana dan terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar OBE dengan pelaksanaannya. Manakala tiada hubungan signifikan antara kelayakan akademik dengan pelaksanaan OBE. Dapatan menunjukkan kekerapan tahap persetujuan bagi konstruk matlamat berada pada tahap tertinggi, diikuti oleh reka bentuk, dokumentasi dan pelaksanaan. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Bahagian Pendidikan Latihan Teknik Vokasional (BPLTV) merancang bentuk latihan yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan penguasaan pensyarah dalam OBE. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan tahap kesedaran pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah KV.

KEPERLUAN GAYA BERFIKIR DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI BAGI MENYELESAIKAN MASALAH DALAM PENGHASILAN PRODUK

Mei Heong Yee, Nuraffefa Hamdan, Azrol Jailani, Saiful Hadi Masran, Kok Boon Ching, Tee Tze Kiong, Mimi Mohaffyza Mohamad

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

mhyee@uthm.edu.my

ABSTRAK

Penyelesaian masalah merupakan suatu kaedah yang praktis yang bertujuan untuk menjana pelbagai idea yang bernas untuk membentuk beberapa penyelesaian yang lebih praktikal dan efektif. Penghasilan sesuatu idea dalam penghasilan produk memerlukan pemikiran yang kompleks iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti kemahiran menyelesaikan masalah, mereka, menganalisis, menilai dan sebagainya untuk memproses maklumat yang diperoleh. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan gaya berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dalam kalangan pelajar. Seramai 320 orang pelajar dalam bidang Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadâ€™zam Shah telah dipilih secara rawak sebagai sample kajian. Satu set soal selidik yang dibangunkan telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 84.1% pelajar menghadapi masalah semasa menyelesaikan dalam menghasilkan produk. Masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar semasa menyelesaikan masalah adalah menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. Ini diikuti dengan masalah mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. Faktor-faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar adalah tidak mempunyai kemahiran khusus, tidak mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran khusus dan tidak mempunyai latihan khusus. Akibatnya, pelajar mengalami kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Namun begitu, 87.2% pelajar berpendapat bahawa mereka memerlukan ilmu gaya berfikir dan KBAT yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Oleh yang demikian, masalah kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk harus ditangani dengan mempelajari cara menyelesaikan masalah secara berkesan menerusi gaya berfikir dan KBAT.

**AMALAN LITERASI BAHASA INGGERIS – AMALAN, KECEKAPAN VS KEHENDAK
DIDALAM KONTEKS WACANA AKADEMIK**

**Haliza Harun, Hazleena Baharun, Normazla Ahmad Mahir, Norhaili Massari, Hazlina
Abdullah, Fariza Puteh Behak, Suraini M. Ali, Ramiaida Darmi, Habibah Ismail,
Noorsaazai M. Saad, Hayati Ismail**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

haliza@usim.edu.my

ABSTRAK

Peranan dan kedudukan bahasa Inggeris semakin memainkan peranan penting sebagai bahasa utama dari segi penerbitan akademik, teknologi dan komunikasi dalam konteks pengajian tinggi. Institusi pengajian tinggi di negara ini memegang tanggungjawab penting untuk mendidik dan melahirkan generasi muda rakyat Malaysia sebagai sumber tenaga kerja yang berpotensi dan memenuhi bukan saja keperluan tenaga kerja tempatan, malahan juga diperingkat antarabangsa dalam usaha mencapai aspirasi negara sebagai sebuah negara maju. Kajian ini bertujuan untuk memahami tahap pencapaian literasi Bahasa Inggeris pelajar Sarjana muda yang diperlukan di peringkat pengajian tinggi. Amalan literasi ini merangkumi bukan saja keperluan literasi akademik iaitu kemahiran berbahasa bersesuaian dalam konteks akademik, malahan juga kecekapan dalam membaca dan menulis secara keseluruhannya. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan temuduga bersama beberapa kumpulan pelajar yang terpilih dari pelbagai disiplin didalam mengenalpasti samada faktor pendidikan dan persekitaran mereka mempengaruhi tahap kecekapan bahasa Inggeris sedia ada mereka. Seterusnya analisa berkaitan rangka kursus tersebut juga dijalankan untuk memahami berkaitan kecekapan dan keperluan yang diperlukan diperingkat universiti. Hasilnya, pandangan yang mendalam mengenai cabaran yang dihadapi, serta tuntutan dari pelbagai pihak dapat diperoleh untuk memastikan kecekapan yang diharapkan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan bahasa Inggeris di universiti.

Kata kunci: Bahasa Inggeris, amalan literasi dan kebolehan pasaran graduan

IMPAK PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA DI POLITEKNIK DALAM KEBOLEHPASARAN SISWAZAH

Mimi Mohaffyza Mohamad, Syamhanim Ismail, Nur Sofurah Mohd Faiz

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

mimi@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan suatu kaedah pembelajaran yang menggabungkan dua medium pembelajaran iaitu pembelajaran teori di institusi pendidikan dan pengaplikasian amali di industri. melalui penggabungan dua medium pembelajaran ini dapat memberi pendedahan dan pengalaman industri yang relevan mengikut bidang pengajian yang dapat merapatkan jurang ketidaksepadanan (mismatch) di antara kehendak industri dan graduan yang dihasilkan oleh politeknik. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pengalaman kebolehpasaran pelajar politeknik dalam tiga program perintis yang menggunakan kaedah PBK. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes dalam program Diploma Lanjutan Rangkaian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Perubatan) dengan kepujian. Penyelidik menggunakan kaedah temubual secara mendalam dan bersemuka dengan peserta kajian berpandukan protokol separa berstruktur terhadap tiga orang peserta kajian daripada politeknik Hasil temubual yang telah diperolehi telah di transkrip dan dianalisis secara tematik. Hasil daripada penerokaan pengalaman peserta kajian, penyelidik telah mendapati bahawa ketiga-tiga program telah menunjukkan kebolehpasaran siswazah yang tinggi dimana hampir kesemua siswazah telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, diharapkan agar lebih banyak program pendidikan menggunakan kaedah PBK kerana ianya dapat membantu siswazah untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

PERSEPSI PELAJAR BIDANG MEKANIKAL TERHADAP PENGUASAAN 4C DALAM PEMBELAJARAN TEORI DAN AMALI

Nor Arifah Aisyah Arif Afandi¹, Wan Hanim Nadrah wan Muda^{2*},
Fazlinda Ab Halim³

wanhanim@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kemahiran 4C ini merupakan kemahiran Komunikasi, Kolaborasi, Pemikiran Kritis dan Kreativiti yang terkandung di dalam Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21). Ini merupakan pendidikan yang telah digariskan oleh kerajaan dalam memastikan pelajar yang dihasilkan mempunyai kualiti yang baik dari setiap aspek bukan sahaja dari segi pembelajaran. Pelajar memainkan peranan penting untuk mengaplikasi kemahiran 4C ini dalam proses pembelajaran teori mahupun pembelajaran amali.

Objektif – Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar Universiti Tun Hussein Onn yang mengambil bidang mekanikal terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan proses pembelajaran teori dari aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti.

Methodologi – Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 181 orang pelajar yang mengambil bidang mekanikal dipilih secara rawak. Antara aliran yang terdapat dalam bidang mekanikal ialah kimpalan, permesinan am dan penyejukbekuan.

Dapatan – Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS Versi 22 bagi mendapatkan nilai skor min. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi pelajar dari aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti didalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori adalah tinggi.

Kepentingan – Pengkaji berharap agar hasil kajian yang diperolehi ini dapat membantu pelajar dalam mempertingkatkan lagi kefahaman dalam pembelajaran tidak kira pembelajaran amali mahupun pembelajaran teori. Selain itu, di harapkan agar pelajar menjadi pelajar yang berkualiti, berkemahiran tinggi supaya pelajar mempunyai nilai keboleh pasaran pada masa hadapan.

Kata Kunci: 4C, komunikasi, kolaborasi, kritis dan kreativiti

HUBUNGAN KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM DENGAN PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SMK MALAYSIA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN

Nurul Asiah Fasehah Muhamad¹, Noornajihan Jaafar², Nurhanani Hussin³, Ab. Halim Tamuri⁴

^{1,2}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

³Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

⁴Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

nurulasiahfasehah@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pengaruh dualisme dan sekularisme dalam sistem pendidikan negara masih dirasai tempasnya. Kesannya dapat dilihat apabila pencapaian matlamat Pendidikan Islam masih belum bersifat holistik. Oleh kerana GPI memainkan peranan penting sebagai role model dan agen perubahan dalam konteks sekolah dan masyarakat,

Objektif –kajian ini dijalankan untuk menganalisis hubungan antara kepercayaan epistemologi Islam yang dipercayai berperanan untuk mema pandangan alam yang jelas terhadap hakikat peranan individu sebagai hamba Allah dan khalifatullah dengan peranan GPI sebagai agen perubahan. Selain itu, analisis deskriptif untuk melihat tahap kepercayaan epistemologi Islam dan peranan Guru sebagai agen perubahan juga turut dijalankan.

Metodologi – Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Seramai 1382 GPI di seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Teknik pensampelan yang digunakan ialah pensampelan peringkat berkelompok yang melibatkan beberapa buah negeri yang terpilih. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah yang mana setiap orang mendapat peluang untuk dijadikan responden kajian.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan tahap kepercayaan GPI terhadap epistemologi Islam berada pada tahap yang tinggi (min=4.1994; s.p.=0.23223). Ini menunjukkan GPI mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap konsep ilmu dalam Islam menerusi aspek sumber ilmu, metode ilmu, sifat ilmu, pembahagian ilmu, kesahan ilmu dan batasan ilmu. Walau bagaimanapun, menerusi analisis terperinci terhadap setiap subkonstruk dan item menunjukkan kepercayaan epistemologi yang mereka miliki masih belum cukup mendasar untuk mempengaruhi persepsi diri mereka selaku agen perubahan dalam masyarakat. Kajian juga mendapati peranan guru-guru pendidikan Islam sebagai agen perubahan masyarakat berada pada tahap yang kurang memuaskan kerana min keseluruhan hanya berada pada tahap sederhana (min=3.32; s.p=0.773). Manakala analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua variable ini dengan kekuatan yang lemah ($r=0.232$). Analisis hubungan ini menunjukkan keterkaitan antara kepercayaan GPI terhadap epistemologi Islam dengan peranan GPI sebagai agen perubahan. Peneguhan terhadap aspek kepercayaan epistemologi Islam dapat membantu peningkatan tahap peranan GPI sebagai agen perubahan.

Kepentingan – Kajian ini memberikan implikasi kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan profesionalisme GPI terus dipertingkatkan terutama sebagai agen perubahan dalam konteks masyarakat.

Kata Kunci: Agen Perubahan, Epistemologi Islam, Guru Pendidikan Islam.

ISLAMIC EDUCATION TEXTBOOK OF SECONDARY SCHOOL CURRICULUM(KSSM): AN ANALYSIS OF THE TOPIC “PURIFY FROM EXCREMENT”

Najah Khalilah Khairol Annuar, Halim Ismail

Kulliyah Of Education, International Islamic University Malaysia
khalilahannuar@gmail.com, halimismail@iium.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Dari masa ke masa, segala yang ada di dunia ini berubah, Tidak ada perkara yang statik dalam jangka masa yang lama. Begitu juga dengan sistem pendidikan khususnya kurikulum pendidikan di Malaysia yang mengalami perubahan untuk tujuan penambahbaikan.

Objektif - Kajian ini bertujuan untuk menganalisis topik ‘Suci Daripada Najis’ daripada buku teks Kementerian Pendidikan (KPM); Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) subjek Pendidikan Islam.

Methodologi - Penyelidikan kualitatif berdasarkan reka bentuk analisis dokumen digunakan untuk menganalisis topik.

Dapatan - Kajian menunjukkan bahawa buku teks ini mempunyai kekuatan dan keistimewaan yang ditonjolkan oleh pengarang dan merupakan suatu reka bentuk buku teks yang baharu. Lebih banyak grafik dan ilustrasi telah digunakan dalam buku teks ini dengan menggunakan pelbagai warna. Beberapa aktiviti dicadangkan untuk dilaksanakan oleh guru yang dapat dilakukan bersama-sama dengan para pelajar.

Kepentingan - Kajian ini memberi kepentingan terhadap penulisan buku teks pendidikan Islam di Malaysia pada masa akan datang.

Kata Kunci: Analisis Buku Teks, Pendidikan Islam, Suci Daripada Najis

PENERAPAN NILAI PENDIDIKAN DALAM LAGU OI GIDI

Rosliah Kiting, Minah Sintian, Julita @Norjietta Taisin, Chermaline Anak Osup

Universiti Pendidikan Sultan Idris

rosliah@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kadazandusun merupakan masyarakat yang minat terhadap aktiviti nyanyian. Ini jelas dengan penciptaan lagu yang terus meningkat dan turut dikongsikan dalam laman sosial seperti youtube. Kecenderungan terhadap kegiatan budaya seperti ini pasti mempunyai impak kepada masyarakat ini. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini mengali nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam lagu bertajuk Oi Gidi nyanyian John Gaisah. Data diperolehi melalui kajian pustaka dan dianalisis menggunakan model analisis kandungan. Analisis kajian mendapati lagu ini menerapkan nilai pendidikan mencintai, menghormati dan menghargai ibu sebagai insan yang telah melahirkan dan membesarkan seorang anak. Pendidikan moral ini diterapkan melalui sikap, perlakuan dan luahan perasaan yang dikisahkan dalam lagu. Penerapan pendidikan moral seperti ini menggambarkan ketinggian peradaban dan martabat anak terhadap seorang insan bergelar ibu. Pendidikan seperti ini dapat melahirkan generasi yang menghormati dan menghargai ibu sesuai dengan peribahasa 'surga di telapak kaki ibu'.

Kata kunci: adab dan ibu, Kadazandusun, nilai pendidikan moral.

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN DALAM PROGRAM I-THINK BAGI
MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM**

**Zarina Ashikin Zakaria, Norhana Abdullah, Normazla Ahmad Mahir, Dr Suzannah
Selamat & Kharyati Md Bahir**

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
zarina@usim.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Program i-THINK adalah satu program hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar ke arah menghasilkan para pelajar berinovatif. Peta pemikiran i-THINK berbentuk peta buih berganda telah dipilih untuk digunakan untuk kajian ini.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan peta pemikiran di dalam program i-THINK bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar tahun 5 dalam subjek Pendidikan Islam di bawah topik Tayammum.

Methodologi – Pelbagai teknik kajian digunakan untuk memperolehi data iaitu temubual, soal selidik dan ujian pra dan ujian pasca.

Dapatan – Hasil kajian mendapati dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK ini, minat para pelajar terhadap pembelajaran meningkat dan secara tidak langsung ia membantu mencetuskan inovasi dan kreativiti di kalangan para pelajar. Sekali gus, ini meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka.

Kepentingan – Guru-guru boleh memanfaatkan penggunaan peta buih ini di dalam pembelajaran untuk menarik minat para pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dan secara tidak langsung meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi mereka.

Kata Kunci: KBAT, Program i-THINK, Peta buih.

**PENILAIAN TAHAP KEMAHIRAN PENGURUSAN KELAS DAN MOTIVASI GURU
PELATIH PELAJAR SARJANA MUDA FPTV, UTHM**

Arabiah Ain, Ali, Fazlinda, Ab Halim

Jabatan Ikhtisas Pendidikan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

arabiahainali@gmail.com, fazlin@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Kemahiran pengurusan kelas dan motivasi guru pelatih memainkan peranan terutama sebagai persediaan menjadi guru sebelum melangkah ke dunia pendidik.

Objektif: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kemahiran pengurusan kelas, tahap motivasi guru pelatih dan persepsi guru pelatih terhadap Latihan Mengajar serta hubungan antara pembolehubah tersebut.

Metodologi: Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 80 orang pelajar terlibat sebagai responden merupakan pelajar Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) yang mempunyai pengalaman dalam Latihan Mengajar (LM). Soal selidik digunakan dalam mengumpul data. Data kajian dianalisa menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 24.0 secara deskriptif dan inferensi.

Dapatan: Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai tahap sederhana dalam kemahiran pengurusan kelas manakala motivasi guru pelatih pula berada pada tahap tinggi. Terdapat hubungan yang positif dan kuat antara motivasi dengan persepsi guru pelatih setelah selesai menjalani LM.

Kepentingan: Kemahiran pengurusan guru pelatih boleh diasah untuk meningkatkan lagi kemahiran demi kebaikan guru pelatih dan program pendidikan sedia ada universiti serta kepentingan menjaga momentum motivasi seterusnya persepsi guru pelatih terhadap pengalaman, pengetahuan dan pembelajaran selepas menjalani LM terus kekal positif

Kata Kunci: Guru pelatih, Kemahiran pengurusan kelas, Motivasi.

**NORMA BAHARU : CABARAN PENGAJARAN DIGITAL SECARA MAYA PASCA COVID
19**

Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rohani Ali. Rabi'atul Athirah Muhammad Isa

Universiti Islam Antarabangsa

nikazizi@iium.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini memcangkan dan menyelusuri tentang cabaran ynag dilalui oleh guru sepanjang berlakunya pandemik Covid 19. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid ketika pengajaran secara atas talian (online). Kajian yang dijalankan secara kualitatif ini melibatkan 10 orang murid. Instrumen kajian adalah berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan kecanggihan digital iaitu menggunakan aplikasi video whatapss. Pengajaran secara digital sepanjang berlakunya pandemik covid 19 merupakan satu cabaran yang cukup besar yang digalas oleh para guru ketika berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020. Justeru itu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tidak pernah lepas tangan walaupun terdapat kekurangan sewaktu mengendalikan pembelajaran secara atas talian. Keperluan pembelajaran itu wujud selari dengan kesungguhan pihak Kerajaan Malaysia dalam melahirkan generasi terdidik di kalangan rakyat Malaysia tidak kira di mana sahaja berada.

Kata Kunci: Covid 19, cabaran pengajaran digital guru, secara maya (online learning)

KESAN SOLAT YANG BERKUALITI KE ATAS TAKWA DAN KEPERIBADIAN MUSLIM

Siti Syaznira Muhamad^{1,3}, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin^{1,2}, Khairul Anwar Mastor^{1,2}
Hasnan Kasan² & Wan Zulkifli Wan Hassan²

*Institut Islam Hadhari¹,
Pusat Citra Universiti²,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
SK Kantan Permai, Kajang, Selangor³.*

sitisyaznira@yahoo.com

ABSTRAK

Solat adalah tiang agama dan menjadi asas pembangunan hidup beragama kepada pelbagai cara mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t) dan menjadi tonggak *‘ubudiyyah*. Masalah dalam hidup tidak dapat ditangani dengan baik apabila solat tidak dijaga dan kualitinya adalah rendah. Justeru, tujuan kertas kerja ini adalah untuk memcangkan kesan solat yang berkualiti ke atas takwa dan keperibadian Muslim menurut kitab muktabar. Antara kitab-kitab muktabar dalam kajian kualitatif yang dirujuk ini ialah kitab Ihya *‘Ulumuddin*, tafsir Ibnu *Kathir* dan tafsir *Jalalain*. Metod kajian kualitatif ini melibatkan kaedah pengumpulan data daripada sumber al-Quran, hadis serta kajian-kajian lepas. Teori yang turut digunakan dalam kajian ini ialah teori al-Ghazali yang diubah suai oleh Said Hawwa (1995). Dapatan kajian ini dapat mengupas konsep solat, takwa dan seterusnya memberi kesan kepada nilai keperibadian seseorang Muslim. Manfaat solat yang berkualiti akan menyumbang kepada kualiti takwa dan keperibadian setiap Muslim melalui pendidikan berasaskan nilai akhlak dan moral, seterusnya menyumbang kepada kehormatan keluarga dan kesejahteraan negara.

Kata kunci: takwa, keperibadian, peradaban Islam, pendidikan berasaskan nilai, solat.

CULTURALLY RESPONSIVE COMMUNITY. THE ROLE OF HEIs

Faizah Idrus

Universiti Islam Antarabangsa

ifaizah@iium.edu.my

ABSTRAK

Higher Education Institutions do not only become an agent for knowledge transfer to their clients, but also to care for the community surrounding it. Thus, to what extent do these institutions have extended their expertise to upgrade the community around it.



PENULISAN PERSUASIF: CIRI-CIRI SINTAKTIK IKLAN DIGITAL DALAM MEDIA SOSIAL

Norhana Abdullah, Zarina Ashikin Zakaria, Normazla Ahmad Mahir, Suzanah Selamat

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

hana66@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Bahasa amat ekspresif. Ekspresi diri, penjelasan, kerajinan, dan pujukan hanyalah beberapa fungsi bahasa (Tarigan, 1993). Bahasa menyampaikan mesej eksplisit yang bertujuan untuk meyakinkan individu dan sangat penting (Kannan & Tyagi, 2013) dalam dunia periklanan. Iklan yang berkesan menggunakan bahasa manipulatif di mana mesej mudah diterima oleh khalayak. Visual sangat berkesan, namun bahasa itu mendorong individu membezakan sesuatu dan mengingatnya (Kannan & Tyagi, 2013). Oleh itu, tagline antara lain, menggunakan kaedah linguistik eksklusif untuk menarik perhatian pengguna dan meneruskan pembelian produk (Norizan & Siti Nurul, 2017).

Objektif: Kajian ini menyiasat ciri sintaksis yang digunakan dalam iklan digital iaitu penggunaan ayat perintah untuk membuat titik iklan.

Metodologi: Satu set e-iklan dipilih dari platform media sosial Instagram, Pinterest dan Facebook. Bahasa e-iklan kemudian diperiksa secara kualitatif dan dianalisis secara teks, dengan fokus pada penggunaan ayat dan imperatif yang mudah.

Dapatan: Dapatan dalam bentuk deskripsi kualitatif digunakan untuk meningkatkan teknik penulisan persuasif di dalam kelas untuk menulis mesej langsung dan lancar.

Kepentingan: Akhirnya pelajar dapat berjaya memujuk, mempromosikan dan mempengaruhi melalui teks bertulis sambil meningkatkan kreativiti dan kebaharuan wacana iklan.

Kata Kunci: bahasa pengiklanan, ciri sintaksis, media social.

**DILEMMA OF TEACHING AND LEARNING OF MORAL EDUCATION IN MALAYSIA
MULTICULTURAL SOCIETY: AN ISSUE FOR TEACHERS**

Nur Surayyah Madhubala Abdullahllah, Nur Zulina S. De Aslido

Universiti Putra Malaysia

nsurayyah@upm.edu.my

ABSTRAK

Differences in beliefs, values and practices contribute to disagreements on what is right and good in a multicultural society such as Malaysia. This is evident in the Moral Education classroom. Issues and dilemmas are used to teach the subject, and facilitate the development of moral reasoning among students particularly in upper secondary school. This study considers the dilemma of teaching and learning of Moral Education from the perspective of the dilemma Moral Education teachers face in addressing these disagreements. Using an example of a moral dilemma used in teaching and learning of Moral Education in a secondary classroom, the paper offers a considered perspective of the nature of the dilemma, the problem for teachers. It outlines an issue for teachers in dealing with moral disagreements in the Moral Education classroom.

KESAN PENGGUNAAN TANGON DUSUN DALAM MENERAPKAN NILAI MORAL DALAM PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Suziani Jeserah Junaidih, Rosliah Kiting

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ieserah60@gmail.com

ABSTRAK

Elemen nilai moral dalam pembelajaran bahasa Kadazandusun di sekolah seharusnya difahami, dihayati dan diberikan perhatian bagi mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dek hambatan globalisasi dan kepesatan teknologi terkini membawa kepincangan nilai dalam diri remaja dan membawa kepada pelbagai gejala sosial tidak kira di bandar mahupun kawasan luar bandar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek-aspek didaktis yang terkandung dalam karya sastera iaitu tangon Kadazandusun lalu diketengahkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Kadazandusun sebagai bahan pengajaran dengan tujuan untuk mengkaji fungsi pragmatis karya sastera tersebut terhadap pelajar tingkatan 2 Bestari. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis struktural dan didaktis tangon Kadazandusun, menilai hasil kerja serta rekod nilai pelajar. Pendekatan kuantitatif pula dilakukan setelah eksperimen berlaku iaitu menjalankan sesi pengajaran berbantuan tangon Kadazandusun, soal selidik diedarkan dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 12.0. Keadah ini diperlukan untuk memerihalkan fungsi pragmatis tangon Kadazandusun. Hasil analisis dari aspek didaktis dan pragmatis yang terkandung dalam tangon kadazandusun sememangnya adalah sangat berguna untuk dimanfaatkan sebagai bahan bantu mengajar dalam menerapkan nilai moral dalam diri pelajar sekolah terutamanya berdikari, rasional, kerajinan, kejujuran dan baik hati.

PENYERTAAN DAN STRATEGI MENINGKATKAN AKTIVITI FIZIKAL DI KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN SENI DI UiTM

Ahmad Fahim Zulkifli, Brolin Peter Ugau

Department of Physical & Health Education, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

fahimzulkifli@uitm.edu.my, farkynutty@gmail.com

ABSTRAK

Objektif - Matlamat utama kajian ini adalah untuk menerangkan tahap penyertaan aktiviti fizikal di kalangan pelajar jurusan Pendidikan Seni di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Tambahan, kajian ini juga telah mengenalpasti persepsi terkini dan strategi yang berpotensi untuk menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti fizikal.

Metodologi - Kajian ini mengadaptasi bentuk kajian campuran yang terdiri daripada kaedah “quantitative” dan “qualitative”. Peserta terdiri daripada 30 pelajar semester akhir jurusan Pendidikan Seni berumur di antara 24-26 tahun (5 lelaki, 25 perempuan). Penyertaan dalam aktiviti fizikal dinilai menggunakan “International Physical Activities Questionnaire (IPAQ)” yang telah diubah mengikut konteks kajian. Data “qualitative” dikumpulkan melalui temubual untuk mengenalpasti persepsi dan strategi yang bersesuaian menyokong penyertaan mereka dalam aktiviti fizikal. Analisis data telah dijalankan menggunakan perisian SPSS (versi 26.0) menggunakan ujian seperti “descriptive statistics” (cth., purata, peratus).

Dapatan - Majoriti pelajar Pendidikan Seni tahun akhir adalah aktif. Kebanyakan peserta juga sedar tentang kepentingan aktiviti fizikal terhadap kesihatan umum, bentuk badan ideal, dan mengekalkan kecergasan. Dari aspek strategi; peserta percaya fakulti dan universiti bertanggungjawab untuk menganjurkan pelbagai program untuk menggalakkan penyertaan mereka dalam aktiviti fizikal. Tambahan, majoriti peserta juga terlibat sama ada dalam intensity tinggi atau sederhana dalam setiap minggu dengan 66.7% dan 47.7% penglibatan.

Kepentingan - Kajian ini percaya penyertaan individu dalam aktiviti fizikal adalah proses jangka panjang dan memerlukan komitmen. Hanya pendidik yang mempunyai ilmu pengetahuan, kefahaman dan motivasi yang tinggi boleh membawa kepada perubahan persepsi dan pendekatan pelajar terhadap aktiviti fizikal sepanjang hayat.

Kata Kunci: aktiviti fizikal, guru pelatih, pengajaran dan pembelajaran, seni rekabentuk

**PENGUNAAN *DISPLAY LIGHT BOARD (DLB)* DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
TEKNIK MELUKIS BENTUK GEOMETRI SECARA “*STILL LIFE*”**

Siti Mariah Mazan, Che Aleha Ladin

Universiti Malaya

cty.myra@yahoo.com

ABSTRAK

Display Light Board menggabungkan unsur cahaya dan latar belakang putih untuk menimbulkan kesan cahaya dinamik dan dramatik kepada bentuk-bentuk geometri yang diletakkan di atasnya. Inovasi ini dilakukan kerana murid didapati sukar melukis bentuk objek khususnya bentuk geometri dan tidak dapat menentukan arah cahaya dan saiz bayang yang tepat semasa melukis. Inovasi ini dilakukan terhadap murid Tingkatan Empat, di sebuah sekolah menengah di Negeri Sembilan. Model inovasi digunakan agar murid lebih faham dan dapat melihat gambaran sebenar bentuk geometri bersama kesan cahaya dan bayang yang tepat. Di samping mempraktikkan teknik melukis, aspek keseimbangan, kadar banding, ton, bayang dan kesan pencahayaan yang betul juga diaplikasikan bersama semasa menghasilkan karya. Hasil inovasi ini menunjukkan 100% murid mudah melihat dan faham arah cahaya serta bentuk bayang yang terhasil daripada cahaya lampu yang dipasang. Murid lebih yakin kerana dapat melihat bentuk dan cahaya sebenar. 90 % daripada mereka dapat melukis objek dengan baik dengan mengenalpasti kedudukan bayang yang tepat pada objek. Oleh itu dicadangkan supaya alat inovasi ini digunakan sebagai pendedahan kepada murid untuk mudah memahami konsep melukis objek dengan tepat, memudahkan murid melihat, memahami konsep secara autentik, meneliti kesan cahaya dan bayang dengan jelas dan dapat melukis bentuk maujud secara *still life*.

PENGAJARAN DALAM TALIAN: STRATEGI PEMBELAJARAN AKTIF MELALUI SILANG DISIPLIN ILMU KE ARAH MENGINSANKAN PENDIDIKAN

Harleny Abd Arif, Elis Syuhaila Mokhtar & Nor Syazwani Mat Salleh

Universiti Pendidikan Sultan Idris

harleny@fskik.upsi.edu.my

ABSTRAK

Isu pandemik COVID-19 telah mengubah landskap global dan turut memberi implikasi terhadap sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Tenaga pengajar perlu mempunyai integriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan walaupun interaksi secara realiti di dalam bilik kuliah telah berubah pelaksanaannya secara dalam talian semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di sinilah wujudnya cabaran serta keperluan menangani isu dengan minda kreatif dan inovatif bagi merancang strategi pembelajaran aktif dalam kalangan pendidik. Penerapan silang disiplin ilmu sebagai sisipan kandungan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berupaya membentuk kemenjadian pelajar ke arah menginsankan pendidikan sejajar Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Makalah ini membahaskan elemen kreativiti dan inovasi yang mempunyai hubungkait dengan strategi pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar kursus Seni Islam Perbandingan (MSL 3072) di Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI. Sejumlah 123 orang pelajar Program AT23 dipilih sebagai responden dalam kajian ini berdasarkan topik Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri Kaum dan Etnik di Malaysia. Kajian berorientasikan pelajar ini memberi tumpuan khusus terhadap perkembangan pelajar sepanjang proses PdP berlangsung secara dalam talian. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa, silang disiplin ilmu melalui penerapan elemen kreativiti dan inovasi bagi merealisasikan strategi pembelajaran aktif berjaya mengundang reaksi positif pelajar. Isu serta cabaran pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian wajar didepani secara bijaksana dalam usaha menginsankan pendidikan abad ke-21 secara holistik di Malaysia.

Kata Kunci: Menginsankan Pendidikan, Pengajaran dalam Talian, Pendidikan Abad Ke-21, Strategi Pembelajaran Aktif, Silang Disiplin Ilmu.

KULIAH ONLINE: PENDEKATAN AUTOETNOGRAFI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN STUDIO (PPBS) FASA NORMA BAHARU

Elis Mokhtar¹, Harleny Abd Arif², Nor Syazwani Mat Salleh³

¹²³Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif Universiti Pendidikan Sultan Idris

elis.mokhtar@fskik.upsi.edu.my¹, harleny@fskik.upsi.edu.my²,
syazwani.ms@fskik.upsi.edu.my³

ABSTRAK

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengarahkan Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) meneruskan pengajian secara dalam talian (online) bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Saranan ini menjadi cabaran hebat kepada kursus berasaskan studio yang memerlukan penglibatan pensyarah dan pelajar menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka (PPBS). Kajian ini mengetengahkan penggunaan autoetnografi sebagai satu pendekatan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran dapat disampaikan walaupun secara maya. Sebanyak 30 buah lukisan yang dihasilkan sepanjang PKP menjadi karya rujukan pelajar dalam menghasilkan karya akhir Kursus Studio Lukisan Lanjutan untuk Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Hasil daripada kajian ini mendapati, kesemua 47 orang pelajar dapat menghasilkan karya akhir dengan jayanya menggunakan kaedah lukisan naratif bertemakan 'COVID-19'. Karya rujukan dijadikan inspirasi penjana idea terutamanya dalam proses kreatif melalui pemindahan kemahiran teknik melukis, penguasaan bahan dan mengatur komposisi berpandukan Unsur Seni dan Prinsip Rekaan. Di samping itu, pelajar dapat memanfaatkan elemen terapeutic yang tercetus secara tidak langsung semasa penghasilan karya dengan memerihalkan pengalaman dan meluahkan emosi semasa terkurung dalam tempoh PKP. Kaedah penyampaian kuliah online semasa sesi PPBS melalui pendekatan autoetnografi perlu diraikan dalam konteks perkembangan ilmu fasa norma baharu ke arah memperkasa dan menginsankan pendidikan abad ke-21.

KATA KUNCI: 1) autoetnografi, 2) kuliah online, 3) Kursus Lukisan Lanjutan, 4) pengajaran dan pembelajaran berasaskan studio (PPBS), 5) pemindahan ilmu dan kemahiran.

APLIKASI PERMAINAN ROBOTIK DALAM PENDIDIKAN GEOGRAFI

**Soon Singh Bikar Singh, Sabariah Sharif, Rosy Talin, Muralindran Mariappan,
Pathmanathan Suppiah, Balan Rathakrishnan**

Universiti Malaysia Sabah

sohan4025@gmail.com

ABSTRAK

Dengan perkembangan pesat teknologi pada abad ke-21, penggunaan alat multi-media dan teknologi dalam pendidikan telah menjadi semakin popular. Salah satu alat teknologi yang digunakan secara meluas ialah robot. Kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi murid sekolah menengah dalam menggunakan robot untuk aktiviti PdPC Geografi. Kaedah kajian kualitatif telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Seramai tiga orang pelajar yang mengambil bahagian dalam pembangunan projek permainan geografi berasaskan robot dalam Karnival Pendidikan Robot Minimalis telah dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan untuk ditemubual. Temubual separa berstruktur telah dijalankan di akhir karnival. Analisa data temubual menunjukkan murid sekolah menengah mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap penggunaan robot dalam pendidikan geografi. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan robot dalam PdPC geografi turut mengubah minat dan sikap murid untuk belajar geografi yang amat sinonim sebagai mata pelajaran membosankan dalam kalangan murid sekolah. Aplikasi robot ini juga meningkat motivasi intrinsik murid untuk belajar geografi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa robot merupakan salah satu teknologi alternatif yang dapat digunakan oleh guru untuk diintegrasikan dalam aktiviti PdPC untuk meningkat pencapaian geografi di sekolah

ADAKAH KITA SUDAH SAMPAI? SATU TINJAUAN BERKAITAN PENDIDIKAN SIVIK.

Azni Yati Kamaruddin, Che Aleha Ladin, Vishalache Balakrishnan, Abd Razak Zakaria
*Jabatan Asa Pendidikan Dan Kemanusiaan,
Fakulti Pendidikan
University Malaya, Kuala Lumpur
azniyati@um.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan: Pendidikan Sivik adalah mata pelajaran yang kurang popular walaupun penting untuk memanusiakan warganegara dalam kurikulum pendidikan di peringkat global dan juga di Malaysia. Pendidikan Sivik diperkenalkan semula dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia pada bulan Jun 2019 dengan memberi tumpuan kepada empat nilai, iaitu cinta, rasa hormat, tanggungjawab dan kebahagiaan. Sepanjang penglibatan Pendidikan Sivik dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia lebih dari 50 tahun, pelbagai nama diberikan tujuan utama subjek ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mengetahui hak mereka, bertanggungjawab dan mempunyai watak yang baik dan dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, negara dan global yang melibatkan pengetahuan sivik, sikap sivik dan tingkah laku sivik.

Objektif: Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana objektif utama Pendidikan Sivik di Malaysia telah dicapai.

Metodologi: Pencapaian itu akan dijelaskan melalui soal selidik yang diberikan kepada pentadbir sekolah dan juga pegawai pendidikan.

Dapatan: Hasil dapatan mendapati 60% responden bersetuju objektif Pendidikan Sivik masih belum dicapai.

Kepentingan: Hasilnya mungkin menunjukkan beberapa cara yang berpotensi untuk menjadikan Pendidikan Sivik diterima sama pentingnya dengan yang lain terutama pada era sekarang dan pasca wabak ini.

PENGAPLIKASIAN TEORI PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME DALAM PEMBELAJARAN MATEMATIK

Voon Sok Hui, Muhammad Syawal Amran

Universiti Kebangsaan Malaysia

voonsh76@gmail.com

ABSTRAK

Kertas konsep ini memcangkan kepentingan teori Konstruktivisme sebagai satu falsafah pembelajaran yang popular selama beberapa dekad ini. Selain itu, artikel ini juga mengetengahkan terdapat senario pendidikan Malaysia yang masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional dalam pembelajaran Matematik. Pembelajaran yang efektif memerlukan guru mengintegrasikan strategi, teknik dan aktiviti yang dapat merangsang kognitif pelajar mengikut perbezaan individu untuk mema konsep atau pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Penerapan teori Konstruktivisme dalam pengajaran Matematik dilihat sangat penting dalam membantu pelajar bagi mema dan menyesuaikan maklumat baharu untuk diaplikasikan dalam pembelajaran pelajar agar lebih dinamik dan responsif. Sejajar dengan keperluan ini, pengkaji mengulas dengan lanjut tentang implikasi pengaplikasian teori Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, artikel ini juga mengutarakan sorotan kajian tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan teori Konstruktivisme dalam konteks pengajaran guru. Artikel ini pada akhirnya juga menghuraikan dengan lebih lanjut cabaran dan keperluan guru dalam menerapkan teori konstruktivisme dalam pengajaran agar dapat membantu guru-guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan. Melalui percangan dalam artikel ini, pengkaji berharap dapat memberi keyakinan dan motivasi untuk guru-guru yang berminat untuk melaksanakan pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Kata kunci : Pembelajaran Matematik, Teori Konstruktivisme.

PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN KAEDAH KOPERATIF STAY AND STRAY DALAM PENULISAN BAHASA

Ng Cian Wen, Muhammad Syawal Amran

Universiti Kebangsaan Malaysia

ngcianwen@gmail.com

ABSTRAK

Penulisan adalah satu cara yang penting untuk manusia berkomunikasi, manakala mengarang adalah kemahiran untuk seseorang individu mengutarakan idea dan perasaan ke dalam bentuk tulisan secara rasional. Dengan itu, kemahiran mengarang merupakan salah satu bahagian yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Namun, kemahiran mengarang adalah kemahiran yang paling sukar dikuasai sekiranya berbanding dengan kemahiran lain seperti mendengar, bertutur dan membaca. Sehubungan itu, kertas konsep ini bertujuan untuk menerangkan penggunaan kaedah koperatif Stay and Stray dalam pembelajaran penulisan bahasa. Kaedah Stay and Stray merupakan kaedah pembelajaran dalam kumpulan-kumpulan kecil dan melibatkan bekerjasama antara anggota dalam usaha menyelesaikan tugas yang diberikan untuk menguasai bahan pembelajaran. Lantaran itu, kertas konsep ini menerangkan konsep dan cara pelaksanaan kaedah koperatif Stay and Stray dalam pembelajaran penulisan secara terperinci. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kaedah ini turut dicangkan dan perkaitan kaedah ini dengan prinsip-prinsip Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky juga dijelaskan. Selain itu, kertas konsep ini juga menelitikan kelebihan dan kelemahan kaedah Stay and Stray dalam pembelajaran penulisan dari pelbagai aspek. Kertas konsep ini dijangka dapat menggalakkan lebih banyak guru terutamanya guru yang menghadapi masalah pengajaran penulisan untuk menambahbaik amalan pengajaran supaya berjaya memberikan pengajaran dan pembelajaran penulisan yang berkesan positif dan berkualiti. Disamping itu memberi input kepada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri serta Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha merancang rancangan-rancangan, dasar-dasar dan kurikulum pendidikan dalam bidang pembelajaran penulisan bahasa.

Kata kunci: Penulisan, pembelajaran koperatif, Stay and Stray, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky.

PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN KAEDAH “*BRAINWRITING*” DALAM MEMBANTU PELAJAR MENGUASAI KEMAHIRAN MENULIS

Tiong Yoke Nee, Muhammad Syawal Amran

Universiti Kebangsaan Malaysia

yokenee92@gmail.com

ABSTRAK

Kemahiran menulis memerlukan koordinasi dari segi kognitif dan linguistik untuk menghasilkan penulisan yang baik dan mudah difahami oleh pembaca. Maka boleh dikatakan kemahiran menulis merupakan antara kemahiran bahasa yang rumit dan susah dikuasai oleh pelajar. Secara umum, pelajar masih lemah dalam penulisan tidak kira dari segi aspek penjaan idea, pengembangan idea dan juga pemikiran kreativiti. Kegagalan pelajar menguasai kemahiran menulis masih menjadi isu yang hangat dan sering dipertikaikan dalam masyarakat. Lantaran itu, kertas konsep ini bertujuan menerangkan penggunaan kaedah brainwriting dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Kaedah brainwriting merupakan pembelajaran koperatif yang memerlukan kerjasama antara ahli dengan memberikan ruang kepada pelajar berkongsi idea dalam kumpulan secara bertulis. Dalam pada itu, kertas konsep ini mendedahkan prinsip-prinsip dan cara pelaksanaan kaedah brainwriting dalam penulisan. Isu-isu penulisan turut dicang secara menyeluruh untuk memberikan gambaran jelas tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran menulis. Kertas konsep ini juga meneliti perkaitan antara kaedah brainwriting dengan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky. Implikasi penggunaan kaedah brainwriting dalam kemahiran menulis juga ditinjau dan dijelaskan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Kertas konsep ini diharapkan boleh menyedarkan para pendidik dan pihak sekolah tentang peranan mereka dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Bukan itu sahaja, kertas konsep ini juga memberi informasi dan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat perancangan reformasi dan inovasi dalam bidang penulisan.

Kata kunci: kaedah brainwriting, kemahiran menulis, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky

ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK BERKAITAN PEMBELAJARAN KOPERATIF MENGUNAKAN KAEDAH JIGSAW DALAM PENULISAN BAHASA

Tee Yi Hui, Muhammad Syawal Amran

Universiti Kebangsaan Malaysia

yhui6137@gmail.com

ABSTRAK

Pembelajaran koperatif Jigsaw merupakan sejenis amalan pedagogi yang mengalami transformasi dari pengajaran tipikal berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Kaedah Jigsaw yang mementingkan komponen sosialisasi dan budaya perkongsian ilmu sesama pelajar menjadi semakin popular dalam bidang pendidikan. Ini adalah kerana melalui budaya kerjasama, pelajar dapat mencapai matlamat dan menyelesaikan masalah yang tidak dapat diatasi secara bersendirian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji literatur berkaitan pembelajaran koperatif menggunakan kaedah Jigsaw dalam penulisan bahasa. Kajian ini melibatkan analisis secara induktif dengan pencarian sebanyak 19 buah artikel dan jurnal yang berimpak tinggi melalui enjin pencarian Educational Resources Information Centre (ERIC), Researchgate, Google Scholar, Springerlink, ScienceDirect dan Scopus. Pencarian adalah dengan menggunakan kata kunci seperti teknik jigsaw, jigsaw classroom, koperatif jigsaw, dan jigsaw pembelajaran penulisan. Kajian kuantitatif ini membuat analisis tentang jenis kaedah jigsaw, instrumen yang digunakan dalam kajian penulisan Jigsaw dan implikasi pengajaran koperatif Jigsaw. Dapatan analisis menunjukkan bahawa jenis kaedah Jigsaw II yang telah diubahsuai lebih banyak digunakan dalam kajian lepas dibandingkan dengan kaedah Jigsaw I. Kebanyakan kajian menggunakan instrumen soal selidik sebagai skala pengukuran motivasi penulisan, kreativiti dalam penulisan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran penulisan. Hasil analisis juga mengenalpasti bahawa kaedah koperatif jigsaw membawa implikasi positif terhadap pembelajaran penulisan. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapatlah memberi gambaran kepada pengkaji lain tentang jenis kaedah Jigsaw I dan Jigsaw II serta implikasi positifnya dari pelbagai perspektif. Selain itu, kajian ini juga menjadi panduan kepada pengkaji lain untuk mema instrumen yang berkaitan dengan pembelajaran penulisan dalam kajian lanjutan.

Kata kunci: kaedah Jigsaw, pembelajaran koperatif, penulisan.

APAKAH KEMAHIRAN MELAKAR ARAS TINGGI (KMAT)? REKA BENTUK DAN APLIKASINYA DALAM PENGKARYAAN SENI VISUAL?

Che Aleha Ladin¹, Intan Marfarrina Omar & Vishalache Balakrishnan

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

¹chealeha@um.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Lakaran sebagai asas penjanaan idea, boleh digunakan sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat. Dalam konteks seni visual, lakaran digunakan sebagai idea awal untuk mencipta idea yang lebih kreatif, kritis supaya mempunyai kualiti estetik dan menepati aspek pengkaryaan yang bersesuaian. Namun demikian, kekurangan kemahiran dan kefahaman dalam pengkaryaan menyebabkan ia sukar mencapai aras tinggi.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan mengaplikasi Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT) dalam pengkaryaan seni visual.

Methodologi – Satu kajian kes kualitatif dijalankan melibatkan temu bual separa berstruktur dengan tiga orang pakar Seni Visual, dua guru dan empat orang murid sekolah menengah. Kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan dokumen hasil karya murid semasa mengaplikasi KMAT dalam kalangan murid. Data kajian dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis jenis template.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan terdapat tujuh langkah penting untuk mencapai KMAT iaitu kefahaman menyeluruh tentang aspek perekaan melibatkan peniruan imej 100%, melakar berdasarkan olahan bentuk asas, menggunakan pelbagai bahan dan media, kefahaman kadar banding dan komposisi, melakar dengan perspektif, menzahirkan idea dengan cara tersendiri dan seterusnya lancar mengaitkan isu, tema dan budaya dalam lakaran. Walau bagaimanapun, kejayaan pencapaian KMAT bergantung kepada kaedah pelaksanaannya, kefahaman asas seni reka, disertai dengan minat dan bakat murid yang mendalam.

Kepentingan – Reka bentuk KMAT sesuai digunakan oleh murid sekolah menengah dan guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Visual. KMAT juga boleh digunakan secara meluas oleh golongan yang berminat dalam pengkaryaan seperti pelukis atau pereka supaya dapat melatih pemikiran, melahirkan idea yang kritis dan kreatif dan meningkatkan kualiti penciptaan dalam pelbagai bidang sejajar dengan konteks revolusi Industri 4.0.

Kata Kunci: Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT), Prinsip rekaan Seni Visual dan Unsur seni.

TEKANAN AKADEMIK: CABARAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEMASA NORMA BAHARU

Abdul Rashid Abdul Aziz@Dorashid, Siti Nubailah Mohd Yusof
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
rashid@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pandemik Coronavirus Disease 2019 (Covid-19) yang melanda Malaysia dan seluruh dunia telah menjadi tragedi paling buruk di abad ini. Wabak ini telah memberi implikasi yang sangat besar kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan negara. Ianya telah mengubah cara dan sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) konvensional yang sedia ada kepada PdP secara atas talian. Aspek kesihatan mental merupakan elemen penting kefungisian diri pelajar dalam mempengaruhi hasil serta keberkesanan sistem pembelajaran atas talian yang baru sahaja diimplimentasikan ini.

Objektif – Justeru, penulisan ini adalah bertujuan untuk meninjau cabaran pembelajaran atas talian dalam kalangan pelajar dan impaknya terhadap tekanan akademik.

Methodologi – Maklumat yang diketengahkan adalah berdasarkan kajian perpustakaan melalui kaedah analisis kandungan yang memfokuskan kepada pemahaman terhadap konsep tekanan akademik dan interaksinya dengan cabaran pembelajaran atas talian. Teori Transaksional Tekanan dan Daya Tindak Lazarus dan Folkman telah digunakan dalam kajian ini dimana model ini menekankan kepada penjelasan terhadap proses pemikiran bagi peristiwa yang berlaku dalam persekitaran. Ianya melibatkan dua peringkat penilaian yang membawa kepada strategi daya tindak yang menghasilkan keseimbangan dalam aspek kesihatan mental.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran kepada pembelajaran atas talian yang memberi natijah terhadap tekanan akademik.

Kepentingan - Tuntasnya, pengkajian berkaitan cabaran pembelajaran atas talian semasa norma baharu yang mencetuskan tekanan akademik pelajar masih lagi terhad dan minimal. Sekaligus, kajian ini dapat menjadi satu platform dan sumber rujukan baru khususnya terhadap institusi pendidikan di negara ini bagi memastikan sistem pembelajaran atas talian dapat dilaksanakan dengan efisien serta dimanfaatkan secara optimum oleh setiap pelajar di Malaysia.

Kata Kunci: norma baharu, pembelajaran atas talian, tekanan akademik.

**PEMBELAJARAN TERADUN: KESESUAIAN PENTAKSIRAN BERASASKAN PROJEK
UNTUK MURID KOLEJ GENIUS INSAN BAGI MEMENUHI HASRAT FALSAFAH
PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Hayati Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

hayati.ismail@usim.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini menuntut perubahan segera dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), daripada secara bersemuka sepenuhnya kepada pembelajaran teradun yang menggabungkan kaedah bersemuka dan penggunaan aplikasi dalam talian. Namun begitu, pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah menengah masih lagi mengamalkan pentaksiran tradisional yang memberi fokus kepada aspek kognitif. Kolej GENIUS Insan melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 30 April 2020 dengan menyediakan modul yang digubal khusus bagi situasi pembelajaran di rumah. Proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di KGI bukan sahaja melibatkan proses penyampaian ilmu, tetapi merupakan usaha untuk membangunkan sahsiah murid secara berterusan dan holistik untuk menjana cendekiawan Islam satu hari ini. Justeru Pentaksiran Berasaskan Projek (PBP) dalam tempoh PKP adalah pentaksiran holistik bukan sahaja bagi mengukur penguasaan prestasi murid dalam subjek, tetapi juga membangunkan jasmani, emosi dan rohani dalam menghasilkan projek yang ditetapkan. Subjek STEM iaitu Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Matematik Tambahan dijadikan teras kepada pentaksiran subjek, manakala markah bagi subjek Bahasa dan Sains Sosial dikira melalui projek yang dihasilkan. Pentaksiran ini juga merangkumi aspek penerapan nilai dan pembangunan akhlak murid KGI dengan kerjasama rakan sekumpulan dan bantuan ibu bapa. Jelas bahawa KGI dapat mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang meletakkan pembangunan seimbang murid sebagai teras kemajuan negara di masa akan datang.

PENELITIAN SEMULA TERHADAP SISTEM NILAI DALAM PENDIDIKAN DI MALAYSIA**Mohd Radhi Ibrahim***Universiti Sains Islam Malaysia*radhi@usim.edu.my**ABSTRAK**

Sistem nilai merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan motivasi individu terhadap sesuatu tindakan. Sistem nilai yang baik akan membantu dan mendorong individu dalam masyarakat untuk melakukan perbuatan baik. Masyarakat yang dipenuhi individu sebegini akan menjadi harmoni dan membahagiakan. Namun jika sistem nilainya lemah dan bermasalah, sesuatu masyarakat akan turut terkesan dgn perkara tersebut. Dalam hal ini pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk sistem nilai yang baik terhadap anggota baharu dalam masyarakat. Pendidikan diperingkat sekolah rendah dan menengah merupakan kunci asas dalam membentuk sistem nilai generasi muda selepas pendidikan di rumah dan pendidikan awalan. Pendidikan di Malaysia turut memberikan penekanan terhadap pembangunan sistem nilai. Dalam sistem pendidikan Malaysia para pelajar dilatih untuk melakukan amalan baik melalui dua Faktor utama iaitu: Pertama: untuk mengelakkan hukuman dan kedua: untuk mendapatkan ganjaran. Dua faktor ini dilihat tidak mencukupi dalam mema sistem nilai yang komprehensif dan budaya tinggi. Faktor ketiga untuk melakukan kebaikan diperlukan bagi menjadikan negara Malaysia mempunyai keupayaan untuk melahirkan warga kelas pertama yang setaraf atau lebih baik dari warga negara maju semasa. Tanpa faktor ketiga ini impian Malaysia untuk menjadi negara maju amat sukar dan mungkin mengecewakan. Penulisan ini bertujuan untuk meneliti lebih lanjut berkenaan sistem nilai ketiga yang dimaksudkan. Metodologi dalam kajian ini akan merujuk kepada analisa terhadap panduan dari ajaran Islam dan juga perbandingan dengan falsafah etika yang terdapat di Barat.

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN WHATSAPP: APA YANG MENARIK?

Rahimah Jamaluddin, Noraliza Selamat

Universiti Putra Malaysia

imah_upm@upm.edu.my

ABSTRAK

Sejajar dengan pandemik Covid-19, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan agar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) terus dijalankan seperti biasa walaupun bagaimanapun hanya menggunakan platform secara dalam talian seperti Google Classroom dan aplikasi WhatsApp. Tujuan kajian ini dijalankan adalah meneroka pelaksanaan PdP menggunakan WhatsApp semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Selain itu, penyelidik juga ingin meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PdP dan cara menangani cabaran tersebut. Kajian kualitatif ini melibatkan lima orang guru Sains Rumah Tangga (SRT) di Selangor yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Analisis dokumen melibatkan rakaman teks, foto dan bahan audio visual yang digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Data yang dikumpul dianalisis dan kemudiannya disusun mengikut tema. Hasil dapatan kajian membentuk empat tema utama iaitu (i) penglibatan murid, (ii) strategi pengajaran, (iii) pengurusan bilik darjah dan (iv) cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjalankan PdP menggunakan aplikasi WhatsApp. Dapatan utama kajian menunjukkan guru berupaya merancang aktiviti PdP yang menarik, menyeronokkan dan menggabungkan pelbagai aktiviti yang menggalakkan penyertaan murid secara aktif walaupun hanya menggunakan aplikasi WhatsApp. Cabaran utama yang dihadapi oleh guru adalah untuk memastikan kesemua murid mengikuti sesi PdP dijalankan. Langkah penyelesaian yang terbaik adalah dengan memberi markah atau ganjaran kepada tugas yang disiapkan oleh murid secara pembelajaran dalam talian. Kajian ini memberi manfaat kepada guru khususnya tentang kelebihan melaksanakan PdP secara dalam talian menggunakan aplikasi WhatsApp.

**PENINGKATAN LITERASI PERTANIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH: KEBERKESANAN MODUL REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN
LANDSKAP**

Mohd Hazwan Mohd Puad, Fakhrul Radhi Razali

Universiti Putra Malaysia

hazwan@upm.edu.my

ABSTRAK

Dalam menuju ke arah negara maju, negara memerlukan modal insan yang seimbang dan mahir bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi tetapi juga dalam bidang pertanian. Bidang pertanian merupakan tunjang kepada negara kerana bidang ini menjamin bekalan makan yang cukup dan selamat kepada rakyat. Landskap adalah sub-bidang pertanian dapat memberi nilai tambah kepada bidang pertanian dan mampu berintegrasi dengan bidang lain. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menghasilkan dan menilai keberkesanan modul pengajaran reka bentuk dan pembangunan landskap pertanian untuk pelajar sekolah menengah. Penghasilan modul ini bertujuan untuk meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah. Modul reka bentuk dan pembangunan landskap pertanian ini dibangunkan menggunakan reka bentuk kajian pembangunan (DDR). Umang-U mang Chalet, Pengkalan Balak dan sebuah sekolah menengah telah terlibat dalam penghasilan modul reka bentuk dan pembangunan landskap ini. Dapatan kajian menunjukkan modul yang dibangunkan mampu meningkatkan literasi pertanian pelajar sekolah menengah secara signifikan. Selain itu, pihak Umang-U mang Chalet juga berpuas hati dengan model reka bentuk dan pembangunan landskap yang telah dia. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pihak berkaitan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari pengetahuan sains, teknologi dan juga pertanian dan landskap

SHAHID NAHU QURAN BAGI PENERAPAN NILAI MURNI SOSIAL SEJAGAT

**Muhammad Zahid Ismail, Mohd Nizwan Musling, Mohd Abd Rosmizi Abd Rahman,
Mohammad Najib Jaffar**

Universiti Sains Islam Malaysia

muhdzahidismail96@gmail.com

ABSTRAK

Penerapan nilai murni merupakan salah satu elemen utama dalam kurikulum pendidikan bagi melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum dan agama. Sekalipun begitu, elemen ini dilihat masih belum diketengahkan dalam kurikulum nahu Bahasa Arab (BA) sekalipun sumber bahasa primernya ialah Al-Quran yang sarat dengan nilai. Maka, kajian ini akan mengenalpasti shahid (bukti teks sumber) nahu Quran mengikut topik-topik nahu BA yang mengungkap nilai tersebut. Ia dengan menganalisis nilai murni sosial yang terdapat dalam Al-Quran terutamanya menerusi Surah Al-Hujurat. Manakala bagi membuktikan kesejagatan nilai ini, pemadanan nilai masyarakat menurut agama-agama utama di Malaysia seperti Kristian, Hindu dan Buddha dilakukan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian memilih pendekatan kualitatif yang menggunakan metod analisis kandungan ke atas data utama kajian iaitu teks Al-Quran. Dapatan kajian memperlihatkan elemen nilai sosial sejagat dalam konteks Malaysia yang mampu dijadikan bahan kurikulum Nahu Arab-Quran dalam kerangka pendidikan berasaskan nilai.

**PENGUNAAN TEKNIK PERMAINAN BERKUMPULAN “VOCABULARY TASKFORCE”
UNTUK MENINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MENGUASAI
PERBENDAHARAAN KATA BAHASA INGGERIS**

Nithiyaa A/P Sakthi Saravanan, Muhammad Syawal B. Amran

Universiti Kebangsaan Malaysia

nithiyaasakthisaravanan@gmail.com

ABSTRAK

Penguasaan perbendaharaan kata dalam pembelajaran Bahasa Inggeris amat signifikan dalam menentukan kefasihan pertuturan dan penulisan dalam bahasa tersebut. Isu penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris yang lemah dan kekurangan minat para pelajar untuk belajar bahasa tersebut memberikan impak kepada masalah komunikasi pelajar. Kendatipun, didapati bahawa fokus yang diberi kepada perbendaharaan kata dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas Bahasa Inggeris masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan menerusi teknik permainan bahasa secara berkumpulan, Vocabulary Taskforce, dalam pengajaran perbendaharaan Bahasa Inggeris boleh meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dan merangsang minat pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata bahasa tersebut. Tujuan kertas konsep ini adalah untuk memcangkan masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris. Tambahan pula, penulisan ini juga menghuraikan jenis permainan bahasa secara berkumpulan yang menarik dan berkesan bagi mengajar perbendaharaan kata di dalam kelas. Selain itu, kertas konsep ini juga memcangkan tinjauan literatur pengajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kepada pelajar menengah rendah dengan menggunakan permainan bahasa serta membuat penelitian tentang permainan bahasa dan kaitannya dengan motivasi pelajar yang menjadi faktor perangsang utama bagi pelajar meluaskan kosa kata mereka. Percangan yang diperoleh dalam kajian ini berguna dalam penerokaan topik penyelidikan berkaitan dengan perbendaharaan kata dan pengenalannya dalam literatur dan mendukung mereka yang memerlukan bimbingan untuk mengembangkan langkah-langkah yang sesuai bagi mempromosi pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris.

Kata kunci: motivasi, perbendaharaan kata, permainan bahasa.

**PENDEKATAN PENGAJARAN MULTILINGUAL, MULTIDIMENSIONAL DAN
MULTIKULTURAL KEARAH MELAHIRKAN PELAJAR YANG BERKOPETENSI DALAM
MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

Izani Mat Il M. Hum, Amir Hashim

Universiti Pendidikan Sultan Idris

izani9595@yahoo.com

ABSTRAK

Seni yang multilingual bererti seni yang bertujuan untuk mengembangkan kemampuan untuk mengekspresikan diri dengan berbagai cara seperti bahasa rupa, bunyi, gerak atau gabungannya. Seni yang multidimensional bererti seni yang bertujuan untuk mengembangkan potensi pelajar dari segi persepsi, pengetahuan, pemahaman, analisis evaluasi, apresiasi dan produktiviti dalam menyeimbangkan unsur logika dan estetika. Seni yang multikultural bererti seni yang bertujuan untuk mengembangkan kesedaran dan kemampuan berapresiasi terhadap kepelbagaian budaya tempatan dan global. Tiga karakteristik tersebut merupakan kesepaduan yang harus dilirik oleh perancang pendidikan seni di Malaysia kerana dengan adanya gabungan tersebut keseimbangan perkembangan pelajar yang mencakupi kecerdasan emosional (EQ), kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan adversiti (AQ), kreativiti (CQ), serta kecerdasan spiritual dan moral akan bersepadu. Kertas kerja ini cuba untuk mengungkapkan peranan pendidikan seni terhadap pembentukan keperibadian pelajar dengan menggunakan pendekatan multilingual, multidimensional dan multikultural.

Kata Kunci: Kompetensi, Multilingual, Multidimensional, Multikultural, Seni.

PEMBENTUKAN NILAI MELALUI PEMBELAJARAN INFORMAL DALAM KALANGAN ORANG ASLI SUKU SEMAI

Nor Syazwani Mat Salleh, Harleny Abd Arif Dan Elis Syuhaila Mokhtar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

syazwani.ms@fskik.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat adalah aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat yang bermanfaat kepada individu untuk memperbaiki kehidupan. Nilai melalui pembelajaran informal adalah asas bagi penglibatan individu secara demokrasi, kesamarataan dan keadilan sosial. Kajian ini meneroka kesedaran terhadap pembentukan nilai menerusi pembelajaran informal dalam kalangan komuniti Orang Asli suku Semai bagi memperluaskan pendidikan alternatif kepada golongan terpinggir ini. Kajian ini dijalankan di Kampung Perangin, Proton City, Perak. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam bersama Tok Batin serta kumpulan berfokus dengan Orang Asli terpilih. Kaedah literatur sebagai analisis dokumen, dan pemerhatian di lapangan turut dilakukan bagi menganalisis konsep pembentukan nilai melalui pembelajaran informal dalam kalangan komuniti ini. Dapatan kajian mendapati kesedaran terhadap nilai ekuiti dan keadilan sosial melalui pembelajaran informal berlaku menerusi peningkatan kemahiran kerja, penambahbaikan sahsiah diri, kemahiran informal secara tidak langsung melalui hasil tangan, sumber hutan, ekspresi kebebasan, pergerakan, kepercayaan dan juga penambahan ilmu pengetahuan seiring dengan arus pemodenan. Kelangsungan hidup komuniti Orang Asli Kampung Perangin yang masih berbentuk sara diri dan cukup hidup sedikit sebanyak menyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Justeru, kemahiran informal melalui aktiviti dan sumber hutan, warisan kesenian secara tidak langsung membantu komuniti ini menjana ilmu dan pendapatan yang diterjemahkan dalam bentuk barangan dan juga perkhidmatan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada komuniti Orang Asli yang lain dalam menggunakan kemahiran mereka sebagai satu kelebihan dalam menghasilkan pendapatan melalui pembelajaran informal.

Kata Kunci: keadilan sosial, nilai, Orang asli, pembelajaran informal, Semai.

PENDEKATAN NARATIF DALAM MENGINSANKAN PEMIKIRAN MORAL GURU PELATIH

***Norzihani Saharuddin, Suhailah Hussien, Maizura yasin**

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia

norzihani@upm.edu.my, suhailah@iium.edu.my, y_maizura@upm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Pendekatan Naratif, merupakan suatu pendekatan pengajaran yang digunakan dalam program pendidikan guru di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia.

Objektif – Dengan mengambil contoh dapatan suatu kajian kes berkenaan Pendekatan Naratif dalam memudahkan penaakulan moral, kertas ini memcangkan potensi pendekatan ini dalam menginsankan pemikiran moral guru pelatih dalam persediaan mereka untuk menjadi guru yang kompeten, iaitu bukan sahaja menguasai kandungan subjek dengan baik, bahkan berkemahiran dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran bagi melahirkan pelajar-pelajar yang terdidik secara holistik dari sudut minda, hati dan perilakunya (*head, heart, hand*).

Methodologi – Kertas ini dimulakan dengan memcangkan pengenalan terhadap Pendekatan Naratif. Seterusnya kertas ini turut mengupas teori-teori Islam mahupun kontemporari yang berkaitan, dalam usaha memcangkan bagaimana Pendekatan Naratif ini berpotensi dalam menginsankan guru-guru pelatih.

Dapatan – Akhirnya, kertas ini akan mengetengahkan elemen-elemen yang terkandung di dalam Pendekatan Naratif yang dapat digarap dalam memudahkan elemen insaniah dalam diri pelajar khususnya guru pelatih yang sedang berada di dalam program pengajian mereka.

Kepentingan – Para guru pelatih, guru dan pensyarah/pengajar dijangka bakal beroleh manfaat terhadap eksplorasi berkenaan pendekatan naratif ini.

Kata Kunci: guru pelatih, menginsankan, pendekatan naratif, pemikiran moral.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERADUN PASCA COVID19: CABARAN DAN PELAKSANAANNYA

Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Azni Yati Kamaruddin, Siti Mariah Mazan

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

simah@um.edu.my, chealeha@um.edu.my, azniyati@um.edu.my, cty.myra@yahoo.com

Nor Asiah Ismail

Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTAA

asiisma8@gmail.com

ABSTRAK

Penggabungan media digital dalam talian dengan kaedah tradisional telah menjadi satu platform penting kepada semua guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara formal dan tidak formal pasca COVID-19. Namun, untuk merealisasikan medium baharu ini dalam kalangan guru, banyak persoalan yang perlu ditangani dengan bijak oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendalami fenomena yang berlaku dari segi cabaran dan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian sewaktu tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP). Fokus kajian ini adalah untuk mengupas langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam PdP. Seterusnya, cabaran pendidikan masa kini dalam menghadapi pelbagai situasi, menjadi aspek utama yang dicangkan. Metod yang digunakan ialah reka bentuk kualitatif dengan mendapatkan sumber data daripada kajian-kajian lepas, catatan perkembangan pembelajaran teradun daripada guru, dan laman sesawang (web) dari seluruh Malaysia. Sampel kajian ialah murid dan guru sekolah Menengah Kebangsaan Jerlun, Kedah dan Sekolah Kebangsaan Kampung Bulau, Bekenu, Miri, Sarawak. Masalah yang didapati adalah bukan semua kawasan kediaman murid-murid mendapat liputan internet terutama mereka yang tinggal di pedalaman. Cabaran seterusnya ialah keluarga yang kurang berkemampuan. Melalui penyediaan bahan PdP yang kreatif dan berinovasi berbantuan media digital, para guru telah mendapat sokongan daripada pihak KPM kerana berjaya melaksanakan PdP secara dalam talian sekali gus guru dapat menjana cara berfikir murid-murid di luar kotak. Penggunaan media digital tidak mengira jarak dan masa kerana penyampaian ilmu merupakan tanggungjawab dan amanah hakiki para pendidik kepada masyarakat. Para guru perlu sentiasa didedahkan dengan kursus-kursus dan latihan pengajaran yang mengintegrasikan teknologi digital secara berterusan. Dapatan juga memberikan panduan kepada KPM untuk menggubal atau menambah baik kurikulum pendidikan dengan mengintegrasikan elemen-elemen lain merangkumi pengetahuan teknologi dalam pengajaran.

Kata Kunci: Pengajaran dan Pembelajaran Teradun, teknologi digital, kreatif, inovasi

AKTIVITI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK MELALUI PENGLIBATAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DALAM PROSES MEREKABENTUK RUANG LANDSKAP

Azlin Iryani Mohd Noor, Elis Mokhtar, Syazwani Mat Salleh, Harleny Abd Arif, Dr Norakmal Abdullah

Universiti Pendidikan Sultan Idris

azlin@fskik.upsi.edu.my

ABSTRAK

Ruang landskap merupakan elemen yang penting dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni kepada warga sekolah. Dengan adanya ruang landskap yang menarik, murid berpeluang mengikuti pembelajaran yang menyeronokkan melalui interaksi secara langsung terhadap alam semula jadi di bawah pengawasan guru. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenengahkan potensi ruang landskap sekolah sebagai medium pembelajaran bagi meningkatkan kemenjadian murid selari dengan aspirasi PAK-21. Penekanan terhadap reka bentuk landskap sekolah yang kondusif perlu diambil kira agar ruang tersebut dapat memberi manfaat bukan sahaja dari segi estetik malah, memenuhi keperluan fizikal, emosi, rohani dan interlektual murid. Oleh itu, perancangan reka bentuk landskap perlu dilakukan secara holistik. Salah satu kaedahnya adalah dengan memberi peluang kepada murid untuk mengutarakan perspektif mereka terhadap reka bentuk ruang landskap yang signifikan dengan keperluan mereka. Ini bagi memastikan elemen dan ruang yang direka bentuk dapat berfungsi dengan lebih efektif. Untuk mengenalpasti perspektif murid secara sistematik, aktiviti pembelajaran berasaskan projek melibatkan eksplorasi di ruang landskap sekolah telah dijalankan. Elemen yang berkaitan dengan perkembangan sosial, emosi, kreativiti serta komunikasi didokumentasikan melalui aktiviti fotografi, rakaman video, lukisan, bercerita dan eksplorasi di ruang landskap sekolah telah dijalankan bersama penglibatan murid. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan penglibatan murid mampu mengubah proses reka bentuk landskap yang konvensional kepada sesuatu yang lebih berorientasikan pengguna. Kajian ini telah membuka laluan terhadap pendekatan baru dalam merancang reka bentuk landskap prasekolah. Konsep penglibatan dalam perancangan reka bentuk landskap khususnya di sekolah adalah masih baru di Malaysia, tetapi mempunyai potensi untuk diterokai.

PEMBANGUNAN INSAN MELALUI KOLABORATIF GURU DALAM KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Zanaton Haji Iksan, Shariffah Sebran Jamila Syed Imam, Rabiatul 'Aqilah Bt. Mohamad Ariffin

Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia
zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Komuniti Pembelajaran Profesional adalah satu platform untuk guru berkolaboratif dalam kalangan guru untuk memcangkan pengajaran dan pembelajaran sebaik mungkin. Kolaborasi ini adalah untuk memantau proses pembelajaran pelajar secara lebih berfokus, seterusnya melihat perkembangan pelajar bagi memastikan bukan sahaja pemahaman konsep, malah perkembangan kemahiran dan nilai dititikberatkan untuk mencapai matlamat kemenjadian pelajar dan pembangunan insan. Bagi mencapai matlamat itu, pihak Kementerian Pendidikan telah mencadangkan pelbagai strategi atau alat kolaboratif untuk membantu guru membudayakan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional. Penulisan ini adalah untuk memcangkan alat kolaboratif dan bagaimana pelaksanaan alat kolaboratif ini mampu memberi sumbangan kepada pembangunan Insan. Terdapat 13 strategi atau alat kolaboratif yang dicangkan iaitu Dialog Prestasi, Kelab Buku, Kumpulan Belajar Guru, Kritikan Video, Jelajah Pembelajaran, Bimban Rakan Sekerja, Kajian Pembelajaran, Sesi Perkongsian Guru, Analisis Data, Kumpulan Rakan Kritik, Induksi dan Pementoran Guru Baharu, Kumpulan Penyelesaian Masalah, Pasukan Melintang dan Pasukan Menegak. Strategi ini memberi impak kepada peningkatan pedagogi guru dengan memberi tumpuan kepada perkembangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

REKA CORAK SIMETRI: ANALISIS TERHADAP “FRIEZE PATTERNS” DALAM TEKAT BENANG EMAS

Norakmal Abdullah, Azlin Iryani Mohd Noor, Nor Syazwani Mat Salleh, Harleny Abd Arif & Elis Syuhaila Mokhtar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

norakmal@fskik.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan tentang seni tekat Melayu terutamanya dalam pengkajian motif, simetri serta pembentukan reka corak adalah amat sukar diperolehi. Seni tekat adalah hiasan sulaman benang emas atau perak yang dijahit pada kain baldi untuk menghasilkan motif hiasan timbul. Kajian ini dijalankan bagi mengklasifikasi dan menganalisis struktur reka corak seni tekat Melayu melalui kumpulan simetri iaitu frieze patterns. Penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif dan deskriptif. Tiga kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini adalah terdiri daripada pemerhatian, temu bual dan analisis artifak. Analisis artifak pada reka corak seni tekat ini dibuat pada struktur kain dengan menumpukan bahagian badan kain dan tepi kain. Sampel seni tekat yang diperolehi daripada Kraftangan Malaysia, Cawangan Perak dipilih dan diterjemahkan ke dalam bentuk lakaran menerusi perisian Adobe Illustrator. Reka corak seni tekat yang terhasil daripada kajian ini akan didokumentasi dan dikatalogkan sebagai garis panduan berguna untuk badan profesional dan sebagai pengkalan data untuk rujukan masa hadapan. Kajian ini akan menjadi salah satu penyumbang dalam penggunaan sistem grid khususnya penghasilan motif dan corak yang terhasil daripada kreativiti penenun seni tekat Melayu di Malaysia. Dapatan hasil daripada penyelidikan terhadap corak geometri dan simetri tekat benang emas Melayu ini memberi impak yang tinggi kepada industri reka bentuk seni tekat Melayu. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan panduan dalam konteks struktur ragam hias seni reka tekstil terutamanya dalam menghasilkan idea dan reka corak motif beridentiti nasional.

Katakunci: frieze patterns, geometri, kumpulan simetri, motif hiasan timbul, dan tekat benang emas Melayu.

PEMBELAJARAN INFORMAL: PENGVISUALAN SIMBOL IDENTITI PERNIAGAAN KOMUNITI ORANG ASLI

Muhammad Akbar Shah Abdul Manaf, Nor Syazwani Mat Salleh

Universiti Pendidikan Sultan Idris

shah040396@gmail.com

ABSTRAK

Pembelajaran informal telah berlaku di sekeliling setiap individu secara sedar atau tidak sedar semenjak dari bayi, kanak-kanak sehinggalah dewasa mahupun tua. Orang Asli telah terdedah dengan komunikasi visual dan simbol sejak dahulu lagi dan proses pembelajaran ini berlaku secara informal melalui nenek moyang mereka. Pengelasan identiti sesebuah suku kebanyakannya divisualkan melalui simbol adalah salah satu cabang pendidikan dalam konteks komunikasi visual. Kajian ini meneroka proses penghasilan simbol melalui kegiatan perniagaan kecil-kecilan yang dijalankan oleh komuniti Orang Asli iaitu alatan memburu, sumpit. Kajian dijalankan di Kampung Orang Asli Batu 12, Gombak, Selangor. Dalam kajian ini, menggunakan kaedah temu bual secara kumpulan berfokus bersama Orang Asli yang dipilih. Data turut dikumpul melalui kaedah literatur, pemerhatian di lapangan yang direkodkan menggunakan catatan dan gambar aktiviti. Melalui data yang telah dianalisis, didapati terdapat tiga elemen utama untuk mengvisualkan simbol sumpit secara digital iaitu sumpit, damak dan pergerakan damak keluar dari sumpit. Penemuan elemen ini adalah berlandaskan kepada kemahiran informal secara tidak langsung dalam diri Orang Asli. Pembelajaran informal sampingan yang berlangsung secara spontan dan tanpa struktur turut berlaku di antara Orang Asli dan masyarakat luar melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan mengenai simbol dan kehidupan Orang Asli. Kajian ini diharapkan dapat membantu menjadi rujukan dalam konteks mengvisualkan identiti perniagaan kecil-kecilan seni warisan Orang Asli supaya lebih berkembang dan dikenali masyarakat luar.

Kata Kunci: komunikasi visual, orang asli, pembelajaran informal, sumpit, simbol, komunikasi visual

PEMBANGUNAN INSAN MELALUI PENGINTEGRASIAN MAHARAT AL-QURAN DALAM PEMBELAJARAN KIMIA

Fawarni Ahmad, Zanaton H. Iksan

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
mrs.fawarni@gmail.com, zanaton.iksan@ukm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk melahirkan generasi yang memiliki tiga elemen penting iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik. Ketiga-tiga elemen ini dimuatkan dalam pakej Tahfiz Sains Model Ulul Albab. Elemen Quranik dirujuk sebagai kemampuan menghafal 30 juzuk al-Quran. Ilmu al-Quran dibudayakan dalam kehidupan seharian untuk dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah kehidupan dikaitkan dengan istilah Ijtihadik. Penguasaan elemen quranik dan ijtihadik akan menjadi pencetus kepada elemen ensiklopedik iaitu menjadi pakar rujuk dalam sesuatu bidang. Pemerkasaan pendidikan berasaskan Model Ulul Albab berhasrat untuk melahirkan Insan profesional yang bercirikan ketiga-tiga elemen tersebut.

Objektif - Kertas konsep ini bertujuan untuk memcangkan pembangunan insan dalam konteks pendidikan integrasi berasaskan Model Ulul Albab khusus kepada pengintegrasian Maharat Al-Quran dalam pembelajaran Kimia.

Methodologi – Kertas konsep ini dia berdasarkan kepada tinjauan literatur 10 buah artikel yang memcangkan pemaan modul pembelajaran sains berintegrasi al-Quran dan konsep pendidikan Sains Tauhidik.

Dapatan – Berdasarkan dapatan analisis daripada kajian-kajian yang lepas, penerapan ayat-ayat al-Quran ke dalam pembelajaran Kimia (Sains) adalah relevan dengan keperluan masa kini yang semakin pesat membangun sejajar dengan perkembangan dunia era Pendidikan 4.0. Pendidikan Sains berintegrasi al-Quran didapati bukan sahaja mampu membangunkan potensi murid secara kognitif melalui amalan peperiksaan, tetapi juga memberi impak dalam pemupukan dan usaha meningkatkan nilai spiritual, keagamaan dan keimanan kepada Allah SWT melalui penerapan ayat-ayat al-Quran ke dalam bahan pengajaran dan pembelajaran.

Kepentingan – Makalah ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada pembangunan insan yang berliterasi saintifik yang mengagungkan kewujudan Allah SWT. Seterusnya boleh dijadikan sumber rujukan oleh panel penggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran matapelajaran Kimia dan Maharat Al-Quran bagi SMKA Tahfiz Model Ulul Albab dan juga untuk rujukan guru-guru Kimia khususnya yang beragama Islam.

Kata kunci: Kimia, Maharat al-Quran, pembangunan insan, pengintegrasian, Tahfiz Model Ulul Albab.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN PARADIGMA JERISAH MEMA INSAN SEJAHTERA: PERSPEKTIF KEPIMPINAN PENDIDIKAN DAN GURU

Mohamad Johdi Salleh

Universiti Islam Antarabangsa

johdi@iium.edu.my

ABSTRAK

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan teras pembentukan dan pelaksanaan sistem pendidikan Malaysia mengandungi aspek kurikulum, pedagogi, sosiologi dan nilai kemanusiaan universal resolusi muzakarah ilmiah sarjana, ilmunan dan cendekiawan professional mewakili institusi kerajaan, organisasi swasta dan individu negarawan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis Falsafah Pendidikan Kebangsaan paradigma JERISAH dalam mema Insan Sejahtera holistik. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik skala 6-Likert sebagai instrumen pengumpulan data daripada 248 kepimpinan pendidikan dan guru-guru pelbagai etnik dari seluruh Malaysia yang sedang mengikuti pengajian Sarjana Pendidikan kendalian Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di kampus Gombak, Kuantan dan Pagoh. Konseptual kajian berdasarkan JERI dalam FPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988) dan SAH falsafah pendidikan perspektif Islam (Salleh, 2019) merangkumi komponen JERISAH iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosialisasi, Adab dan Khalifatullah. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden Sangat Bersetuju bahawa FPK paradigma JERISAH dapat mema Insan Sejahtera holistic universal dengan purata min 5.5490. Respon tertinggi adalah dimensi Khalifah min 5.8186, kedua Rohani min 5.7686 dan ketiga Emosi min 5.6471. Justeru, penggubal dan peneraju pendidikan negara berkewajipan menjana kelestarian dan kredibiliti FPK dengan mewujudkan institusi pendidikan kondusif, harmoni ceria dan produktif demi menghasilkan pelajar bersepadu, seimbang, harmonis dan holistik universal yang cemerlang di peringkat nasional dan berketerampilan di persada internasional merentas generasi dan zaman menelusuri pendidikan sepanjang hayat melampui abad ke-21.

Kata Kunci: FPK – JERISAH, “Insan Sejahtera holistic”

**ISU PENTERJEMAHAN FRASA BAHASA INGGERIS KE DALAM BAHASA ARAB:
KAJIAN DALAM KONTEKS TUGASAN PELAJAR**

Sulhah Ramli, Arnida A.Bakar

Universiti Sains Islam Malaysia

sulhah@usim.edu.my

ABSTRAK

Penterjemahan adalah suatu proses ideologikal di mana penterjemah perlu berdepan dengan beberapa padanan yang dapat memberikan makna yang paling hampir. Meskipun pemilihan leksikal ini membekalkan koleksi padanan yang sesuai kepada penterjemah, namun pada masa yang sama ia meletakkan penterjemah dalam situasi dilema untuk memilih antara padanan-padanan makna tersebut. Apatah lagi, penterjemahan yang melibatkan pemindahan makna frasa kerana setiap perkataan dalam frasa itu membawa makna yang saling bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, makna suatu frasa dapat ditentukan selepas dikenal pasti makna yang dibawa oleh setiap perkataan yang membentuk frasa tersebut. Bertitik tolak daripada kepentingan memilih padanan makna frasa, pengkaji mengambil inisiatif untuk menyelusuri permasalahan yang dihadapi oleh penterjemah yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah USIM dalam memindahkan makna frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab. Dengan menganalisis tugas pelajar, kajian mengupas permasalahan yang dihadapi dengan tujuan mengenal pasti penyelesaian bagi permasalahan tersebut. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi analisis kandungan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat berkaitan. Hipotesis menunjukkan bahawa pelajar terkesan dengan bahasa ibunda, kurang menguasai tatabahasa bahasa sasaran dan pemilihan leksikal yang tidak tepat menyebabkan berlakunya pengguguran maklumat atau terpesong dan kehilangan makna.

**COVID-19: CRITICAL INCIDENT IN COUNSELOR TRAINEES PROFESSIONAL
DEVELOPMENT**

Asmah Ismail

Universiti Putra Malaysia



STORIES OF THE UNSUNG HEROES: CHALLENGES AND EFFORTS OF TEACHERS AT INDIGENOUS SCHOOLS IN MALAYSIA

Fariza Puteh Behak, Noor Saazai Mat Saad, Ramiaida Darmi, Suzanah Selamat

Universiti Sains Islam Malaysia

fariza@usim.edu.my

ABSTRAK

Many studies on indigenous education focus on gauging the indigenous students' literacy and understanding sociocultural barriers; however less studies have been done on reconnoitring the teachers experiences in teaching indigenous school children. This paper will address the theme of holistic education by exploring the challenges and exertions made by several teachers at two indigenous schools in providing a holistic education to indigenous school children. This study was held at two indigenous schools in two states in Malaysia. Both schools are national schools that has all-indigenous students. Data were collected through semi-structured interviews with 13 primary school teachers. Data were analysed using thematic analysis where data were transcribed verbatim and characterized into substantial themes. The findings show that teachers are faced with two main challenges which are navigating the learning preferences of the indigenous children and dealing with somewhat negative perception from various parts of the stakeholders. The findings also show that despite the challenges, the teachers were constantly thinking of ways for the betterment of the indigenous students' holistic achievement. It is hoped that this study could contribute to the professional development efforts and supportive agendas for teachers teaching indigenous school children.

INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KE ARAH MENGINSANKAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT, SPRM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

d1@sprm.gov.my

ABSTRAK

Integriti dan pencegahan rasuah merupakan dua perkara penting yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara. Dalam sesi ini, pembentang akan berkongsi mengenai inisiatif integriti dan pencegahan rasuah yang telah dan sedang dilaksanakan melibatkan pelajar universiti dan warga pendidik di institusi pendidikan tinggi.

Bagi meningkatkan pemahaman peserta, dijelaskan secara ringkas mengenai kesalahan utama rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009. Penjelasan ini penting kerana kesalahan rasuah bukan hanya melibatkan pemberian dan penerimaan suapan. Pembentang akan memberi fokus kepada kesalahan yang lazimnya dilakukan dalam kalangan warga pendidik.

Contoh kes sebenar dinyatakan bagi memberi kefahaman yang lebih baik kepada peserta. Selain itu, pembentang turut menjelaskan punca rasuah, kesan dan simptom rasuah berdasarkan pengalaman SPRM dalam menyiasat mereka yang terlibat rasuah. Peserta juga didedahkan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya ditawarkan atau diminta rasuah oleh sesuatu pihak.

Peserta boleh bertanya soalan kepada pembentang berhubung topik yang dicangkan.

SIKAP PELAJAR PASCASISWAZAH TERHADAP KURSUS STATISTIK PENYELIDIKAN

Roslinda Rosli, Yong Chea Sin

Universiti Kebangsaan Malaysia

roslinda@ukm.edu.my

ABSTRAK

Ilmu statistik yang mantap adalah penting bagi menjalankan projek penyelidikan di peringkat pascasiswazah, namun ramai pelajar menunjukkan sikap kursus statistik yang. Oleh itu kajian ini bertujuan meninjau sikap dalam kalangan pelajar pascasiswazah di sebuah universiti awam terhadap pembelajaran statistik di peringkat sarjana. Seramai 143 orang pelajar menjawab soal selidik Sikap terhadap Statistik yang mengandungi 28 item skala likert 1 hingga 7 mata. Dapatan menunjukkan skor min bagi konstruk pengaruh, kognitif dan kecekapan dan nilai menghampiri 5 mata. Manakala skor min bagi konstruk kesukaran adalah rendah iaitu 3.18 mata. Implikasi kajian turut dicangkan.

PERBEZAAN JANTINA BERKENAAN SIKAP MEMBACA MURID SEKOLAH RENDAH: DARIPADA LENSES GURU-GURU BAHASA

Hazlina Abdullah¹, Ratnawati Mohd Asraf², Rahimah Saimin¹, Nursyuhada' Ab. Wahab¹, Myra Aidrin Mohd Ali³ & Sakinah Ahmad¹

¹*Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia*

²*Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia*

³*Kolej Genius Insan, Universiti Sains Islam Malaysia*

hazlina@usim.edu.my, ratnawati@iiu.edu.my, rahimahsaimin@usim.edu.my, syuhada@usim.edu.my, myraaidrin@usim.edu.my, skahmad@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kajian literatur menunjukkan bahawa sikap adalah faktor penting dalam kemahiran membaca. Sikap membaca yang positif dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Penyelidikan dalam bidang ini semakin banyak menyelidiki sifat dan peranan sikap positif dalam pembelajaran bahasa, dan juga variasinya antara lelaki dan perempuan. Namun, di Malaysia, hanya terdapat sebilangan kecil penyelidikan yang melihat kepada persepsi guru terhadap sikap membaca pelajar terutamanya pada tahap sekolah rendah. Adalah sangat penting untuk meneroka sikap membaca kumpulan ini kerana Kerajaan Malaysia mengaspirasikan bahawa setiap murid dapat menguasai bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris dengan baik.

Objektif – Kertas kerja ini mendokumentasikan persepsi peribadi para guru berkenaan sikap membaca murid dan bagaimana mereka menanganinya serta saranan para guru dalam mengajar murid berlainan jantina.

Methodologi – Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan temubual kumpulan fokus dan jurnal bertulis bersama enam orang guru Bahasa Melayu dan enam orang guru Bahasa Inggeris dari enam sekolah rendah kebangsaan yang dipilih secara persampelan rawak di Selangor. Kedua-dua sesi temubual kumpulan fokus ini mengambil masa lebih kurang satu jam tiga puluh minit setiap satu. Data juga diperolehi daripada jurnal yang ditulis oleh guru berkenaan isu ini. Hasil temubual ditranskripsi oleh penyelidik. Analisis temubual dan jurnal guru dibuat menerusi analisis tematik.

Dapatan – Ringkasnya, guru merasakan bahawa murid perempuan mempunyai sikap yang lebih positif dalam membaca berbanding dengan murid lelaki. Data daripada temubual dan jurnal guru menunjukkan tema yang agak sama berkenaan sikap membaca murid lelaki dan perempuan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Beberapa tema telah dikenal pasti termasuk pilihan bahan bacaan berdasarkan gender, strategi pengajaran, sekolah, keluarga, rakan sebaya, dan faktor pelajar, yang semuanya memainkan peranan dalam pencapaian literasi murid. Walaupun guru menyedari perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam literasi, terutama dalam membaca, mereka tidak banyak menggunakan strategi yang berbeza dalam mengajar membaca kepada murid lelaki dan perempuan.

Kepentingan –Dapatan ini memberi implikasi terhadap pema polisi seperti Bahagian Pendidikan Guru yang mungkin boleh mengintegrasikan kursus yang bersesuaian dan berkaitan bagi menangani strategi pengajaran literasi berdasarkan gender.

Kata Kunci: perbezaan gender, persepsi guru, sikap membaca.

PENGUASAAN KEMAHIRAN PROSES SAINS DALAM PEMBELAJARAN SAINS BERASASKAN PERMAINAN DIGITAL

N. Faizah Ahmad & Zanaton H. Iksan

Universiti Kebangsaan Malaysia

P102501@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Dalam pendidikan sains, kemahiran proses sains (KPS) bukan sahaja penting untuk bakal saintis malah, kemahiran ini juga perlu untuk membolehkan seseorang itu berliterasi sains. Kajian literatur mendapati pelajar Malaysia mempunyai tahap kemahiran proses sains yang sederhana. Bersesuaian dengan era digital, pembelajaran berasaskan permainan digital (PBPD) mempunyai potensi yang besar untuk menjadi alat pembelajaran yang berkesan dalam meningkatkan tahap KPS pelajar kerana ia dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap matapelajaran sains. Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan PBPD ini, namun kebanyakannya mengukur pencapaian sains pelajar dan kurang kajian dilakukan untuk mengukur tahap penguasaan KPS pelajar.

Objektif - Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk memcangkan faktor-faktor yang menentukan tahap KPS pelajar dan mengenalpasti KPS yang bersesuaian yang boleh diterapkan menggunakan permainan digital oleh guru sains.

Methodologi: Kertas konsep ini dia berdasarkan kepada tinjauan literatur beberapa artikel yang memcangkan pembelajaran berasaskan permainan digital dalam pendidikan sains serta penguasaan kemahiran proses sains.

Dapatan: Berdasarkan dapatan analisis daripada kajian-kajian yang lepas, KPS yang sesuai diterapkan menggunakan permainan digital dalam kelas sains termasuklah membuat pemerhatian, meramal, membuat hipotesis, membuat pengelasan, mengenalpasti pembolehubah, menjalankan eksperimen, merekod data dan membuat inferens.

Kepentingan: Justeru, kertas konsep ini juga diharapkan dapat menekankan keperluan kepada pemaan modul yang dapat membantu guru dalam menerapkan KPS menggunakan permainan digital.

Kata kunci: kemahiran proses sains, modul pembelajaran, pembelajaran berasaskan permainan digital, pendidikan sains.

PEMBANGUNAN INSAN DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI PENDEKATAN *LESSON STUDY*: SATU CABARAN

Rabiatul 'Aqilah, Mohamad Ariffin, Zanaton, H. Iksan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
rabiatulaqilah1503@gmail.com, zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - *Lesson Study* adalah salah satu daripada alat (*tools*) yang digunakan dalam pendekatan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) sebagai usaha untuk meningkatkan nilai profesionalisme keguruan serta pembelajaran murid. Namun terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan *lesson study* bagi memastikan nilai kemenjadian pelajar.

Objektif – Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *lesson study* serta menyiasat perbezaan dapatan kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *lesson study*.

Methodologi – Kajian ini dilakukan menggunakan pengkalan data Scopus serta carta alir PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) yang melibatkan proses pengidentifikasian, saringan, kelayakan, dan termasuk.

Dapatan – Sorotan literatur yang dilakukan mendapati bahawa terdapat sembilan buah kajian yang memcangkan tentang cabaran guru dalam *lesson study*. Terdapat beberapa cabaran besar yang dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu faktor sekolah (kekangan masa, bebanan kerja guru, dan sokongan daripada pentadbiran sekolah) dan faktor guru (pendekatan pengajaran, pengetahuan guru, kerjasama dalam berkolaboratif, serta estim sendiri).

Kepentingan – Sorotan kajian ini dapat menyerlahkan jurang kajian yang boleh dikaji pada masa akan datang mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam *lesson study* supaya langkah-langkah penambahbaikan dapat dilakukan secara keseluruhan dengan mengambil kira kesemua cabaran yang dihadapi oleh guru-guru. Implikasi kajian ini diharap dapat membekalkan sumber rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, PPD, Bahagian Pendidikan Guru, serta pihak-pihak dalam pendidikan di Malaysia bagi melakukan penambahbaikan yang berterusan.

Kata Kunci: cabaran guru, komuniti pembelajaran profesional, *Lesson Study*, pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran abad ke 21.

KEMAHIRAN NILAI MANIPULATIF DALAM KERJA AMALI SAINS

Wan Mimi Suhaina Meor Izam
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email:mimisuhaina5794@gmail.com

Zanaton Hj Iksan
Pusat Pembudayaan STEM
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Kemahiran manipulatif merupakan kemahiran teknikal pelajar dalam mengendalikan dan memanipulasikan radas makmal..

Objektif - Kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran nilai manipulatif pelajar tingkatan 4 dalam melakukan kerja amali sains.

Methodologi - Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kualitatif yang menumpukan kepada tiga orang peserta kajian. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah pemerhatian dan protokol temu bual. Seramai tiga orang peserta kajian yang bersekolah di sekolah menengah di daerah Kuala Lumpur digunakan di dalam kajian ini. Pemerhatian yang dijalankan ke atas peserta adalah bagi melihat penguasaan pelajar dalam memanipulasikan radas makmal iaitu mikroskop, silinder penyukat dan termometer semasa membuat kerja amali. Data daripada pemerhatian dan temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip yang diberikan kod bagi tema.

Dapatan - Hasil dapatan, terdapat dua tema iaitu kemahiran teknikal manipulatif pelajar dan faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif. Bagi tema kemahiran teknikal manipulatif, terdapat tiga sub tema iaitu pengecaman fungsi peralatan dan bahan, kemahiran pengendalian peralatan dan masalah dalam numerasi dan lukisan specimen. Manakala bagi tema faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif, terdapat dua sub tema iaitu guru sebagai fasilitator dan persekitaran semasa melakukan kerja amali. Secara ringkasnya, pengkaji mendapati ketiga-tiga peserta kajian belum dapat menguasai penggunaan radas makmal dengan betul dan cermat. Hal ini memberi kesan kepada masalah numerasi dan lukisan specimen pelajar kerana teknik pengendalian radas yang salah.

Kepentingan - Kesimpulannya, kajian ini memberi implikasi bahawa pentingnya guru memberi penekanan terhadap pengintegrasian kemahiran ini di dalam pengajaran dan pembelajaran sains bagi memastikan pelajar dapat melakukan kerja amali dengan yakin

Kata Kunci: Kemahiran manipulatif; kemahiran psikomotor, kerja amali sains

AMALAN PENGAJARAN BERKESAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DALAM BILIK DARJAH

Noor Azizi Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

azizi12@usim.edu.my

Halim Ismail

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

halim@iium.edu.my

ABSTRAK

Amalan pengajaran berkesan ialah komunikasi berkesan yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan. Komunikasi yang dilaksanakan oleh guru pelatih di dalam bilik dajah bermula dari perancangan pengajaran, pemilihan strategi, pendekatan, kaedah atau teknik yang dilaksanakan dalam bilik darjah dan diakhiri dengan penilaian dan maklum balas. Maklumat kajian diperolehi menerusi pencerapan, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen berkaitan. Seramai lima orang guru pelatih Pendidikan Islam dari program Diploma Pendidikan Pasca Siswazah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dipilih. Kajian ini mendapati bahawa guru-guru pelatih Pendidikan Islam melaksanakan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik yang berkesan semasa mengajar di dalam kelas. Keberkesanan ini adalah disebabkan kesungguhan mereka untuk mengajar dan membantu pelajar memahami subjek yang diajar. Justeru dapat dijelaskan bahawa keseungguhan guru-guru pelatih Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran berkesan adalah didorong oleh sikap mereka terhadap profesion keguruan walaupun mereka masih belum lagi dilantik sebagai guru sebenar.

TEACHERS EXPERIENCE IN OUT-OF-SCHOOL TIME STEM PROGRAMME**Denis Lajium, Chew Yen Seng & Jasmine Tea Chin Peng***Universiti Malaysia Sabah*denisadl@ume.edu.my**ABSTRAK**

Out-of-school time (OST) STEM programmes is one of the essential approaches to promoting STEM education. However, much of the research studies were concentrated on the extend of the STEM programmes have improved students' knowledge acquisition and interest in STEM careers. This qualitative study was conducted to explore teacher's experience in mentoring of an OST STEM programme. The data was based on the teacher's reflections about their experience in mentoring students in the programme and were analysed using thematic analysis method to identify patterns and similar ideas, which revealed several vital accounts. The teachers said they learn something new relevant to the current technological demands. However, learning microcontroller programming system is not easy tasks as they felt that they are inadequately equipped with relevant knowledge. The teachers also seem to have changed their mindset of learning. They become aware that they need to change from teacher-centric teaching to student-centric learning by giving more opportunity for students to discover their understanding, pose questions for students to think, and take more roles as a mentor than a spoon feeder. The teachers also realised that student-centric learning promotes critical thinking or self-regulated learning by motivating students to learn by themselves with minimal instruction and providing a non-threatening learning environment for the students to build their projects. The research findings indicate that the OST STEM programme is a good platform to transform teacher's mindset and improve their skills in promoting learning.

KELANGSUNGAN PENGAJARAN SUBJEK TERAS BAHASA ARAB SECARA ATAS TALIAN: FOKUS KE ATAS SUBJEK SOROF

Zainur Rijal Abdul Razak & Sulaiman Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

zainurrijal@usim.edu.my

ABSTRAK

Walaupun pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian telah lama bertapak di Malaysia dan seluruh dunia, namun ramai pengajar samada di sekolah mahupun di peringkat universiti tidak menganggap pelaksanaannya sebagai sesuatu yang mendesak. Hal ini kerana, mereka berpandangan PdP secara atas talian sama sekali tidak dapat menganti peranan PdP secara konvensional. Dengan tersebarnya pandemik Covid-19 pada tahun 2020 ini, aktiviti PdP secara konvensional terhenti sepenuhnya untuk beberapa bulan di semua peringkat pengajian di Malaysia dan memaksa kita meneruskan PdP ini secara atas talian. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kesediaan dan kelangsungan pengajaran subjek sorof yang menjadi teras kepada pengajian Bahasa Arab secara dalam talian di peringkat universiti. Sebanyak 50 soal selidik telah diedarkan kepada pelajar tahun 1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM yang telah mengambil subjek ini dan mempelajarinya secara atas talian. Ini bagi mendapat pandangan mereka tentang apakah masalah dan isu yang mereka hadapi dalam mempelajarinya secara atas talian. Hasil kajian mendapati, antara masalah utama yang dihadapi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah masalah capaian internet pelajar yang berada di seluruh pelusuk tanah air. Namun mereka berpandangan, pembelajaran atas talian bagi subjek sorof berpotensi untuk diteruskan jika fasiliti PdP dapat ditingkatkan seperti memastikan pelajar memiliki peranti yang sesuai untuk mengikuti pengajaran subjek ini.

Kata Kunci: Kelangsungan, PdP atas talian, Peringkat Universiti, Permasalahan, Subjek Sorof.

TEACHER-CHILD DIALOGIC TALK WITH MOVING IMAGES - PROMOTING CHILDREN'S LITERACY IN MAKING MEANING IN DRAWING

Rahimah Saimin & Hazlina Abdullah

Universiti Sains Islam Malaysia

rahimahsaimin@usim.edu.my

ABSTRACT

Previous researches showed that different types of technology offer opportunities for early literacy learning to young children (Flewitt, Messer & Kucirkova, 2014; Tschirner, 2010; Kendeou, van de Broek, White, & Lynch, 2009 and van de Broek et al., 2005). Repeated viewing is a key factor in children's ability to comprehend the content (Guo, 2009 and Skouteris, 2006). Yet, the blending of any of these with traditional printed text appears to be omitted. The present case study used spoken texts coupled with moving images requiring repeated viewing. Mayer's multimedia learning theory and Vygotsky's learning theory were used as the theoretical framework. The study was conducted to explore how the teachers used the spoken texts coupled with moving images to facilitate the children's learning and how children responded to the teacher's effort to support them. One teacher and 15 primary school children participated in the study. Five links to non-fiction video clips were provided. This study consisted of ten sessions. Each session lasted for 30 minutes. Each video was viewed twice in a week for over five consecutive weeks. Then, there were follow-up activities. A drawing activity took place after that. In Week 6, the participants were invited to have an interview. The children's drawings were analysed using content analysis. The interviews were transcribed by the researcher and analysed using NVivo. The data revealed that the use of spoken texts coupled with moving images can promote children's literacy skills in making meaning in drawing.

**PEMBUATAN *ECOBRIK* SEBAGAI AKTIVITI PELAJAR SEKOLAH UNTUK
PENYELESAIAN PENGURUSAN SAMPAH PLASTIK DAN KEMAKMURAN SAHSIAH**

Roxana Dev Omar Dev & Siti Salina Mustakim

Universiti Putra Malaysia

rdod@upm.edu.my

ABSTRAK

Permasalahan pengurusan sampah terutama daripada plastik telah menjadi isu yang seringkali dibualkan atau dibahaskan di pelbagai belahan dunia, termasuk di Malaysia. Malaysia adalah pengguna plastik yang tertinggi dalam kalangan negara serantau di mana setiap rakyat Malaysia menggunakan 16.8 kg plastik setahun dan juga penyumbang pembuangan sampah terbesar di dunia dengan 49,670 tan sehari. Terdapat banyak cara untuk mengatasi masalah sisa plastik dan eco-brick adalah salah satu cara yang boleh digunakan. Ecobrick adalah satu kaedah untuk meminimumkan sisa plastik dengan menggunakan botol plastik yang dipenuhi dengan sisa plastik sekali guna sehingga ia benar-benar keras dan pepejal untuk digunakan dalam pelbagai cara. Aktiviti membuat ecobrick adalah sesuai dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah kerana ia dapat memupuk sikap kelestarian alam serta meningkatkan nilai dan sahsiah yang lain seperti tanggungjawab, kepimpinan, tolong-menolong, dan ketabahan. Selain daripada itu, penjagaan kebersihan dan tingkah laku kesihatan yang baik juga dapat diterapkan dalam jati diri pelajar. Secara tidak langsung, aktiviti ini dapat memberikan pendidikan secara tidak formal dalam kalangan pelajar sekolah. Dengan itu, aktiviti amal khair iaitu berasaskan aktiviti ecobrick yang telah dijalankan di 100 buah sekolah agama di Selangor telah mengesahkan hipotesis bahawa tanggungjawab sivik dan kemakmuran sahsiah boleh dipertingkatkan dengan aktiviti ecobrick. Pengurusan sampah pun dapat diperbaiki dengan aktiviti tersebut. Diharapkan aktiviti ini dapat dijalankan secara berterusan agar menjadi tabiat semulajadi pelajar untuk bertanggungjawab atas sampah sendiri dan juga secara langsung dapat menjadikan generasi berminda kelas pertama yang bernilai murni serta bersivik.

MODEL PELAKSANAAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM UNTUK MURID BEKEPERLUAN KHAS DALAM KELAS INKLUSIF SEKOLAH RENDAH

Suzana Harun¹, Zaharah Hussin², Abdul Muhsien Sulaiman³

^{1,2,3}*Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*

suzana77.harun@gmail.com

ABSTRAK

Pendidikan Inklusif merujuk kepada suatu program pendidikan yang memberi peluang kepada murid-murid berkeperluan khas untuk mengikuti pembelajaran sepenuhnya dalam kelas aliran perdana bersama murid aliran perdana. Pendekatan pendidikan inklusif adalah sejajar dengan hasrat kerajaan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, yang berinisiatif untuk meningkatkan enrolmen murid berkeperluan khas dalam program pendidikan inklusif. Terdapat banyak isu atau pemasalahan yang ditemui dalam kajian-kajian yang lepas sepanjang pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di negara kita. Isu yang sering kali ditemui dalam kelas Inklusif ialah permasalahan guru mata pelajaran arus perdana dalam pelaksanaan pengajaran kelas Inklusif untuk MBK. Kertas konsep ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam pelaksanaan pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam kelas Inklusif yang mendorong keperluan terhadap pemaan model pengajaran. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan yang dipungut melalui soal selidik dan temu bual. Teori al-Ghazali (t.t), Model Amalan Pengajaran Dunkin & Biddle (1974), Model Systematic Approach for Adapting the Learning Environmet (SAALE) Lou Danielson (1999) dan Model Pedagogical Content Knowledge (Shulman, 1986) dijadikan panduan untuk mengenal pasti beberapa elemen dalam kajian ini iaitu isi kandungan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan, hasil pembelajaran yang diperolehi serta masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran kelas inklusif. Percangan turut memberi fokus bagaimana teori al-Ghazali (t.t), Model Amalan Pengajaran Dunkin & Biddle, Model SAALE dan Model PCKdapat memberi penambahbaikan kepada model amalan pengajaran yang digunakan selama ini. Implikasi kajian diharap dapat menyumbang kepada GPI, MBK, pentadbir sekolah, ibu bapa serta Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia sejajar dengan misi Pendidikan Khas iaitu membangunkan modal insan berkeperluan khas yang cemerlang.

Kata kunci: Guru Pendidikan Islam, Kelas Inklusif, Pendekatan Model, Murid Bekeperluan Khas

**MENERJEMAHKAN MAKSUD NAMA-NAMA YANG DAPAT DI SURAT AL-FATIHA KE
DALAM BAHASA BENGALI DENGAN KATA-KATA ARAB YANG DIGUNAKAN DI
DALAMNYA (KAJIAN KONTRAS)**

Mohammad Hafizullah, Zainal Abidin Hajib, Zainur Rijal Abdul Razak
Universiti Sains Islam Malaysia
hafizstudy@yahoo.com

ABSTRAK

Sebilangan besar penutur bahasa Bengali yang tidak pernah belajar bahasa Arab tidak berminat untuk memahami maksud Al-Quran yang mulia ketika membaca. Mungkin terdapat hingga seribu kata yang digunakan dalam nama Arab mereka. Artikel ini memberikan kajian dalam analisis kontradiksi fonem dan makna antara nama-nama induk dalam Surat Al-Fatiha dan nama-nama Arab yang digunakan dalam bahasa Bengali untuk menguji kesahihan menerjemahkan maksudnya dengannya. Kajian ini memfokuskan diri untuk meneroka persamaan dan perbezaan di antara mereka, bertujuan untuk mengetahui betapa mudahnya memahami makna nama yang dapat disebut dalam surah tanpa merujuk kepada kamus, kamus atau terjemahan ketika mereka membacanya. Kajian menggunakan kaedah induktif untuk mengumpulkan data dan kaedah deskriptif dan inferensi dalam menganalisisnya dari segi sebutan dan makna. Bagi sumber-sumber yang dipilih untuk menyimpulkan penggunaannya dalam bahasa Bengali, mereka berasal dari kamus umum dan kamus yang mereka miliki, serta dari kamus dan kamus peribadi yang disusun oleh para sarjana bahasa Bengali. Akibatnya, nampaknya sebilangan besar nama-nama dalam surah itu digunakan dalam bahasa Bengali dengan sendirinya, dan beberapa di antaranya digunakan oleh akarnya. Pengkaji berharap terjemahan Al-Quran seperti itu dapat memberi mereka jalan yang lebih mudah bagi mereka untuk mengetahui latar belakang linguistik mereka dari nama-nama yang dapat disebut dalam Al-Quran. Ruang lingkup latar belakang linguistik ini dapat diperluas ke kata nama terbitan dan kata kerja yang terdapat dalam Al-Qur'an mulia dengan mengetahui peraturan etimologi dan konjugasi dan menerapkannya dalam terjemahan yang sesuai. Mungkin membaca terjemahan seperti itu sebahagiannya dapat membantu para penutur bahasa Bengali dalam memahami makna kata-kata Al-Qur'an yang mulia tanpa merujuk kepada terjemahan atau kamus apa pun ketika mengucapkannya pada waktu berikutnya.

**ISU PENTERJEMAHAN FRASA BAHASA INGGERIS KE DALAM BAHASA ARAB:
KAJIAN DALAM KONTEKS TUGASAN PELAJAR**

Arnida A Bakar & Sulhah Ramli
Universiti Sains Islam Malaysia
arnida@usim.edu.my

ABSTRAK

Penterjemahan adalah suatu proses ideologikal di mana penterjemah perlu berdepan dengan beberapa padanan yang dapat memberikan makna yang paling hampir. Meskipun pemilihan leksikal ini membekalkan koleksi padanan yang sesuai kepada penterjemah, namun pada masa yang sama ia meletakkan penterjemah dalam situasi dilema untuk memilih antara padanan-padanan makna tersebut. Apatah lagi, penterjemahan yang melibatkan pemindahan makna frasa kerana setiap perkataan dalam frasa itu membawa makna yang saling bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, makna suatu frasa dapat ditentukan selepas dikenal pasti makna yang dibawa oleh setiap perkataan yang membentuk frasa tersebut. Bertitik tolak daripada kepentingan memilih padanan makna frasa, pengkaji mengambil inisiatif untuk menyelusuri permasalahan yang dihadapi oleh penterjemah yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah USIM dalam memindahkan makna frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab. Dengan menganalisis tugas pelajar, kajian mengupas permasalahan yang dihadapi dengan tujuan mengenal pasti penyelesaian bagi permasalahan tersebut. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi analisis kandungan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat berkaitan. Hipotesis menunjukkan bahawa pelajar terkesan dengan bahasa ibunda, kurang menguasai tatabahasa bahasa sasaran dan pemilihan leksikal yang tidak tepat menyebabkan berlakunya pengguguran maklumat atau terpesong dan kehilangan makna.

MEMBANGUNKAN SISTEM PENGUDARAAN MEKANIKAL SMART VEHICLE VENTILATION PADA KENDERAAN BERASASKAN IOT

**Mohd Bekri Rahim, Mohd Akmal Jayati, Faizal Amin Nur Yunus, Khairul Anuar Abdul
Rahman, Nizamuddin Razali & Khairul Fahmi Ali**

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

bekri@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan pembangunan sistem pengudaraan mekanikal pada kereta yang berasaskan teknologi IoT. Pembangunan sistem ini berdasarkan model ADDIE yang mengandungi lima elemen utama iaitu Analisis (Analysis), Reka Bentuk (Design), Pembangunan (Development), Perlaksanaan (Implementation), dan Penilaian (Evaluation). Matlamat utama yang difokuskan didalam pembangunan produk ini adalah menghasilkan sistem pengudaraan mekanikal yang digunakan pada kenderaan dan boleh dikawal menggunakan IoT bagi menyingkirkan haba yang terperangkap di dalam kenderaan ketika diparkir bawah radiasi matahari. Ini kerana suhu yang terperangkap boleh melebihi 48°C. Malahan itu juga, suhu badan yang melebihi 40°C juga memberikan risiko yang untuk menghadapi strok haba. Oleh itu, tujuan utama pengkaji membangunkan produk ini untuk mengelakkan pengguna kenderaan menghadapi strok haba. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dengan menggunakan sistem pengudaraan ini, proses penyingkiran haba di dalam ka kenderaan dapat ditingkatkan sehingga maksima 16.7% dan minimum 7.0%. Pemasangan sistem pengudaraan ini dianggap sebagai kaedah yang mempunyai kos rendah, mesra alam serta cekap tenaga kerana untuk menyingkirkan haba di dalam kenderaan. Berdasarkan ulasan dan cadangan pakar, penambahbaikan terhadap kajian ini adalah menggunakan CFM yang betul berdasarkan saiz ka dan reka bentuk produk yang bersesuaian dengan ruang di dalam kenderaan.

PENDIDIKAN KESOPANAN MELALUI SURAH AL-NISA**Wan Azura Bt Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin***Universiti Sains Islam Malaysia & Universiti Malaysia Pahang*wanazura@usim.edu.my, fazullah@ump.edu.my**ABSTRAK**

Pendidikan kesopanan dan adab susila perlu diterapkan dalam setiap individu kerana ia merupakan benteng penting dalam mengawal perilaku seseorang. Golongan yang paling mudah terpengaruh dengan masalah kerosakan akhlak dan salah laku adalah golongan remaja. Jiwa remaja yang sentiasa sukakan cabaran dan perkara baru mendorong remaja sentiasa ingin mencuba dan kecepatan ilmu pengetahuan biasanya menjebakkan mereka kepada perilaku yang salah. Kertas kerja ini cuba mengupas permasalahan moral dalam kalangan remaja serta kesannya terhadap masyarakat. Selain itu kertas kerja ini juga meninjau beberapa kupasan Adab dalam al-Quran dalam beberapa surah terpilih seperti an-Nisa dalam menangani masalah ini. Kajian ini berdasarkan kajian deskriptif dan analisis kandungan ayat-ayat terpilih bertemakan adab dari surah an-Nisa. Dapatan kajian mendapati bahawa surah an-Nisa banyak mengandungi unsur adab yang boleh dipraktikkan terutamanya berkaitan harga diri. Pemahaman yang jelas terhadap isu kandungan al-Quran ini khususnya dalam hal berkaitan akhlak boleh dijadikan pedoman khususnya kepada golongan remaja dalam membentuk perwatakan mereka.

Kata kunci: Akhlak, harga diri, pendidikan kesopanan, remaja, Surah an-Nisa.

GAMBARAN KESELURUHAN EMOSI DAN KOMUNIKASI DALAM AL-QUR'AN MENURUT PERSPEKTIF PSIKO RETHORIK

Wan Azura Bt Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin

Universiti Sains Islam Malaysia & Universiti Malaysia Pahang

wanazura@usim.edu.my, fazullah@ump.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Qur'an. Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan dalam pengajian al-Qur'an, namun sangat sedikit yang memperkatakan tentang hubungan antara emosi dan kesopanan komunikasi. Kajian ini menumpukan tentang kajian emosi dan hubungannya dengan komunikasi daripada kedua-dua perspektif yang dinyatakan kerana emosi yang terdidik dapat membentuk nilai komunikasi dan kesopanan yang tinggi. Justeru itu, artikel ini memberi tumpuan kepada kupasan kedua-dua perspektif- psikologi dan rethorik dalam teks al-Quran. Pertama, mesej al-Qur'an menggalakkan orang-orang yang beriman untuk memupuk kesejahteraan dan amalan emosi tertentu. Kedua, tujuan al-Qur'an adalah untuk memberi kesan emosi kepada pendengar dari sudut komunikasi. Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menganalisis emosi dan komunikasi dari segi elemen psikologi dan retorik dalam teks al-Qur'an. Dapatan menunjukkan bahawa tema emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran mengandungi gabungan prinsip psikologi dan retorik (seperti kosa kata, struktur dan struktur ayat, dan makna). Kajian ini adalah salah satu bidang penyelidikan yang sedang meningkat dalam konteks psikologi dan kajian aplikasi retorik Arab. Semoga ia akan memberikan sumbangan yang besar kepada tafsiran dan analisis pelbagai tema dalam al-Qur'an.

Kata kunci: al-Quran, emosi, kesopanan komunikasi, nilai, psiko-retorik.

PERBANDINGAN MANUSKRIP ANTARA AS-SULLAM FIL MANTIQ DENGAN MANTIK MODEN DALAM KONTEKS MATEMATIK MODEN DI MALAYSIA

Siti Mistima Maat

Universiti Kebangsaan Malaysia

sitimistima@ukm.edu.my

ABSTRAK

Mantik merupakan suatu topik penting yang dipelajari bagi matematik di peringkat menengah dan diaplikasikan dalam pelbagai bidang. Namun, mantik moden yang wujud pada masa kini telah diasaskan berdasarkan mantik klasik yang telah berkembang sejak zaman Aristotle lagi. Kajian ini merupakan analisis perbandingan mantik klasik iaitu as-Sullam fil Mantiq dengan mantik moden yang terkandung dalam sistem pembelajaran matematik di Malaysia. Aspek yang dibandingkan merangkumi pengistilahan dan aplikasi serta simbol yang digunakan dalam matematik. Analisis kandungan mendapati terdapat istilah yang telah dimudahkan dari bahasa Arab ke bahasa matematik Melayu dan digunakan dalam konteks kehidupan manusia. Malahan pernyataan mantik klasik telah dimudahkan dengan penggunaan simbol matematik yang setara. Perbandingan antara mantik klasik tersebut dengan mantik moden dalam konteks matematik adalah bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan kedua-duanya yang saling melengkapi. Malahan susur galur perkembangan ilmu sistem berfikir itu turut dicangkan berdasarkan garis masa dari aspek garis masa sejarah ilmu. Dapatan berdasarkan analisis teks yang dilaksanakan ke atas manuskrip as-Sullam fil Mantiq mendapati mantik klasik telah diperluaskan kepada mantik moden yang digunakan sehingga kini dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi. Oleh itu, mantik yang dipelajari pada masa kini menjadi panduan dalam sistem berfikir manusia dalam membuat kesimpulan yang benar.

PENDIDIKAN SEJARAH SEBAGAI MEKANISME IDENTITI NASIONAL BERPAKSI PERLEMBAGAAN

Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Khadijah Muda

Universiti Sains Islam Malaysia

azhanitohar@usim.edu.my

ABSTRAK

Kepentingan pendidikan sejarah kepada rakyat Malaysia yang bersifat heterogen merupakan satu keperluan untuk memperkukuh identiti nasional yang berpaksikan kepada prinsip perlembagaan. Pemantapan pendidikan sejarah ini perlu bukan sekadar sebagai menambah pengetahuan sebaliknya penghayatan yang tinggi terhadap sejarah tanah air merupakan tonggak utama dalam memastikan semua warganegara memiliki identiti nasional yang unggul. Kecelaruan minda generasi muda dalam era globalisasi dapat ditangani sekiranya Malaysia dapat memastikan pendidikan sejarah yang diajar di sekolah-sekolah dapat disampaikan dengan baik seterusnya dihayati sehati dalam jiwa mereka. Justeru, makalah ini akan memcangkan mengenai identiti nasional, permasalahan dalam penghayatan pendidikan sejarah, pemantapan pendidikan sejarah dan pemantapan penghayatan pendidikan sejarah bagi memperkukuh identiti nasional. Percangan ini bersandarkan kepada kajian literatur yang dijalankan ke atas beberapa bahan ilmiah dalam bidang berkaitan. Hasil percangan menjurus kepada kepentingan menghayati pendidikan sejarah dalam memperkukuh identiti nasional yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan sebarang konflik yang berkemungkinan berlaku dapat ditangani dalam kerangka pemikiran watan. Percangan ini harus diketengahkan selari dengan kebimbangan yang pernah dibicarakan oleh Ibnu Khaldun berkenaan peristiwa sejarah yang tidak dihayati sehingga dicurigai oleh generasi muda menyebabkan kelunturan semangat kekitaan yang membawa kepada kejatuhan sesebuah tamadun.

PEMBANGUNAN PENULISAN MELALUI 'CAROUSEL WITH A DESTINATION': SATU PROJEK CSR BERSAMA MURID TAHUN 5 SK BANTING

Noor Saazai Mat Saad¹, Fariza Puteh-Behak¹, Norhana Abdullah¹, Normazla Ahmad Mahir¹, Suzanah Selamat¹, Zarina Ashikin Zakaria¹, Hazleena Baharun¹, Ramiaida Darmi¹, and Shahirah Sulaiman²

¹Faculty of Major Language Studies, ²Tamhidi Centre

University Sains Islam Malaysia

noorsaazai@usim.edu.my, fariza@usim.edu.my, hana66@usim.edu.my,
normazla@usim.edu.my, suzanah@usim.edu.my, zarina@usim.edu.my,
hazleena@usim.edu.my, ramiaida@usim.edu.my, shahirah@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Penulisan merupakan satu kemahiran yang mengumpulkan pelbagai disiplin ilmu seperti perbendaharaan kata, struktur ayat, ejaan dan juga nahu. 'Carousel with a Destination' (CwaD) adalah merupakan satu konsep yang menggabungkan semua ilmu yang terlibat bagi menghasilkan sesuatu penulisan. Carousel merujuk kepada stesen yang disusun di dalam bulatan yang mana setiap stesen tersebut menyediakan aktiviti yang sesuai untuk topik yang telah dipilih bagi kemahiran menulis. Untuk penyelidikan ini, topik yang dipilih adalah 'Picnic'. Maka, carousel yang biasanya berpusing setempat di taman tema dan pesta ria telah diberikan destinasi iaitu penulisan. Pelajar membuat aktiviti yang bertepatan dengan topik dan juga kemahiran menulis di setiap stesen di carousel tersebut. Aktiviti adalah pelbagai dan kebanyakannya berbentuk kompetitif. Kerangka konseptual untuk CwaD menggabungkan Stail Pembelajaran *Perceptual*, Gamifikasi dan *Affective Filter*.

Objektif – Artikel ini mengetengahkan projek CwaD dan yang lebih pentingnya adalah konsep pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Maka, bagi menunjukkan bahawa CwaD ini berkesan, artikel ini mencangkam satu penyelidikan yang telah dijalankan semasa projek itu dikendalikan.

Methodologi – Penyelidikan ini menggunakan soalselidik yang ringkas. Terdapat 56 responden yang semuanya murid tahun lima yang menyertai CwaD. Soalselidik itu mempunyai empat soalan dikotomi yang disimbolkan oleh muka yang senyum dan muka yang sedih. Terdapat juga tiga soalan berbunyi 'Kenapa' dan 'Apa'. Murid-murid boleh menjawab soalan ini dengan menulis mengenai perasaan mereka.

Dapatan – Terdapat tiga dapatan yang boleh dikongsikan. Pertama, murid-murid sangat gembira dengan projek ini. Mereka telah memilih muka senyum untuk setiap dari empat soalan dalam soalselidik tersebut. Kedua, penulisan yang dibuat di akhir projek adalah baik kerana mereka telah menggunakan perbendaharaan kata, struktur perenggan dan nahu yang betul yang telah mereka pelajari di stesen carousel. Ketiga, perkataan yang mereka kongsikan menunjukkan elemen CwaD – sama ada mengenai aktiviti, guru atau 'pembelajaran' itu sendiri. Semua perkataan itu mempunyai konotasi yang positif.

Kepentingan – CwaD adalah bersifat lestari kerana ia mempunyai *scalability* di mana ia boleh digunakan untuk apa-apa subjek dan juga kepada bilangan pelajar yang pelbagai. Ia berguna sebagai pengenalan atau rumusan sesuatu topik.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris, pembelajaran yang menyeronokkan, penulisan

CONSTRUCTING A CONCEPTUAL FRAMEWORK AMONG 21ST CENTURY POSTGRADUATE STUDENTS: THESIS SUPERVISORS' PERCEPTIONS

Teoh Sian Hoon, Geethanjali Narayanan, Nabilah Abdullah

Universiti Teknologi Malaysia

teohsian@uitm.edu.my

ABSTRAK

Constructing a Conceptual Framework among 21st Century Postgraduate Students: Thesis supervisors' perceptions Constructing a conceptual framework has always been a problem to many postgraduate students. Even though the students are exposed to many different tools as well as guided with 21st century skills along the process of conducting research, many of them are seeking helps to complete their postgraduate studies in stages. Writing literature review is also a major issue among the students. Hence, it is essential for the thesis supervisors to understand a better way to achieve the level of competency. This study aims to investigate supervisors' perceptions on guiding their postgraduate students to construct a conceptual framework in fulfillment of the advanced skills. Three thesis supervisors answered an open-ended questionnaire. They provided feedback on their experiences in the supervision. Specifically, their experiences in supervising and guiding students to work on conceptual framework were explored. The findings show that their postgraduate students have some problems in conducting literature review critically. On the other hand, the supervisors agree that they play a very important role as a supervisor to guide and engage the students in flexible thinking and hence produce a good piece of conceptual framework.

KEMAMPUAN INTERPRETASI DAN PENGGUNAAN DATA PENTAKSIRAN DALAM PENGAJARAN

Zuraimi Zakaria

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

zurai125@uitm.edu.my

Adibah Abdul Latif

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi MARA (UTM)

p-adibah@utm.edu.my

ABSTRAK

Percangan di dalam artikel ini memfokuskan kepada kapasiti guru dalam penggunaan data pengajaran untuk penambahbaikan proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), satu kaedah yang dikenali sebagai pengajaran berasaskan bukti (Adolphus, 2019; Mackey & Bassendowski, 2017; Woodbury & Kuhnke, 2014). Fokus utama adalah kepada tiga aspek di dalam aktiviti pengajaran dan pentaksiran: pertama, bagaimanakah guru menjalankan proses interpretasi data (bukti); kedua, bagaimanakah data yang telah ditafsir menyokong proses guru membuat keputusan; dan ketiga, bagaimanakah guru mengasimilasikan bukti di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian literatur mendapati perbezaan yang ketara di antara minat yang ditunjukkan oleh penyelidik luar negara terhadap pengajaran berasaskan bukti (Boudett & City, 2013; Bruniges, 2019; Mandinach & Gummer, 2016; Masters, 2018) berbanding penyelidik di Malaysia. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah menghasilkan ledakan tumpuan penyelidikan terhadap amalan pentaksiran (Faizah, 2011; Habibah, 2016; Mohd Aisamuddin & Rohaya, 2013). Walau bagaimanapun, fokus yang diberikan lebih tertumpu kepada aspek umum amalan pentaksiran, dengan percangan yang sangat minimal melibatkan literasi data dan kemampuan interpretasi bukti di kalangan guru.

Kata Kunci: interpretasi bukti, keputusan berpandukan bukti, literasi data, pengajaran berasaskan bukti.

THE RELATIONALE OF PRE-SERVICE TEACHER STEM LITERACY AND ATTITUDE IN PEDAGOGY PRACTICE

Zulinda Ayu Zulkipli, Mohamad Mubarrak Mohd Yusof, Siti Fairuz Dalim, Norezan Ibrahim

Universiti Teknologi Malaysia

zulinda@uitm.edu.my

ABSTRAK

The study was conducted to investigate the relationship between pre-service science teacher's knowledge of science literacy and attitudes in teaching science. It was intended to look at the level of pre-service science teacher's knowledge of science literacy and how it effects towards their attitude in teaching science. A total of 59 people participated in this study. This study used a quantitative research design and the result of the study revealed that there is a positive significant relationship between pre-service science teacher's knowledge of science literacy and attitudes in teaching science. This study also provides implication for pre-service teachers in facing teaching requirements, literacy demands and demanding situations to their teaching career. Recommendations for further research had been included in this study.

KEMAHIRAN PENULISAN AKADEMIK DI UNIVERSITI: ANALISIS KEPERLUAN DAN KOMPETENSI SEMASA PELAJAR ESL

Nur Yasmin Khairani Zakaria*,^{1,2} Amelia Abdullah² & Siti Nazleen Abdul Rabu³

*Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,¹
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

*School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia²
11800 Universiti Sains Malaysia, Penang*

*Centre for Instructional Technology & Multimedia, Universiti Sains Malaysia³
11800 Universiti Sains Malaysia, Penang*

Email address: yasminzakaria@ukm.edu.my; yasminzakaria@student.usm.my

ABSTRAK

Pengenalan- Penguasaan kemahiran penulisan akademik sangat penting untuk memastikan tahap kompetensi pelajar dan menghasilkan graduan berkualiti tinggi di peringkat universiti. Walaupun terdapat keperluan untuk menguasai kemahiran penulisan akademik, sebahagian besar pelajar ESL khususnya di institusi tinggi masih menghadapi kesukaran untuk memenuhi syarat graduasi universiti. Pelajar ESL dalam konteks universiti umumnya tidak didedahkan dengan mekanisme penulisan akademik. Kesannya, pelajar-pelajar ini tidak dapat menulis dengan menggunakan struktur laras bahasa dalam konteks yang sesuai.

Objektif – Kajian semasa bertujuan untuk menganalisis keperluan dan kompetensi semasa pelajar ESL dalam penulisan akademik.

Methodologi – Seramai 65 pelajar ESL di sebuah universiti awam di Malaysia telah memberi respons dalam satu soal selidik yang diadaptasi dari Choo (1998) untuk mengetahui pengetahuan berkaitan kandungan mereka dalam penulisan akademik. Dapatan kajian dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan analisis deskriptif.

Dapatan – Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar (76.9%) menghadapi kesukaran untuk menulis secara akademik dan hampir separuh daripada responden (46.2%) percaya bahawa bahagian tinjauan literatur adalah bahagian yang paling sukar dalam penulisan akademik.

Kepentingan – Hasil kajian ini menyumbang kepada maklumbalas yang berguna kepada penyelidik masa depan untuk merancang dan mengembangkan bahan pembelajaran yang sesuai untuk pelajar ESL untuk meningkatkan kemahiran menulis akademik para pelajar.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL), penulisan akademik, pelajar universiti, penulisan penyelidikan

NUBZAH 'AN ISTI'MAL HAL FII NAWH ARABI FI QURAN

نبذة عن استعمال الحال في النحو العربي في القرآن

MOHD ADIL MUFTI MOHAMAD SAMSUDIN

Universiti Sains Islam Malaysia

adilmufti@usim.edu.my

إن الحال موضوع من الموضوعات الكبيرة في دراسة النحو العربي وهي تعتبر من المنصوبات متماشية مع الموضوعات الأخرى مثل المفعول به والمفعول فيه والمفعول المطلق والمفعول لأجله، واسم إن وأخواتها، وخبر كان وكاد وأخواتها، والمستثنى، والمنادى، والتمييز. تهدف هذه الدراسة إلى معرفة عنوان الحال مفهومها وأنواعها واستعمالها في القرآن. فتقوم هذه الدراسة على منهج الدراسة المكتبية هدفاً إلى نيل المعطيات عن موضوع الحال في النحو العربي، وبالتالي تعتمد هذه الدراسة على الكتب المرجعية والأوراق العملية في مجال علم النحو سواء أكتبها العلماء السابقون أم العلماء المتأخرون. ووجدت الدراسة أن محل الحال في اللغة العربية النصب وهي بمثابة وصف رئيسي يُذكر لبيان حالة صاحبها. وللحال شروطها وأشكالها وعاملها وصاحبها. كما وجد أن استعمال الحال في القرآن كثير. ويرجى أن يستفيد من هذه الورقة قراءها من طلاب اللغة العربية ومدرسيها

STRESSORS AND COPING STRATEGIES AMONG NEW SETTLEMENT ROHINGYA REFUGEES IN THE UNITED STATES

Muhammad Asyraf Che Amat & Wan Norhayati Wan Othman

Universiti Putra Malaysia

mhdasyraf@upm.edu.my

ABSTRAK

The purpose of this study is to explore and understand the experiences of the new settlement Rohingya refugees who migrated to the U.S. in terms of the stressors faced and the strategies used to overcome those stressors. This study used a qualitative phenomenological method design. Data was gathered from the lived experiences of the participants by giving them opportunities to tell their stories using their own words and feelings. This study also used a purposive sampling method and semi-structured interviews to gain in-depth understanding and to obtain as much information as possible from the participants. The following themes were identified for the stressors they faced: 1) language barriers, 2) living far away from families, 3) opportunities to get jobs that were compatible with their skills, 4) difficulties to get religious education and practice, 5) difficulties in getting halal foods, 6) expectations from families back home, and 7) acculturation stress. Four themes were identified for the strategies used to confront these stressors: 1) religion, spirituality, and belief system, 2) social support from families and friends, 3) formal support, and 4) strong personality traits. This study will prepare mental health professionals to understand the uniqueness of this ethnic group as well as prepare them to be more alert and sensitive toward cultural difference.

MEMANFAATKAN PENGALAMAN PELAJAR PELAWAT DALAM MEMBANGUNKAN GARIS PANDUAN UNTUK PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN

Normazla Ahmad Mahir, Noor Saazai Mat Saad, Hazlina Abdullah, Norhana Abdullah, Norhaili Massari & Zarina Ashikin Zakaria

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

normazla@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kajian ini dicetuskan daripada pengalaman dua pelajar Malaysia yang mengikuti program pemindahan kredit ke Universiti Islam Negeri Walisongo, Indonesia. Program ini merupakan satu program Pengantarabangsaan Pendidikan (ILe) seperti yang dicadangkan oleh sebuah universiti awam di Malaysia. Dapatan lisan dan penulisan dari Pelajar-pelajar yang pulang dari program Pengantarabangsaan sering melaporkan tentang kesukaran yang dihadapi oleh mereka seperti salah faham dalam berkomunikasi ketika bergaul dengan masyarakat setempat serta dalam mengadaptasi budaya asing (masyarakat setempat).

Objektif – Tujuan kajian ini adalah untuk mendalami kejayaan dan cabaran yang mereka lalui selama 6 bulan mengikuti program ini.

Methodologi – Kaedah yang digunakan adalah analisis dokumen dan temu bual. Data dikumpulkan melalui entri jurnal pembelajaran yang diserahkan oleh pelajar melalui e-mel, yang dikompilasi oleh penyelidik serta laporan akhir mereka yang diserahkan pada akhir program. Untuk tujuan triangulasi data, mereka kemudian ditemu ramah setelah mereka kembali ke Malaysia.

Dapatan – Data dari kedua kaedah tersebut telah dianalisis secara tematik mengikuti Analisis dua peringkat Merriam (2009). Empat tema muncul dari data - pengalaman, hubungan masyarakat, kebebasan dan kemahiran komunikasi. Setiap tema memperincikan kejayaan dan cabaran.

Kepentingan – Penemuan ini memberikan input kepada draf garis panduan bagi mana-mana fakulti atau universiti untuk menjalankan program pemindahan kredit pada masa akan datang.

Kata Kunci: Analisis dua peringkat Merriam; Entri Jurnal Pembelajaran; Program Pemindahan Kredit; Pengantarabangsaan Pendidikan (ILe).

PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN (GBL) UNTUK PENULISAN AKADEMIK: SATU TINJAUAN DARI GURU PRA-PERKHIDMATAN ESL

Nur Yasmin Khairani Zakaria*,^{1,2} Melor Md Yunus¹, Harwati Hashim¹, Norazah

Mohd Nordin¹, Helmi Norman¹ & Nor Hafizah Adnan¹

*Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,¹
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

*School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia²
11800 Universiti Sains Malaysia, Penang*

Email address: yasminzakaria@ukm.edu.my; yasminzakaria@student.usm.my

ABSTRAK

Pengenalan- Gamifikasi, atau didefinisikan secara meluas sebagai penggunaan unsur permainan dalam konteks bukan permainan telah diterima sebagai pengalaman menarik berserta unsur-unsur yang menyeronokkan. Dalam konteks pendidikan, istilah "pembelajaran berasaskan permainan" sangat luas dicangkan dalam kalangan penyelidik. Walaupun kajian tentang pembelajaran berasaskan permainan dalam kalangan ahli akademik dijalankan secara meluas, pelaksanaan permainan dalam pengajaran dan pembelajaran masih terhad terutama dalam konteks pembelajaran bahasa kedua (L2).

Objektif – Meneliti situasi ini, kemahiran menulis dilihat sebagai salah satu kemahiran yang paling kurang diselidiki khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan. Oleh itu, 32 guru pra perkhidmatan telah menyertai tinjauan yang dijalankan untuk meninjau pandangan mereka terhadap penggunaan permainan dalam pengajaran kemahiran menulis.

Methodologi – Tinjauan telah dilakukan kepada para peserta untuk menganalisis pandangan guru pra perkhidmatan tentang pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan di kursus kemahiran menulis. Data utama dianalisis secara kuantitatif dan disokong oleh percangan kumpulan fokus dengan peserta terpilih.

Dapatan – Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini memberi reaksi positif terhadap penggunaan permainan di kelas menulis. Pelajar juga percaya bahawa interaksi rakan sebaya di dalam kelas lebih mudah diterima; oleh itu, pemindahan maklumat menjadi lebih berkesan sepanjang proses pengajaran berlangsung.

Kepentingan – Hasil kajian ini memberikan maklumat yang berguna untuk pengajar kemahiran menulis untuk menyediakan lebih banyak bahan pengajaran berasaskan permainan kepada para pelajar di dalam kelas kemahiran menulis.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL), Pembelajaran berasaskan permainan, penulisan akademik, pelajar universiti, penulisan penyelidikan.

MENGINSANKAN GURU-GURU PELATIH MELALUI INOVASI DI DALAM KELAS

**Ramiaida Darmi, Hayati Ismail, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri, Siti Rosilawati Ramlan,
Fariza Puteh-Behak, , Noor Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus**
*Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.*
ramiaida@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Istilah ‘inovatif’ menjadi kerisauan kebanyakan guru pelatih kerana mereka merasakan mereka kurang kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran abad ke-21, yang memfokuskan antaranya kepada kreativiti dan pemikiran kritis, serta pemahaman kepada istilah ‘inovatif’ itu sendiri. Sebagai guru-guru pelatih (GP), mereka telah mengikuti pelbagai kursus sebelum ditempatkan di sekolah-sekolah dalam tempoh Latihan Mengajar, yang mendedahkan mereka kepada teori-teori pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengurusan bilik darjah, penilaian, kajian tindakan, pengurusan kurikulum, kaedah mengajar dan juga kaunseling, yang menyediakan mereka kepada simulasi kelas sebenar.

Objektif – Dalam kajian ini, penyelidik berkongsi luahan naratif pengalaman guru-guru pelatih khususnya dalam mengintegrasikan elemen inovasi ke dalam PdP mereka.

Metodologi – Kajian awal ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif, dengan menggunakan jurnal reflektif yang diisi oleh GP. Peserta terdiri daripada 47 orang pelajar tahun akhir program Diploma Pascasiswazah Pendidikan di satu universiti awam di Malaysia, yang menjalani kursus Latihan Mengajar selama satu semester. Data dianalisis menggunakan analisis tematik.

Dapatan – Hasil kajian telah berjaya mengumpulkan beberapa kata kunci atau istilah, frasa dan tema, serta keprihatinan GP terhadap ‘inovasi’ serta kesediaan mereka terhadap perubahan dalam dunia pendidikan.

Kepentingan – Hasil kajian ini diharap dapat disebarkan kepada semua pihak untuk memberi kesedaran dan perkongsian pengetahuan supaya bakal guru bersedia menghadapi cabaran PdP di sekolah, dan menjadi insan yang holistik, futuristik dan berperikemanusiaan melalui transformasi pendidikan negara.

Kata Kunci: Menginsankan, guru pelatih, praktikum, pembelajaran abad ke-21

UNSUR INSANIAH DALAM PENINGKATAN KERJAYA KEGURUAN

Shamsudin Othman & Azhar Md Sabil

Universiti Putra Malaysia



**EXPLORING PRE-UNIVERSITY STUDENTS' CONSTRUCTION OF REASONED
ARGUMENTATION IN COMPUTER- SUPPORTED COLLABORATIVE DISCUSSIONS
USING SEQUENTIAL ANALYSIS**

PAVITHRA A/P PANIR SELVAM, AINI MARINA MA'ROF

Universiti Putra Malaysia

ainimarina@upm.edu.my

ABSTRACT

The prominent role of critical thinking skills in cultivating cognitive abilities and elevating academic performances is indeed being clearly evident over the years. There is an urgency to apprehend the development of such higher order thinking skills, such as argumentation, to further identify the relevant pedagogical approach to foster an improvement. This research aspires to comprehend the development of reasoned argumentation skills among preuniversity students with mixed language abilities, using computer-supported collaborative learning (CSCL) and incomplete short stories. This study adopted the case study research design by applying a mixed-method approach through both descriptive and sequential analysis, participated by 12 pre-university students from a public university in Serdang. The results show that language ability has a strong predictive factor on reasoned argumentation skills. The findings have also signified the tendency of the participants in producing constructive arguments rather than defensive or challenging viewpoints to alternative ideas.

PEMBELAJARAN PECAHAN DAN SIKAP KE ARAHNYA TIDAK BERHUBUNG
(THE LEARNING OF FRACTIONS AND ATTITUDE TOWARDS IT DOES NOT ADD UP)

^[1]Jasrie B Jamaludin, ^[2]Parmjit Singh, ^[3]Teoh Sian Hoon

^{[1],[2],[3]} Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia

^[1] jasrie_jamaludin93@yahoo.com, ^[2] parmj378@uitm.edu.my, ^[3] teohsian@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kurikulum matematik sekolah Malaysia dengan jelas menyatakan bahawa aspek utama dalam pembelajaran pecahan adalah untuk mema dan mengembangkan pemahaman pelajar dalam konsep dan pada masa yang sama mencapai tahap yang tinggi dalam deria pembelajarannya. Dalam konteks ini, bagaimana pelajar berfikir dan memahami pembelajaran mereka berkait dengan sikap mereka terhadap pembelajaran itu telah menjadi perhatian utama pembuat dasar dan pendidik di seluruh dunia. Oleh itu, kajian ini dimulakan dengan tujuan untuk mengkaji hubungan antara sikap terhadap matematik dan deria pecahan di kalangan pelajar sekolah menengah. Seramai 474 pelajar yang terdiri daripada 147 pelajar Tingkatan 1, 203 pelajar Tingkatan 2 dan 124 pelajar Tingkatan 4 mengambil bahagian dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah deskriptif-korelasi. Dua instrumen iaitu Attitude Towards Mathematics Inventory (ATMI) dan Fractional Sense Test (FST) telah diadaptasi dari penyelidikan sebelumnya untuk tujuan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memperoleh pencapaian tahap rendah dalam ujian deria pecahan dengan skor min 10.31 (SD = 4.95) dari skor maksimum 30. Dengan kata lain, pelajar-pelajar ini memperoleh skor peratusan rendah 34.37% dalam ujian deria pecahan. Hasil kajian juga mendapati hubungan yang lemah tetapi signifikan antara sikap pelajar terhadap matematik dan pencapaian deria pecahan di kalangan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, dengan mempertimbangkan senario di atas, adalah penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pemahaman konsep pelajar dalam pembelajaran pecahan dan sikap mereka terhadap matematik. Pelajar yang tidak mempunyai deria pecahan yang kuat cenderung bergantung pada prosedur yang diajar untuk bekerja dengan pecahan lebih terdedah kepada prosedur yang salah, salah konsep, dan tanggapan yang salah dalam menyelesaikan masalah. Komitmen untuk mengembangkan deria pecahan memerlukan perubahan dramatik dalam cara pelajar belajar matematik di bilik darjah hari ini kerana ia tidak sesuai dengan jangkaan keperluan kurikulum.

Kata Kunci: Deria Pecahan, Sikap, Pencapaian, Prestasi Pelajar

APLIKASI KEMAHIRAN ABAD KE-21 DALAM PENGURUSAN PEMBELAJARAN MURID SEMASA PANDEMIK: TINJAUAN PENGALAMAN GURU PELATIH

Norhaili Massari, Noor Saazai Mat Saad, Fariza Puteh-Behak, Sakinah Ahmad, Hazlina Abdullah, Haliza Harun, Normazla Ahmad Mahir, Suzanah Selamat, Hazleena Baharun, Maziahtusima Ishak

Universiti Sains Islam Malaysia

norhaili@usim.edu.my, noorsaazai@usim.edu.my, fariza@usim.edu.my,
skahmad@usim.edu.my, hazlina@usim.edu.my, haliza@usim.edu.my,
normazla@usim.edu.my, suzanah@usim.edu.my, hazleena@usim.edu.my,
mshima@usim.edu.my

ABSTRAK

Praktikum adalah satu cabang yang penting dalam latihan keguruan yang memberikan pengalaman penglibatan kelas sebenar untuk seorang guru pelatih. Ia dianggap sebagai salah satu komponen penyediaan guru yang paling kritikal dan memberi impak terbesar terhadap kualiti guru pelatih (Mtika, 2011; Zeichner, 2010; Graham, 2006; Tang, 2003) serta pengembangan kemahiran pedagogi mereka (Kauffman, 1992). Peningkatan jangkitan Covid-19 secara mendadak di seluruh dunia pada suku pertama tahun 2020, menyaksikan penutupan sekolah secara besar-besaran bagi membendung wabak tersebut. Peristiwa yang tidak dijangka ini menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional iaitu bersemuka bertukar dengan drastik kepada pembelajaran jarak-jauh yang memerlukan teknologi dan kemahiran abad ke-21. Artikel ini mengupas pengalaman sekumpulan guru pelatih di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam menguruskan cabaran normal baharu dalam menyampaikan pendidikan jarak-jauh menggunakan teknologi. Data dikumpulkan daripada temubual dan catatan tambahan bertulis berbentuk rancangan pengajaran harian, artifak pengajaran dan platform dalam-talian yang digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru pelatih ini mengalami pelbagai pengalaman yang mencabar dalam memastikan kesinambungan pendidikan berasaskan kurikulum dan kemajuan pelajar dalam pembelajaran tercapai. Kejayaan mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di tengah-tengah polemik pandemik ini melambangkan keberhasilan penghayatan ciri-ciri keguruan yang tabah dan fleksibel seperti yang diperlukan di dalam profesion ini.

Kata Kunci: Abad 21, Pandemik, Pengajaran dan Pembelajaran, Praktikum

ASSOCIATING FACTORS TO JOB PERFORMANCE OF PHYSICAL EDUCATION SECONDARY TEACHERS

Abdullah Khalid & Mawarni, Azlan

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Teknologi Mara Shah Alam

abdullahkhal@yahoo.com

ABSTRAK

This research aims to investigate selangor secondary school's physical education teachers job performance that influence by job satisfaction, personality traits, and leadership behaviour effected job performance of pe teachers. This research uses few theories like camball for job performance, big five model for personality traits, Ohio and michigan for leadership behaviour theory to show how effective job performance of pe teachers.

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK MELALUI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KOMPETENSI

Yusmarwati Yusof, Jamaliah Sajali, Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia dan Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan

marwati@uthm.edu.my

ABSTRAK

Dalam era globalisasi, majikan tidak hanya mementingkan kemahiran teknikal tetapi juga kepada kemahiran generik. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan kemahiran generik pelajar-pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran berasaskan kompetensi di kolej vokasional. Terdapat 7 kemahiran yang diuji dalam kajian ini iaitu kemahiran komunikasi, pembelajaran berterusan, bekerja dalam kumpulan, kepimpinan, pengurusan, penyelesaian masalah dan keusahawanan. Kajian ini menggunakan kajian berbentuk tinjauan kepada sampel kajian yang terdiri daripada 306 orang pelajar semester 4 di Kolej Vokasional sekitar negeri Perak di Tahap Sijil Kemahiran Vokasional Malaysia. Soal selidik digunakan sebagai instrumen dan diedarkan kepada responden secara rawak mudah. Soal selidik ini mengandungi 3 soalan yang berkaitan demografi pelajar dan 75 item lagi dikemukakan untuk menguji 7 elemen kemahiran generik pelajar. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif bagi melihat taburan responden berdasarkan demografi dan mengukur tahap penguasaan kemahiran generik responden manakala statistik inferens melibatkan ujian T dan ANOVA satu hala pula digunakan untuk melihat perbezaan tahap penguasaan pelajar berdasarkan demografi pelajar. Secara keseluruhannya, hasil analisis yang diperoleh menunjukkan tahap penguasaan kemahiran generik pelajar berada di tahap interprestasi skor min yang tinggi. Bagi analisis inferensi pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah yang dikaji. Oleh itu, kepelbagaian dan kesesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian oleh tenaga pengajar untuk memastikan keberkesanannya dengan pelbagai peringkat pencapaian dan latar belakang pelajar.

KESEDIAAN PELAJAR PROGRAM PENDIDIKAN TERHADAP KURSUS KEUSAHAWANAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Norazlinda Saad, Surendran Sankaran

Universiti Utara Malaysia

azlinda@uum.edu.my, surendran@uum.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pendidikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar dapat pendedahan kepada ilmu, kemahiran dan nilai tambah dalam bidang keusahawanan dan anjakan minda daripada *job seeker* kepada *job creator*.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

Methodologi – Pendekatan kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah berbentuk korelasi. Populasi kajian ini adalah 148 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Utara Malaysia. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih sampel kajian. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi dari kajian-kajian lepas. Instrumen Pengetahuan Keusahawanan mempunyai nilai pekali Cronbach alpha 0.89 dan instrumen Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan mempunyai nilai pekali Cronbach alpha 0.91. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan korelasi.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Pengetahuan Keusahawanan dengan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

Kepentingan – Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pihak universiti perlu mengadakan pelbagai aktiviti untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang keusahawanan supaya dapat meningkatkan Kesediaan Pelajar program Pendidikan terhadap Kursus Keusahawanan.

Kata Kunci: Kesediaan Pelajar, Keusahawanan, Sarjana Muda Pendidikan, Universiti

PENGURUSAN PEMBELAJARAN BERASASKAN BLENDED LEARNING DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN

Surendran Sankaran, Norazlinda Saad

Universiti Utara Malaysia

surendran@uum.edu.my, azlinda@uum.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Selaras dengan pelaksanaan Dasar e-Pembelajaran Negara (Depan) (2011) institusi pengajian tinggi telah memberi penekanan kepada Pembelajaran dalam mod teradun. Pembelajaran dalam mod teradun adalah pembelajaran yang menggabungkan kaedah tradisional dan kaedah atas talian (e-pembelajaran).

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara Reka Bentuk Bahan dengan Pengurusan Pembelajaran Berasaskan Blended Learning.

Methodologi – Pendekatan kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Populasi kajian ini adalah 105 orang pelajar Sarjana Pendidikan. Persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan untuk memilih sampel kajian. Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama kajian untuk menjawab persoalan kajian. Item-item untuk soal selidik diadaptasi dari kajian lepas dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.85. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara Reka Bentuk Bahan dengan Pengurusan Pembelajaran Berasaskan Blended Learning.

Kepentingan – Dapatan ini menjelaskan bahawa perancangan pengajaran secara talian perlu menitikberatkan faktor Reka Bentuk Bahan supaya dapat meningkatkan Pengurusan Pembelajaran Berasaskan Blended Learning dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan.

Kata Kunci: *Blended Learning*, Pengurusan Pembelajaran, Reka Bentuk, Sarjana,

**KRITERIA ASAS DALAM MENGUKUR KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DI
KALANGAN PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI DAN CARA MENANGANINYA**

**Hamadallah Mohammad Salleh, Noor Saazai Mat Saad, Ashwaq Mohammad Salleh
Kenali, Hazlina Abdullah, Hishomudin Ahmad**

Universiti Sains Islam Malaysia

hamadallah@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kriteria asas dalam mengukur kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab; untuk mengatasi masalah kelemahan pertuturan di kalangan mereka secara lebih berfokus. Borang penilaian akan dibangunkan dengan mengadopsi piawaian pengukuran kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris dalam ujian bahasa Inggeris TOEFL dan MUET. Hasil kajian menunjukkan bahawa empat kriteria asas digunakan dalam mengukur kemahiran bertutur, iaitu: keyakinan, sebutan, tatabahasa, dan pemahaman. Borang penilaian kemahiran bertutur yang dibangunkan untuk menilai kemahiran pelajar di tahap permulaan ini, telah melalui penilaian 5 orang pakar dalam bidang bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan yang tinggi dengan nilai persetujuan 100 peratus daripada pakar, yang menunjukkan kebolehpercayaan borang ini dalam mengukur kemahiran bertutur di kalangan pelajar bukan penutur jati pada tahap permulaan.

KAJIAN TERHADAP PROGRAM SARJANA MUDA BAHASA ARAB DAN KOMUNIKASI: TINJAUAN TERHADAP PELAJAR

Zalika Adam, Lubna Abd Rahman, Rosilawati Ramlan, Wan Azura Wan Ahmad

Universiti Sains Islam Malaysia

zalika@usim.edu.my

ABSTRAK

Program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (SMBAK), bagi Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia ditubuhkan sejak tahun 2005. Pelbagai penambahbaikan dan semakan daripada auditor dan pensyarah untuk menambah baik program. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan pelajar terhadap program yang diambil. Kajian menggunakan borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar SMBAK, FPBU untuk mengetahui kefahaman pelajar tentang kursus yang diambil dan kecenderungan mereka terhadap kursus dalam kompenan bahasa Arab dan Komunikasi. Pelajar didedahkan dengan program (double major), melibatkan kemahiran dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Hasil daripada kajian mendapati, terdapat segelintir pelajar masih keliru dengan bidang yang diambil pada awal pengajian. Pelajar yang kurang mahir dalam bahasa Inggeris menghadapi kesukaran apabila mempelajari beberapa kursus komunikasi di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Walaubagaimanapun, pelajar mendapat dua kemahiran bahasa setelah tamat pengajian. Bidang pekerjaan juga terbuka luas kepada pelajar yang mengikuti program ini, seperti: bidang kewartawanan, penterjemah, guru dan sebagainya.

Kata kunci: Bahasa Arab, Komunikasi, Program SMBAK.

PELAKSANAAN KAUNSELING SPIRITUAL: SATU TINJAUAN

Yusni Mohamad Yusop, Zaida Nor Zainudin, Wan Norhayati & Nordiana Abdul Rahim
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

yusni_my@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian berhubung kaunseling spiritual semakin mendapat perhatian. Fokus kajian ini adalah untuk meninjau penerapan elemen spiritual dalam proses sesi kaunseling. Sampel kajian adalah terdiri daripada 132 orang kaunselor sekitar Lembah Klang. Kajian dilaksanakan dengan mengedar soal selidik secara dalam talian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian mendapati majoriti (88%) responden bersetuju menggunakan unsur spiritual dalam sesi kaunseling. Kajian juga menunjukkan majoriti responden (87%) telahpun menerapkan elemen spiritual dalam sesi kaunseling yang mereka kendalikan. Kajian turut mengenal pasti seramai 15.9% responden telah menggunakan elemen kaunseling dalam fasa mema hubungan. Seramai 22.15% responden mengaplikasikan elemen spiritual pada fasa penerokaan. Manakala sebanyak 26.5% responden telah menerapkan nilai keagamaan dalam sesi kaunseling pada fasa mengenal pasti masalah. Sementara itu sebanyak 87.6% telah menggunakan elemen spiritual dalam fasa menyelesaikan masalah. Sebanyak 42% telah menggunakan unsur kaunseling spiritual dalam fasa penamatan. Hasil kajian juga mendapati, sebanyak 89% bersetuju bahawa penggunaan elemen keagamaan adalah perlu dalam sesi kaunseling untuk memenuhi keperluan semasa. Hasil kajian menggambarkan bahawa penerapan nilai keagamaan ketika sesi kaunseling bukanlah amalan yang asing dalam kalangan kaunselor. Kajian akan datang disarankan untuk meneroka isu ini dengan lebih mendalam untuk mendapat hasil kajian yang lebih terperinci, di samping mengenal pasti pembolehubah lain yang lebih relevan.

Kata kunci: elemen, fasa kaunseling, keagamaan, kaunselor, spiritual.

**PROGRAM PENDIDIKAN KIMIA: PEMBELAJARAN ABAD KE 21 DAN REVOLUSI
PERINDUSTRIAN KEEMPAT**

**Corrienna Abdul Talib, Johari Surif, NorHasniza Ibrahim, Chuzairy Hanri, Megat
Aman Zahiri Megat Zakaria dan Fatin Aliah Phang**

Universiti Teknologi Malaysia

Corresponding author: corrienna@utm.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini memcangkan proses semakan kurikulum program pendidikan kimia peringkat pascasiswazah bagi kaedah kerja kursus di Universiti Teknologi Malaysia. Semakan dilakukan atas faktor menggantikan hasil pembelajaran program kurikulum lama dan pedagogi tradisional kepada pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 dan Revolusi Perindustrian Keempat termasuklah pembangunan lestari agar dapat menyampaikan keterujaan dan sifat interdisiplinari pendidikan kimia kepada pelajar pascasiswazah.

Katakunci: Pendidikan Kimia, Pascasiswazah, Semakan Kurikulum

TEORI PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME SOSIAL DALAM MENERAPKAN PEMBELAJARAN KE ARAH REVOLUSI INDUSTRI 4.0 BAGI BIDANG TVET

Anis Zakaria¹, Nabila Abd Wahab², Norhuda Jamalluddin³

^{1,2,3} Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia,
anis@upm.edu.my, lala.naw91@gmail.com, Norhuda.jamalluddin@gmail.com

ABSTRACT

Lawatan tapak, aktiviti pembelajaran galeri bergerak dan, percangan kumpulan profesional adalah antara kaedah dan strategi pembelajaran aktif dalam teori konstruktivisme sosial yang dapat meningkatkan kemampuan pelajar dalam memahami dan memahami jauh ke dalam kurikulum. Penggunaan *Augmented reality*, keterlibatan industri dan konsep *big data* antara elemen Revolusi Industri 4.0 yang diaplikasikan dalam kaedah dan strategi pengajaran omersif ini. Strategi pembelajaran ini membolehkan pelajar memahami dengan lebih baik mengenai subjek atau topik pembelajaran yang menghubungkan mereka dengan data dan industri yang luas. Strategi pembelajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi maklumat, pandangan, dan idea dengan rakan sebaya dan industri. Cooperative Gallery Walk adalah kaedah pembelajaran yang dapat merangsang dan menguatkan ingatan pelajar dalam proses pembelajaran kerana apa yang pelajar pelajari dilihat dan dianalisis secara langsung, tidak hanya dilihat melalui gambar. Kajian ini adalah mengenai penerapan kaedah pengajaran Gallery Walk yang diubahsuai mengikut keperluan kesesuaian objektif pembelajaran. Dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan undang-undang dan akta, pelajar perlu memahami dan menilai kesan dan akibat sekiranya mereka gagal dipatuhi. Perincian Akta tersebut perlu dihafal dan difahami dalam konteks subjek Penjagaan Rambut dan Pendandan Rambut. Ini sangat penting dalam memastikan mereka memahami hak pengguna, premis salon, hak pekerja, etika panduan dan terapi. Para pelajar telah mengunjungi salon dalam kumpulan mereka untuk menemui ramah pemilik salon yang berkaitan dengan perundangan dan bertindak dalam pengurusan salon. Semasa aktiviti galeri berjalan, para pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan besar dan setiap kumpulan kemudian dibahagikan lagi kepada lima kumpulan mengikut pembahagian tindakan dalam pengurusan salon. Strategi Walk Gallery yang dimodifikasi digunakan untuk memastikan semua pelajar terlibat dalam pembentangan dan percangan. Beberapa strategi digunakan seperti ahli kumpulan yang lebih kecil, persembahan aktif dari ahli kumpulan, sesi Q dan A, dan sesi penilaian di antara ahli kumpulan lain dan pra-percangan. Dari pemerhatian tersebut, penyampai pelajar memainkan peranan yang baik dan mereka berjaya menyampaikan maklumat dengan memberikan contoh kepada setiap bahagian mengenai tindakan yang mereka sampaikan dan berjaya mewujudkan iklim yang baik dalam mencangkan dan menyampaikan pengetahuan yang berkaitan dengan keadaan sebenar di salon. Selain itu, para penonton juga merasa yakin untuk mengemukakan soalan kepada penyampai sehingga mereka memahami perihal tindakan tersebut. Dari data kualitatif, 93.7% pelajar dapat menjawab peperiksaan dengan sangat baik dan 89.8% dari mereka dapat memberikan contoh realiti yang betul mengikut tindakan yang disoal. Berkaitan dengan penemuan itu, komasi lawatan salon, jalan galeri yang diubah suai, percangan profesional harus diterapkan pada subjek lain yang berkaitan dengan undang-undang dan tindakan. Ia memerlukan kaedah pengajaran rancangan yang baik dan proses yang sistematik untuk memastikan pelajar menangkap pemahaman sebenar mengenai undang-undang dan tindakan salon.

Kata kunci: kaedah mengajar, Pendidikan Sains Rumah Tangga, teori konstruktivisme sosial

KEPEMIMPINAN KREATIF PENGETUA KE ARAH MENGINSANKAN PENDIDIKAN**Rosnani Jusoh, Abzmar Abu Sakar & Mohammad Asraffudden Basri**

Universiti Putra Malaysia (UPM)

ABSTRAK

Menginsankan pendidikan merupakan peranan semua bahagian dalam pendidikan. Bagaimanapun kejayaan menginsankan pelajar di peringkat sekolah terletak kepada kepemimpinan pengetua sesebuah sekolah. Sokongan kepemimpinan pengetua dalam pelbagai bentuk dan gaya menjadi sumber kekuatan kepada guru untuk berkeaktiviti di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Penggembleran kreativiti dan inovasi guru dengan kepemimpinan pengetua sangat penting dalam meningkatkan pencapaian dan menginsankan murid. Ini adalah kerana pendidikan sekarang memerlukan pelaksanaan pelbagai kreativiti dan inovasi agar murid dididik menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Oleh hal yang demikian kertas kerja ini akan membincangkan berkaitan kepemimpinan kreatif pengetua berdasarkan kajian yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah harian. Dapatan kajian menunjukkan purata min 3.78 yang menunjukkan tahap kepemimpinan kreatif pengetua yang dikaji adalah tinggi.

Kata Kunci: Kepemimpinan kreatif pengetua, menginsankan pendidikan dan kerja kreatif guru.

HUBUNGAN ANTARA JANTINA DAN KEPUASAN KLIEN DALAM KAEDAH KAUNSELING BERSEMUKA DAN E-KAUNSELING

Zaida Nor Zainudin*, Siti Aishah Hassan, Nor Aniza Ahmad, Yusni Mohamad Yusop,
Wan Norhayati Wan Othman

*Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor
Corresponding author: zaidanor@upm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Memandangkan kemampuan internet mewujudkan prasarana yang sesuai untuk mema hubungan, pengamal kaunseling telah mengambil inisiatif memaksimumkan ruang internet ini. Satu perkhidmatan alternatif menolong melalui interaksi maya ini diwujudkan. E-Kaunseling telah mula mendapat perhatian kaunselor sebagai satu perkhidmatan alternatif yang ditawarkan kepada klien.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana keberkesanan perkhidmatan E-Kaunseling terhadap jantina.

Methodologi – Kajian eksperimental-kuasi ini menggunakan reka bentuk Kumpulan Kawalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca. Data kuantitatif diperolehi menggunakan soal selidik *Client's Satisfaction Inventory Short-Form* (CSI-SF). Seramai 60 subjek kajian terlibat dan dijalankan dalam dua kumpulan kajian iaitu kumpulan kawalan menggunakan kaedah Kaunseling Bersemuka dan kumpulan eksperimen pula menggunakan kaedah E-Kaunseling.

Dapatan – Dapatan menunjukkan tiada perbezaan antara jantina dan Kepuasan Klien dalam kedua-dua kaedah dan hasil analisis Anova Dua Hala menunjukkan tiada perbezaan utama (*main interaction*) antara Jantina dan Kepuasan klien. Hasil analisis lanjut menggunakan Anova Sehalu menunjukkan kesan interaksi (*interaction effect*) bahawa klien lelaki mendapat lebih kepuasan dalam kaedah E-kaunseling manakala klien perempuan mendapat lebih kepuasan dalam kaedah Kaunseling bersemuka.

Kepentingan – Implikasi kajian ialah kepada kaunselor sekolah dalam menawarkan perkhidmatan e-kaunseling bagi membantu pelajar yang ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling di luar waktu persekolahan.

Kata Kunci: E-kaunseling, jantina, kepuasan klien, kaunseling bersemuka

APPLYING PERFORMANCE ANALYSIS IN OBSERVING TEACHING DURING TEACHING SUPERVISION: A CASE STUDY IN PHYSICAL EDUCATION

***Tengku Fadilah Tengku Kamalden, Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin, Jacklyn
Joseph**

Universiti Putra Malaysia

*tengku@upm.edu.my

ABSTRACT

The usage of video analysis is mundane for sport coaches to facilitate them to make a pinnacle decision, which contributing to the winning or losing of their team. However, the subjective evaluation from those videos' instances are sometimes overwhelming for the coaches to give their meaningful feedback to their athletes. Additionally, the complexity of coaching process such as a limited human's memory capacity to memorize all critical events will significantly impair coaches' ability to decide what is the best feedback for their athletes' performance. Therefore, the meaningful performance's feedback is imperative for the coaches to identify weakness of their athletes. Likewise, as utilized in the sport settings, a meaningful feedback given by a university/department's supervisor is also an important facet to develop the teaching skills among Physical Education (PE) preservice teachers. This is especially applicable during their internship/microteaching lesson to teach an effective PE class. Further, a meaningful feedback will also facilitate the development of PE preservice teachers' psychomotor, cognitive and affective skills upon graduation from their respective programs. Performance analysis (PA) is defined as "an objective way of recording performance so that key elements [meaningful feedback] of that performance can be quantified in a valid and consistent manner" (Hughes, 2005). As being utilized in sport coaching settings, PA is also applicable in the PE settings to simplify the PE supervisor's teaching supervision process. Therefore, there is a need to introduce PA as a field to all university/department's supervisors as an acquired skill to facilitate the development of preservice teachers' teaching skills, especially in PE settings

HUBUNGAN KOMITMEN ORGANISASI DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN JURULATIH PUSAT CEMERLANG ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Wan Norhayati Wan Othman^{1*}, Mohd Yusuf Abdullah² & Mohd Ghazali Abdul Rahman²,
Zaida Nor Zainuddin¹, Yusni Mohamad Yusop¹

^{1*}Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

²Fakulti Bahasa dan Pendidikan
Kolej Universiti Islam Melaka

Email : wannorhayati@upm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kepuasan kerja ialah perkara yang penting dalam sesebuah organisasi dan di antaranya dalam dunia pendidikan yang semakin penting dan sering diperkatakan. Faktor kepuasan kerja selalu muncul sebagai kesan individu untuk meningkatkan pencapaian diri, ingin diberikan pengiktirafan, penghargaan kepada tanggungjawab dan sumbangan, dan mema status diri.

Objektif – Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara komitmen organisasi dengan kepuasan kerja dalam kalangan jurulatih Pusat Cemerlang Angkatan Tentera Malaysia.

Methodologi – Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan bagi mengenal pasti masalah yang hendak dikaji di dua belas buah Pusat Cemerlang ATM di Semenanjung Malaysia. Sampel kajian ini adalah seramai 474 orang iaitu dalam kalangan jurulatih di dua belas Pusat Cemerlang ATM Malaysia.

Dapatan Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara dimensi komitmen organisasi iaitu dimensi afektif, berterusan dan normatif juga komitmen organisasi keseluruhan dengan kepuasan kerja.

Kepentingan – Oleh itu kajian ini sangat berguna terutamanya kepada Kementerian Pertahanan Malaysia bagi memastikan jurulatih di Pusat Cemerlang ATM terus memberi komitmen yang baik terhadap organisasi bagi memastikan kepuasan kerja mereka tinggi seterusnya bagi menghasilkan jurulatih yang mempunyai tingkahlaku yang baik dan cemerlang.

Kata Kunci: Komitmen organisasi, kepuasan kerja, komitmen afektif, komitmen berterusan, komitmen normatif

APLIKASI JAWI DALAM PENDIDIKAN GURU

Noorhayati Hashim
Universiti Sains Islam Malaysia
drnoorhayati@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan

Jawi sangat sinonim dengan tugas hakiki guru Pendidikan Islam. Sepanjang perkhidmatan mereka, tidak boleh tidak, mereka terlibat secara langsung dengan penggunaan jawi dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, ketika berada dalam pengajian pendidikan guru, mereka amat memerlukan bimbingan secara langsung berkaitan dengan aplikasi jawi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Objektif

Kajian ini cuba menyingkap adakah bimbingan dan sokongan yang diberikan kepada guru Pendidikan Islam bertepatan dengan kadar yang mereka perlukan sepanjang perkhidmatan mereka kelak sebagai guru Pendidikan Islam. Terutama dalam menghadapi cabaran mendidik pelajar yang mempunyai pelbagai gaya dan daya dalam mempelajari dan mengaplikasi jawi.

Methodologi

Bagi mengenal pasti perkara ini, satu set soal selidik telah dia berkaitan dengan keyakinan guru dalam segala aktiviti berkaitan jawi di sekolah. Soal selidik yang dibangunkan menggunakan *Google Form* diedarkan kepada guru-guru Pendidikan Islam melalui *Whatsapp* yang cuba meninjau bentuk bimbingan dan sokongan yang mereka terima dalam usaha memartabatkan jawi untuk generasi akan datang.

Dapatan

Analisis pengakuan daripada guru-guru Pendidikan Islam menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara pendidikan guru yang diterima daripada pihak Institusi Pendidikan Guru dan universiti dan terdapat perbezaan antara universiti awam dan universiti swasta dan terdapat juga perbezaan antara universiti secara lebih khusus.

Kepentingan

Kajian mencadangkan pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan guru Pendidikan Islam perlu bersatu hati dalam mendidik dan membimbing guru Pendidikan Islam yang cekap dalam pengurusan pembelajaran jawi untuk membudayakan jawi sepanjang perkhidmatan mereka.

Kata Kunci

Pendidikan Islam, jawi, pendidikan guru, guru Pendidikan Islam

TAHAP KEFAHAMAN KONSEP GURU PRA PERKHIDMATAN DALAM SAINS ANGKASA

Norezan Ibrahim^{1*}, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof¹, Zulinda Ayu Zulkipli¹, Siti Fairuz Dalim¹

¹ Department of Science, Faculty of Education Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam Campus, 42300, Malaysia

*Corresponding Author's email: norezan3881@uitm.edu.my

ABSTRAK

Sains angkasa adalah bidang yang luas yang berkaitan dengan Astronomi, Sains Gravitasi Mikro, Sains Atmosfera, kajian Cuaca dan perubahan Angkasa dan juga ilmu saintifik Kapal Angkasa Lepas. Penerokaan sains angkasa telah menarik minat ramai guru-guru, pelajar dan masyarakat di Malaysia setelah negara berjaya menghantar angkasawan ke angkasa lepas. Kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah telah disusun semula bagi menggabungkan pendidikan astronomi di dalam subjek sains. Walau bagaimanapun, pendidikan astronomi di Malaysia masih belum berkembang berkemungkinan disebabkan oleh kekurangan kajian atau penyelidikan dalam bidang pendidikan astronomi dan secara tidak langsung boleh mengakibatkan kekurangan guru pakar dalam bidang ini di sekolah. Penyampaian kandungan ilmu yang terhad dalam pengajaran boleh menimbulkan kesan buruk terhadap pembelajaran pelajar dan terbentuknya salah konsep semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap konsepsi dan miskonsepsi terhadap sains angkasa dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan pengetahuan sains angkasa di kalangan guru pra perkhidmatan. Ujian selari sains angkasa telah dirancang untuk mengukur tahap kefahaman konsep guru pra perkhidmatan mengenai konsep paling asas dalam sains angkasa. Satu set ujian sains angkasa telah diedarkan kepada 140 orang pelajar pendidikan yang terdiri daripada pelbagai kursus di salah sebuah universiti awam di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman konsepsi guru pra-perkhidmatan dalam sains angkasa adalah sederhana iaitu (37.86%) dan mempunyai salah konsep berkenaan ilmu asas astronomi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan statistik yang signifikan antara guru pra perkhidmatan lelaki dan perempuan. Juga, tidak ada perbezaan statistik yang signifikan antara guru pra perkhidmatan aliran sains dan bukan sains. Pendidikan didapati menjadi faktor terpenting yang menyumbang kepada kefahaman guru pra perkhidmatan mengenai konsep sains angkasa. Kajian ini menjelaskan keperluan penting untuk meningkatkan kefahaman guru pra perkhidmatan sains mengenai alam, elemen luar angkasa dan falsafah sains bagi mengelakkan mereka menyampaikan maklumat yang salah kepada pelajar mereka kelak.

Katakunci: Astronomi, Guru pra perkhidmatan, konsepsi pemahaman, Sains angkasa.

CABARAN DAN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PELAKSANAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Marina Ibrahim Mukhtar, Mimi Mohaffyza Mohamad, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Badaruddin Ibrahim, Mohd Hasril Amiruddin, Faizal Amin Nur Yunus, Nurhanim Saadah Abdullah, Rohayu Roddin.
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

marina@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan berdasarkan cabaran dan pembudayaan norma baharu dalam pelaksanaan pengajaran & pembelajaran (P&P) sepanjang tempoh perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. UTHM telah memulakan pelaksanaan pengajaran jarak jauh (PJJ) sepanjang PKP seawal April 2020 bagi menilai dan memastikan kesediaan semua pelajar dalam menerima sebarang maklumat dan menyesuaikan aktiviti P&P. Pelaksanaan P&P secara PJJ ini juga memerlukan kreativiti dan inovasi tenaga pengajar dalam memastikan kebajikan pelajar tidak terabai. Pelbagai cabaran yang telah dinyatakan oleh staf akademik dalam mengharungi permasalahan yang dihadapi terutama dalam konteks komunikasi bersama pelajar, kekangan yang dihadapi oleh staf akademik yang perlu mempelajari pelbagai teknik pengajaran secara atas talian supaya proses pengajaran & pembelajaran masih dapat dijalankan. Secara keseluruhannya respon pensyarah terhadap pelaksanaan P&P di tahap memuaskan dan mereka telah sedaya upaya menggunakan pelbagai pendekatan yang dapat digunakan dan cuba membudayakan norma baharu untuk memastikan proses P&P berjalan dengan lancar. Majoriti pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah menggunakan pelbagai medium seperti What App, Telegram, AUTHOR, Schoology, Edmodo, google classroom, google meet, zoom dan webwex cisco dalam pelaksanaan P&P secara PJJ sepanjang PKP covid-19.

Kata Kunci: Cabaran, P&P norma baharu, PKP, Pengajaran Jarak Jauh (PJJ)

PENGALAMAN GURU PELATIH MENJALANI LATIHAN MENGAJAR SEMASA PANDEMIK COVID19

Rosy Talin, Sabariah Sharif, Soon singh a/I Bikar Singh
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini dilakukan untuk mengetahui pengalaman yang dialami oleh para pelatih menjalani latihan mengajar semasa Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID19. Seramai 10 orang pelajar telah ditemubual untuk mengetahui pengalaman mereka. Tiga orang pelajar ditemubual secara bersemuka dan yang selebihnya ditemubual secara dalam talian. Temubual ditranskripsi dan dianalisis untuk mendapatkan tema bagi menjawab soalan kajian. Dapatan kajian memperlihatkan informan kajian mengalami pelbagai pengalaman dalaman dan luaran yang dikelompokkan dalam tema Suka dan Duka.

Kata Kunci: Guru Pelatih, Latihan Mengajar, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pandemik COVID19

**PENGARUH KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL, KECERDASAN EMOSI DAN
PERSONALITI GURU BESAR TERHADAP PRESTASI KERJA GURU SEKOLAH
RENDAH DI SABAH**

**Abdul Said Ambotang, Rosdah Herawaty Hamid, Mohamad Nizam Nazarudin &
Roslee Talip**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

E-mel : said@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Seramai 419 orang responden telah dipilih dalam kalangan guru dari lima puluh buah sekolah rendah di negeri Sabah yang dipilih secara rawak menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Data Kajian diperolehi menggunakan soal selidik tertutup mengandungi 88 item yang diubah suai daripada instrumen *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)*, *Emotional Quotient Inventory (EQ-I)*, *Trait Emotional Intelligence Questionnaire – Short Form (TEIQue-S)*, *Emotional Spiritual Quotient (ESQ)*, *Emotional Intelligence Scale (EIS)*, *NEO Five-Factor Inventory (NEO FFI)* dan prestasi kerja oleh Iran Herman dan Fatimah Wati Halim. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences*. Ujian Korelasi Pearson bagi ketiga-tiga variabel menunjukkan wujud hubungan signifikan secara positif dengan prestasi kerja guru. Analisis regresi menunjukkan ketiga-tiga variabel turut memberi pengaruh yang signifikan terhadap prestasi kerja guru. Berdasarkan data empirikal yang dicangkan, kajian ini boleh dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dalam meningkatkan prestasi kerja guru di sekolah rendah.

Kata Kunci : Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi, Personaliti, Prestasi Kerja

CONCEPTUAL AND THEORETICAL FRAMEWORKS IN EDUCATIONAL RESEARCH

Mohd. Zaki Ishak¹,

¹Faculty of Psychology and Education
University Malaysia Sabah

ABSTRACT

This paper shares results of an analysis of postgraduate conceptions' of conceptual and theoretical frameworks in dissertation by course work (masters), and thesis by research (masters and doctoral) at the Faculty of Psychology and Education and Postgraduate Studies in the University Malaysia Sabah. My conception of conceptual framework is the same as in the literature, (eg., Miles, Huberman, and Saldana, 2014), however my theoretical framework may have been different from other scholars in terms of the way it is being employed in educational research. Mohd. Zaki (2008) conceptualizes theoretical framework as having four dimensions: research dimension; content dimension (in education it refers learning and simplification); subject matter dimension (eg. physics); and personal dimension. Herek (1995) considers theoretical framework as having four components: the hypothesis; the theory or theories; the research methodology (answer the hypothesis/research questions); and a thorough literature review. Qualitative content analysis was used to analyse section of conceptual and theoretical frameworks in dissertation and thesis of postgraduate students. A methodology used for investigating postgraduates' conceptions of conceptual and theoretical frameworks is a phenomenology qualitative research. Method for collecting data was content analysis section of conceptual and theoretical frameworks in dissertation and thesis of postgraduate students. Analysis of conceptual and theoretical frameworks was based on examiner's written report (2015-2020) from the selected ten dissertations and twenty thesis of post graduate students in the Faculty of Psychology and Education and Postgraduate Studies. Results find that three postgraduate students treat conceptual framework the same as theoretical framework, fourteen post graduate students write a brief about theoretical framework in a page, one treats theoretical framework in detail as a chapter, the theoretical framework in qualitative research is placed in chapter one (four postgraduate students) while in quantitative research it is highlighted together with conceptual framework in the literature chapter, Chapter two (nine postgraduate students). The results indicate that conceptual framework is understood as relationships between variables or constructs and they are illustrated graphically in the form of flowchart, while theoretical framework refers to any theory/ies which underpin/s variables or constructs. Narrow conception, particularly theoretical framework and there has been little detailed guidance on both frameworks may contribute to these common conceptions.

Key words: conceptual framework, theoretical framework, variables, flowcharts, conceptions.

AKTIVITI FIZIKAL DI KOLEJ KEDIAMAN SEMASA PANDEMIK COVID19

Mohamad Nizam Nazarudin¹, Zakiah Noordin², Roslee Talib¹
& Abdul Said Ambotang¹

¹Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti
Malaysia Sabah (UMS), Sabah

²Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah
mnizam@ums.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Semasa pandemik COVID-19, aktiviti fizikal yang mencukupi telah memberi kesan positif kepada kesihatan fizikal dan mental.

Objektif: Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap aktiviti fizikal di kalangan pelajar kolej kediaman sebelum dan semasa pandemik COVID-19.

Metodologi: Kajian kuantitatif ini melibatkan 100 orang pelajar di salah sebuah kolej kediaman Universiti Malaysia Sabah (50 lelaki, 50 perempuan), (min umur $\pm$ SD, 21.8 ± 5.7 tahun). Semua responden melengkapkan borang soal selidik dalam talian untuk menentukan tahap aktiviti fizikal mereka selama 7 hari terakhir. Ujian t berpasangan digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam jumlah aktiviti fizikal MET-minit / minggu (tidak cukup aktif dan cukup aktif) antara pemboleh ubah yang berbeza dari konteks sosial yang berkaitan dengan aktiviti fizikal.

Dapatan: Penurunan yang ketara (71.1%) dalam masa yang dihabiskan untuk melakukan aktiviti fizikal sebelum dan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 diperhatikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jumlah aktiviti fizikal MET-min /minggu sebelum dengan semasa PKP diperhatikan bagi peserta yang mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal secara bersendirian (sebelum = 2001 ± 278.4 MET-min /minggu; semasa = 2001 ± 238.2 MET -min/minggu). Walau bagaimanapun, hasil menunjukkan penurunan aktiviti fizikal yang signifikan bagi peserta yang melakukan aktiviti fizikal dengan rakan (78.1%), atau dengan kumpulan (81.2%).

Kepentingan: Hasil kajian ini menunjukkan penurunan yang signifikan dalam jumlah masa yang dihabiskan dalam aktiviti fizikal semasa PKP daripada sebelum tempoh PKP. Dapatan ini mungkin mempunyai implikasi penting untuk pengembangan inisiatif pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap aktiviti fizikal semasa wabak. Kajian ini menambah asas pengetahuan dengan menunjukkan bagaimana pelajar semasa PKP COVID-19 mempunyai lebih banyak masa untuk aktif secara fizikal di kolej; namun kajian ini menunjukkan bahawa peserta tidak cukup aktif secara fizikal.

Kata Kunci: Aktiviti Fizikal, Kolej Kediaman, Covid-19.

SIKAP GURU TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI PRASEKOLAH NEGERI SABAH

Roslee Talip¹, Mohammad Azman Jongkulin¹, Muhamad Suhaimi Taat¹, Mohamad
Nizam Nazarudin¹ & Abdul Said Ambotang¹

Unit Penyelidikan Luar Bandar, Fakulti Psikologi dan Pendidikan,
Universiti Malaysia Sabah
Roslee_73@ums.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Sikap negarif guru terhadap penerimaan Program Pendidikan Inkusif (PPI) dan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam arus pendidikan perdana telah mampu merencatkan usaha memartabatkan sistem pendidikan negara.

Objektif - Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap guru terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di prasekolah.

Methodologi – Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu secara tinjauan yang melibatkan 338 orang Guru yang berkhidmat di prasekolah negeri Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji menggunakan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan *perisian SPSS (Statistical Package for Social Science version 25.0)*.

Dapatan - Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan kajian ini menunjukkan sikap guru secara keseluruhan didapati mempunyai sikap neutral ($M=2.8330$, $SD=.8545$). Dapatan kajian turut merumuskan bahawa guru lebih bersikap neutral bagi dimensi tingkah laku ($M=2.9379$, $SD=0.8481$) berbanding dengan dimensi afektif ($M=2.8442$, $SD=.9247$) dan dimensi kognitif ($M=2.7170$, $SD=.9640$). Ujian-*t* dan ANOVA membuktikan terdapat perbezaan sikap guru yang signifikan berdasarkan jantina dan latihan Pendidikan Khas terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif tetapi tidak signifikan untuk pengalaman mengajar. Implikasi dan cadangan kajian lanjut turut dicangkan.

Kepentingan – Berdasarkan dapatan kajian dapatlah dirumuskan bahawa kesedaran dan latihan dalam perkhidmatan secara berterusan dapat membantu meningkatkan sikap yang positif serta penerimaan MBK di kelas prasekolah. Input-input di dalam kajian boleh membantu pihak KPM merancang strategi yang sesuai terutama di dalam memberikan sokongan serta latihan mengikut pengalaman mengajar.

Kata Kunci - Afektif; Kognitif; Pendidikan Inklusif; Sikap Guru; Tingkah Laku.

PERBANDINGAN PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN CAMPURAN DI BEBERAPA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

**Nor Hasniza Ibrahim, Norazrena Abu Samah, Fatin Aliah Phang Abdullah, Azlina
Kosnin, Asha Hashim, Corrienna Abd Talib, Mohd. Rustam Mohd Rameli, Nurul Aini
Mohd Ahyan dan Zakiah Mohammad Ashari**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

ABSTRAK

Program Sarjana Pendidikan Campuran merupakan salah satu mod yang ditawarkan bagi peringkat sarjana. Program ini menawarkan pengajian separa kerja kursus dan penyelidikan. Kajian ini memperihalkan perbandingan program sarjana pendidikan campuran di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial Universiti Teknologi Malaysia dengan beberapa universiti awam yang lain di Malaysia. Perbandingan dilaksanakan bagi mengenalpasti persamaan, perbezaan dan kekuatan program sarjana pendidikan yang ditawarkan. Aspek perbandingan adalah berdasarkan kepada bidang pengkhususan ditawarkan, kredit kursus dan kursus program. Hasil analisis yang dilaksanakan didapati Program Sarjana Pendidikan di Sekolah Pendidikan mempunyai bidang pengkhususan yang banyak dan mempunyai kelebihan tersendiri dengan penerapan elemen revolusi industri dalam kursus teras dan beberapa kursus elektif yang ditawarkan.

Kata kunci: Sarjana Pendidikan Campuran, Perbandingan dengan universiti awam

**KESAN PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN MENGGUNAKAN GOOGLE
CLASSROOM TERHADAP UJIAN PENCAPAIAN KESTABILAN DAN KEKUATAN,
PENGLIBATAN DAN SIKAP TERHADAP SAINS BAGI MURID TAHUN 5 KETIKA COVID-
19**

Nor Asniza Ishak, Soh Yi Han & Logeshvaran Alagirisamy
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
email: asnizaishak@usm.my

ABSTRAK

Pengenalan - Covid-19 telah tersebar dengan luasnya di seluruh dunia dan mengancam nyawa kerana mempunyai ciri-ciri yang menular. Disebabkan oleh amalan Pergerakan Kawalan Pergerakan (PKP), semua institusi pendidikan di Malaysia telah diperintahkan untuk menghentikan sesi kelas fizikal secara bersemuka dan beralih ke pembelajaran dalam talian.

Objektif - Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian tajuk Kestabilan dan Kekuatan, penglibatan dan sikap terhadap Sains bagi murid tahun 5 yang mengikuti kelas *Google Classroom* bagi ujian pra dan ujian pasca.

Metodologi - Kajian ini mengadaptasi pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk kuasi eksperimen dengan menggunakan *Google Classroom* sebagai intervensi. 60 orang murid tahun 5 dari daerah Kerian yang terletak di negeri Perak dipilih untuk kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan.

Dapatan - Berdasarkan dapatan kajian, terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap pencapaian Kestabilan dan Kekuatan antara murid tahun 5 yang mengikuti *Google Classroom*, $F(1, 77) = 455.3$, $p = .000$ selepas intervensi. Terdapat juga perbezaan min yang signifikan terhadap penglibatan terhadap Sains antara murid tahun 5 yang mengikuti *Google Classroom*, $F(1, 57) = 923.8$, $p = .000$, dan terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap sikap terhadap Sains antara murid tahun 5 yang mengikuti *Google Classroom*, $F(1, 57) = 297.47$, $p = .000$, selepas proses intervensi.

Kepentingan - Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa intervensi memberi kesan terhadap skor pencapaian murid, skor penglibatan murid dan skor sikap murid. Kajian ini menunjukkan bahawa *Google Classroom* adalah intervensi yang dapat meningkatkan pencapaian Kestabilan dan Kekuatan, penglibatan dan sikap terhadap Sains dalam kalangan murid Tahun 5

Kata kunci - Bilik Darjah Google, pencapaian, penglibatan, sikap, subjek Sains, Covid-19

KEPERLUAN INTERVENSI GANGGUAN STRESS PASCA TRAUMA (*POST-TRAUMATIC STRESS DISORDER*) MANGSA BULI DI MALAYSIA.

**Fadhlina Mustapa Kamal, Siti Khadijah Mohd Nasrah & Syed Mohammad Syed
Abdullah**
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Menjadi mangsa buli di sekolah dalam sorotan kehidupan ketika kanak-kanak atau remaja menyumbang kepada isu kesihatan mental seperti Gangguan Stress Pasca Trauma (Post traumatic Stress Disorder - PTSD). Jika tidak ditangani dari awal, pelbagai isu psikologikal yang lebih serius boleh berlaku seperti penyalahgunaan bahan samada dadah atau alkohol serta berkecenderungan membunuh diri kerana berpendapat ia membantu menghilangkan kesan trauma yang dihadapi. Walau bagaimanapun, apakah tahap pengetahuan kaunselor terhadap isu ini? Apakah kaunselor bersedia mengendalikan klien mangsa buli yang mengalami PTSD? Apakah kaunselor dilengkapi dengan kemahiran dan teknik intervensi yang bersesuaian? Justeru, satu kajian tinjauan analisis keperluan berbentuk kuantitatif dilaksanakan untuk mengetahui perspektif kaunselor terhadap PTSD mangsa buli dan keperluan membangunkan modul intervensi PTSD bagi mengurangkan simptomatologi PTSD mangsa buli. Seramai 161 orang kaunselor dari pelbagai institusi telah terlibat dalam kajian ini melalui teknik Pensampelan Mudah. Kaedah pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian menggunakan aplikasi 'Google Form'. Data kuantitatif dianalisis menggunakan analisis frekuensi (frequency counts) dan peratusan responden (percentage response) mengikut soalan-soalan yang telah dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kaunselor masih kurang mendapat pendedahan tentang teknik dan kemahiran menjalankan intervensi kaunseling terhadap klien mangsa buli yang mengalami gejala PTSD. Oleh itu, amat wajar sekiranya kajian lanjutan tentang pembangunan modul intervensi PTSD mangsa buli yang berfokus dan sistematik dilaksanakan bagi membantu mangsa buli mencapai psikologi yang sejahtera.

Kata Kunci: kaunselor, intervensi, mangsa buli, PTSD

PENGETUA WANITA: PERANAN DALAM MEMBENTUK IDENTITI KEPIMPINAN DALAM KALANGAN GURU

Sakinah Ahmad, Hazlina Abdullah, Mikail Ibrahim, Maziahtusima Ishak

Universiti Sains Islam Malaysia

skahmad@usim.edu.my, mikail@usim.edu.my, hazlina@usim.edu.my,
mshima@usim.edu.my

Pontso Moorosi

University of Warwick, United Kingdom

p.c.moorosi@warwick.ac.uk

ABSTRAK

Kajian ini meninjau idea berkaitan pembangunan identiti kepimpinan sepertimana yang ditonjolkan oleh pengetua wanita dalam amalan kepimpinan sekolah. Kajian ini meninjau bagaimana kepimpinan pengetua wanita memberi kesan terhadap pembangunan identiti kepimpinan dalam kalangan guru, yang mana pada masa yang sama pengetua wanita juga bertungkus lumus untuk mencapai dua bentuk kejayaan di sekolah – akademik dan bukan akademik. Kajian ini memperoleh data melalui pendekatan kualitatif yang menilai peranan kepimpinan pengetua wanita dalam pemaan identiti kepimpinan dalam kalangan guru di empat buah sekolah menengah di Malaysia. Analisa dapatan kajian mencadangkan pemaan identiti kepimpinan dalam kalangan guru mempunyai persamaan dan perbezaan yang dapat dikenalpasti melalui tiga tema iaitu kecemerlangan, kebersamaan dan spiritual. Kajian ini menyimpulkan bahawa dalam usaha membangunkan identiti kepimpinan dalam kalangan guru, pengetua wanita didorong oleh nilai keagamaan mereka sendiri dan budaya yang merangkumi nilai mengambil berat dan saling berkongsi untuk memimpin secara kolektif, timbal-balik dan inklusif. Kajian ini menyumbang ke arah penemuan pembentukan identiti kepimpinan dalam kalangan guru sekolah menengah di Malaysia secara khasnya dan juga boleh diaplikasikan dalam konteks lain di seluruh dunia. Kajian ini juga mencadangkan beberapa implikasi untuk kajian pada masa hadapan.

Kata Kunci: Kecemerlangan akademik dan bukan akademik, identiti kepimpinan, spiritual, kebersamaan.

ASPIRASI FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM MEMPERKASA PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI PEMANGKIN PERUBAHAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT

**Maziahtusima Ishak, Mohd Mursyid Arshad, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ismi Ariff
Ismail, Hayati Ismail, Sakinah Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan, Hazlina Abdullah, Noor
Saazai Mat Saad & Sarifah Nurhanum Syed Shahuri**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
mshima@usim.edu.my

Abstrak

